

KAJIAN MENGENAI  
RELATIVE DEPRIVATION  
DAN  
KEMUNGKINAN-KEMUNGKINAN  
BERLAKUNYA KEGANASAN POLITIK  
DI KALANGAN KOMUNITI BONGOR BARU

Latihan Ilmiah  
Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-Syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera  
(Bachelor of Arts)  
Dalam Antropologi dan Sosiologi

Oleh

No. Matrik 24677

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

November

1976

## KANDUNGAN

<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
Kandungan	i
Sekalung Penghargaan	iv
Senarai Geraf, Rajah dan Jadual	v
BAB 1 : <u>PENGENALAN KAJIAN</u>	1
1.1 Tujuan Kajian	1
1.2 Bidang Kajian	2
1.3 Metodologi	3
1.3.1 Research Design	3
1.3.2 Pemilihan Responden	5
1.3.3 Pengumpulan Data	7
BAB 2 : <u>LATAR BELAKANG: TEMPAT KAJIAN, KOMUNITI DAN RESPONDEN</u>	10
2.1 Tempat Kajian	10
2.2 Komuniti	14
i) Pekerjaan	15
ii) Pemilikan Tanah	17
iii) Pendapatan	19
iv) Kedudukan Harga Barang-Barang Keperluan	21
2.3 Responden	23
i) Umur	25
ii) Pencapaian Pelajaran dan Aliran Persekolahan	26
iii) Pemilikan dan Pengusahaan Tanah	27
iv) Pendapatan	29

BAB 3	:	<u>TEORI DAN PENGERTIAN KONSEP</u>	31
3.1	Teori-Teori Structural	34	
3.2	Teori Psychologi	41	
3.3	Konsep Relative Deprivation (RD) dan Hubungannya dengan Keganasan Politik	46	
3.4	Teori J-curve	59	
BAB 4	:	<u>ANALISA DATA: NILAI-NILAI JANGKAAN DAN PENCAPAIAN, RELATIVE DEPRIVATION SERTA KEMUNGKINAN-KEMUNGKINAN BERLAKUNYA KEGANASAN POLITIK</u>	62
4.1	Nilai Jangkaan	62	
4.1.1	Jangkaan Pencapaian Pelajaran Anak-anak	63	
4.1.2	Jangkaan Dalam Pendapatan	64	
4.1.3	Jangkaan Penglibatan Dalam Politik	65	
4.1.4	Jangkaan Darisegi Aspirasi dan Cita-cita	68	
4.1.5	Jangkaan Untuk Menukar Pekerjaan	69	
4.2	Nilai Pencapaian	70	
4.2.1	Pencapaian Pelajaran Anak-anak	70	
4.2.2	Pencapaian Darisegi Pendapatan	72	
4.2.3	Pencapaian Penglibatan Dalam Politik	73	
4.2.4	Pencapaian Aspirasi dan Cita-cita	76	
4.2.5	Pencapaian Pekerjaan Baru	77	
4.2.6	Kedudukan Personal Masa Sekarang	79	
4.3	Perbezaan Antara Jangkaan Dengan Pencapaian Pencapaian	81	
4.3.1	Ratio Bagi Pencapaian Pelajaran Anak	82	
4.3.2	Ratio Pendapatan	83	
4.3.3	Ratio Penglibatan Dalam Politik	84	
4.3.4	Perbezaan Kedudukan Personal	87	

4.3.5	Perbezaan Kedudukan Negara	91	
4.4	Perbandingan	95	
4.5	Beberapa Aspek Umum Menentukan RD Responden	103	
4.6	Kemungkinan-Kemungkinan Berlakunya Keganasan Politik	110	
4.6.1	Ketidakpuasan Politik	110	
4.6.2	Pengesahan Terhadap Kerajaan	113	
4.6.3	Unsur-Unsur Normative dan Utilitarian Justifications	120	
BAB 5	:	<u>PENUTUP</u>	127
5.1	Kesimpulan	127	
5.2	Masalah Kajian	133	
Bibliografi		135	

#### SEKALUNG PENGHARGAAN

Bersama-sama dengan terjayanya kajian dan penulisan ini pengkaji merakamkan setinggi penghargaan kepada mereka yang telah memberikan, mencerahkan kerjasama, pertolongan samada secara langsung atau tidak dalam proses menjalankan penyelidikan latihan ilmiah ini.

Pertamanya, kepada ibu yang telah dahulu pergi dan pada ayah yang masih ada, gigih di sisi membantu terimalah hasil kajian ini sebagai tandak kejayaan dan hadiah sekaligus yang lahir dari jerih dan titik peluh bersama.

Keduanya, pengkaji sampaikan rasa terhutang budi yang amat sangat kepada penyelia kajian ini iaitu Puan Lee Ai Yun dan terutamanya kepada Mr. Lim Mah Hui yang telah banyak memberikan kerjasama, pertolongan dan tunjuk ajar kepada pengkaji sehingga selesailah sudah pengkajian dan penulisan latihan ilmiah ini.. Pada mereka berdua diucapkan " Terimakasih daun keladi....."

Akhirnya pengkaji ucapan terimakasih yang tulus dan ikhlas kepada sahabat dan kawan-kawan yang telah menolong secara langsung dalam usaha-usaha pengkajian ini.

Sekian.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.  
November, 1976.

Dari Pengkaji,  
No. Matrik 24677

## SENARAI GERAF, RAJAH DAN JADUAL

### 1. GERAF

### Mukasurat

Geraf 1:	Kedudukan Harga Getah, Beras, Gula dan Minyak kelapa Bagi Tahun-Tahun 1971 Hingga 1975	24
Geraf 2:	Mean Kedudukan Negara dan Personal Bagi Masa 5 Tahun Dahulu, Sekarang dan 5 Tahun Hadapan	101

### 2. RAJAH

Rajah 3:1 :	Decremental Deprivation	50
Rajah 3:2 :	Aspirational Deprivation	51
Rajah 3:3 :	Progressive Deprivation	53
Rajah 3:4 :	Pencapaian Kehendak dan Revolusi	60
Rajah 3:5 :	A Causal Model of The Primary and Secondary Determinants of Magnitude of Political Violence	61

### 3. JADUAL

Jadual 1:1 :	Corak Pengusahaan Tanah Oleh Responden Yang Terpilih	6
Jadual 2:1 :	Corak Pengusahaan Kebun Getah-Komuniti	16
Jadual 2:2 :	Taburan Pemilikan Tanah-Komuniti	18
Jadual 2:3 :	Taburan Pendapatan Keluarga-Komuniti	20
Jadual 2:4 :	Perubahan Harga Barang-Barang Keperluan dan Harga Getah Dari Tahun 1971 Hingga 1975	21
Jadual 2:5 :	Peringkat Umur Responden	25
Jadual 2:6 :	Tingkat Pencapaian Pelajaran Responden	26
Jadual 2:7 :	Taburan Pemilikan Tanah Oleh Responden	27
Jadual 2:8 :	Corak Pengusahaan Tanah Responden	29
Jadual 2:9 :	Taburan Pendapatan Responden	30
Jadual 4:1 :	Jangkaan Pencapaian Pelajaran Anak-Anak	63
Jadual 4:2 :	Jangkaan Terhadap Pendapatan	64

Jadual 4:3	: Jangkaan Untuk Turut Terlibat Dalam Politik Tempatan	66
Jadual 4:4	: Jangkaan Untuk Turut Terlibat Dalam Politik Nasional	67
Jadual 4:5	: Aspirasi dan Cita-Cita Responden	68
Jadual 4:6	: Pemilihan Pekerjaan Baru	69
Jadual 4:7	: Keupayaan Pencapaian Pelajaran Anak-Anak	71
Jadual 4:8	: Pencapaian Pendapatan	72
Jadual 4:9	: Pencapaian Penglibatan Dalam Politik Tempatan	74
Jadual 4:10	: Pencapaian Penglibatan Dalam Politik Nasional	75
Jadual 4:11	: Jangkamasa Pencapaian Aspirasi	76
Jadual 4:12	: Kuasa Penentu Pencapaian Aspirasi	77
Jadual 4:13	: Harapan Untuk Mencapai Pekerjaan Baru	78
Jadual 4:14	: Kedudukan Personal Responden Sekarang	80
Jadual 4:15	: Ratio Pencapaian Pelajaran Anak-Anak	82
Jadual 4:16	: Ratio Pendapatan Responden	83
Jadual 4:17	: Ratio Penglibatan Dalam Politik Tempatan dan Nasional	85
Jadual 4:18a	: Kedudukan Personal Dalam Jangkamasa 5 Tahun Dahulu, Sekarang dan 5 tahun Depan	87
Jadual 4:18b	: Perubahan Kedudukan Personal Antara 5 Tahun Dahulu Dengan Sekarang, Sekarang Dengan 5 Tahun Hadapan dan 5 tahun dahulu Dengan 5 Tahun Hadapan	89
Jadual 4:19	: Kedudukan Negara Dalam Jangkamasa 5 Tahun Dahulu, Sekarang dan 5 Tahun Depan	92
Jadual 4:20	: Perubahan Kedudukan Negara Antara 5 Tahun Dahulu Dengan Sekarang, Sekarang Dengan 5 Tahun Hadapan dan 5 Tahun Dahulu Dengan 5 Tahun Hadapan	94
Jadual 4:21	: Mean Ratio Bagi Pendapat, Pencapaian Pelajaran Anak, Penglibatan Dalam Politik Tempatan dan Nasional	96

Jadual 4:22 :	Perbezaan Mean Kedudukan Antara Negara Dengan Personal Bagi 5 Tahun Dahulu, Sekarang dan 5 Tahun Hadapan	100
Jadual 4:23 :	Mean Perubahan Kedudukan Bagi Negara dan Personal	102
Jadual 4:24 :	Persoalan-Persoalan Yang Dikemukakan Bagi Menentukan Sikap dan Pandangan Responden	104
Jadual 4:25 :	Golongan Yang Berpendapatan Paling Tinggi Dari Kacamata Responden	106
Jadual 4:26 :	Anggaran Pendapatan Golongan Yang Dipilih	107
Jadual 4:27 :	Pandangan Responden Terhadap Golongan Yang Berpendapatan Tinggi	108
Jadual 4:28 :	Pendapat Responden Terhadap Pendapatan Golongan Yang Dipilih Jika Dibandingkan Dengan Pendapatan Mereka	108
Jadual 4:29 :	Pendapat Responden Terhadap Perbezaan Pendapatan Mereka Dengan Pendapatan Golongan Yang Dipilih	109
Jadual 4:30 :	Jangkaan Kejayaan Projek-Projek Yang Dijalankan	111
Jadual 4:31 :	Penentuan Kejayaan Projek Dalam Mencapai Matlamatnya	112
Jadual 4:32 :	Pihak Yang Bertanggung Jawab Diatas Kegagalan Projek	112
Jadual 4:33 :	Pendapat Responden Terhadap Kewujudan Kerajaan	113
Jadual 4:34 :	Pandangan Responden Terhadap Perkara-Perkara Yang Berlaku Dalam Pilihanraya	114
Jadual 4:35 :	Keputusan Pilihanraya Bagi Tahun 1969 dan 1974	115
Jadual 4:36 :	Masalah Utama Negara Mengikut Pangdangan Responden	117
Jadual 4:37 :	Cara-Cara Yang Telah Dijalankan Oleh Kerajaan Untuk Mengatasi Masalah Utama Negara	118
Jadual 4:38 :	Penilaian Responden Atas Kejayaan Kerajaan Mengatasi Masalah Dalam Masa 10 Tahun Dahulu	119

Jadual 4:39 :	Harapan Responden Terhadap Keupayaan Kerajaan Untuk Mengatasi Masalah Di-Masa Hadapan	120
Jadual 4:40 :	Tindakan Yang Akan Diambil Sekiranya Kehidupan Susah	121
Jadual 4:41 :	Keadaan-Keadaan Yang Menyebabkan Responden Sanggup Menggunakan Kekerasan	122
Jadual 4:42 :	Sikap Responden Terhadap Tindakan Nabi Muhammad S.A.W	125

## BAB 1

### PENGENALAN KAJIAN

#### 1.1 Tujuan Kajian

Pada umumnya idea dan kajian-kes ini adalah berkaitan dengan masalah social movement. Di mana kajian ini cuba mendedahkan sebab-musabab yang boleh menimbulkan social movement itu. Pergerakan sozial ini boleh berlaku dalam banyak keadaan mengikut darjah pergerakannya, samada berlaku dalam keadaan paling simple, spontan dan sehingga paling tersusun. Ini termasuklah keganasan politik dan revolusi. Oleh itu kajian ini adalah bertujuan melihat penentu-penentu yang memungkinkan timbulnya social movement, khususnya di kalangan pekebun kecil getah.

Secara amnya kajian ini akan menggunakan pendekatan Structural dan Psychology. Pendekatan Structural ialah dengan melihat faktor-faktor sosial, manakala pendekatan Psychology pula menumpukan pemerhatian kepada faktor-faktor peribadi individu yang memungkinkan sesorang itu terlibat dalam pergerakan sosial.

Secara lebih khusus kajian ini adalah berasaskan kepada teori yang telah dikemukakan oleh Robert Ted Gurr mengenai tindakan-tindakan keganasan, iaitu pendekatan secara Psycho-societal. Pendekatan ini melihat angkubah-angkubah Psychology dan sosial secara serentak dan kait mengait dalam mendorongkan sesorang atau satu kelompok manusia itu melakukan tindakan keganasan. Sebenarnya pendekatan ini berasaskan kepada konsep Relative Deprivation (RD) yang telah dikemukakan oleh Ted Gurr sendiri. Secara lebih spesifik kajian ini bertujuan:-  
i) Menentukan penyebaran RD di kalangan pekebun kecil getah. Tumpuan

penyebaran RD ini dilihat dalam aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik. Iaitu setakat manakah darjah RD yang dialami dalam setiap aspek ini. Dengan lain perkataan pemerhatian akan ditumpukan kepada intensity dan scope RD yang dialami.

- ii) Melihat faktor-faktor personal dengan darjah RD yang dialami. Iaitu menentukan samada latar belakang peribadi pekebun kecil getah ini mempunyai perkaitan dengan RD yang dialami.
- iii) Melihat dan menentukan samada sikap keganasan dan kekerasan ada kaitan dengan RD. Iaitu dilihat samada RD yang dialami itu mendorongkan mereka melakukan tindakan keganasan atau violence.
- iv) Melihat kemungkinan wujudnya faktor-faktor structural yang boleh mendorongkan mereka yang mengalami RD itu melakukan tindakan keganasan terutamanya keganasan politik. Pemerhatian ini ditumpukan kepada unsur-unsur sosial yang ada yang membolehkan atau membenarkan mereka yang mengalami RD itu melakukan tindakan keganasan.

## 1.2 Bidang Kajian

Secara umumnya kajian ini dijalankan keatas komuniti di kawasan Bongor Baru di Daerah Baling, Kedah. Kawasan ini merupakan satu kawasan luar bandar di mana anggota komunitinya bekerja sebagai penoreh getah secara berkebun kecil. Kajian ini sesungguhnya tidak melibatkan komuniti lain, semata-mata terhad kepada pekebun kecil getah yang tinggal di kawasan ini sahaja. Kajian ini dijalankan pada awal tahun 1976 iaitu antara bulan Februari hingga bulan Mei.

Secara lebih khusus dan spesifik kajian ini tertumpu kepada 40 buah keluarga yang terpilih dari keseluruhan jumlah keluarga dalam komuniti ini. Data-data yang dijadikan bahan analisa kajian kebanyakannya adalah

didapati dari ketua-ketua keluarga yang terpilih sebagai sample kepada komuniti ini. Merekalah yang menjadi unit asas dalam analisa kajian ini. Oleh itu hasil-hasil dan segala keputusan kajian ini dapatlah mewakili keseluruhan anggota komuniti pekebun kecil getah di kawasan ini.

Oleh sebab kajian ini hanya terbatas kepada komuniti ini sahaja, maka segala hasil kajian ayau keputusannya mungkin tidak dapat di-aplikasikan kepada komuniti pekebun kecil getah lain. Ini adalah kerana kemungkinan corak serta keadaan kehidupan mereka berlainan sama sekali dengan corak kehidupan komuniti yang dikaji ini.

### 1.3 Metodologi

Bagi mendapatkan pengetahuan asas mengenai kawasan dan komuniti yang dikaji tidaklah begitu menyulitkan. Ini adalah kerana pengkaji memang berasal dan tinggal menetap di kawasan ini. Oleh itu pengkaji tidaklah menghadapi sebarang masalah dalam membuat penyesuaian semasa menjalankan kajian ataupun untuk mendapatkan kerjasama dari anggota komuniti ini. Perhubungan antara pengkaji dengan anggota komuniti adalah baik dan mesra, hubungan dalam bentuk personal.

Untuk mendapatkan data-data serta lain-lain keterangan dari komuniti ini beberapa metod kajian telah dipergunakan. Metod yang dipergunakan itu adalah dipersesuaikan dengan tujuan serta aspek-aspek yang hendak dikiji itu.

#### 1.3.1 Research Design

Beberapa bentuk research design telah dipergunakan dalam kejadian ini

"bagi mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan. Diantara research design yang bersesuaian dan dipergunakan ialah exploratory, library research dan survey.

Exploratory study terpaksa dilakukan bagi mendapatkan beberapa jenis data dan penerangan tertentu yang berkait dengan komuniti ini. Penyelidikan dan pemeriksaan di tempat-tempat tertentu perlu dilakukan bagi mendapatkan penerangan umum seperti penyelidikan dijalankam di-pejabat penghulu, masjid dan kedai runcit tempatan.

Bagi mendapatkan jumlah populasi atau household dalam komuniti ini pengkaji terpaksa menyemak data-data dalam 'buku catitan' masjid tempatan. Penyelidikan di pejabat penghulu dilakukan bagi mendapatkan data-data mengenai pemilikan tanah oleh anggota komuniti ini. Manakala senarai herga barang-barang keperluan (consumer goods) seperti beras, gula dan minyak kelapa didapati dari sebuah kedai runcit tempatan yang mana menjadi tumpuan komuniti ini mendapatkan bekalan barang keperluan harian. Sebaliknya senarai harga getah pula diperolehi dari 'buku catitan perniagaan' sebuah kedai membeli getah di pekan Baling.

Library research juga penting, terutamanya dalam persedian awal kajian ini. Dalam menyediakan rangka teori dan penganalisaan konsep terpaksa digunakan secondary material iaitu dengan membuat rujukan kepada hasil-hasil penulisan yang berkaitan yang tersedia ada. Dengan membuat rujukan perpustakaan ini dapatlah difahami teori-teori dan konsep yang berkenaan secara mendalam dan disamping data-data yang dikumpulkan baru dapat membuat analisa secara empirikal.

Survey atau satu tinjauan dilakukan bagi memastikan keadaan latar belakang kawasan dengan lebih mendalam dan lebih lengkap lagi. Misalnya dalam melihat kemudahan-kemudahan asas yang terdapat dalam kawasan ini seperti institusi-institusi pendidikan, pusat kesihatan dan pusat-pusat pentadbiran. Pengkaji juga menjalankan perbualan secara tidak lansung dengan anggota komuniti dengan mengemukakan persoalan-persoalan umum untuk mendapatkan penerangan lanjut dari komuniti itu sendiri. Walau pun begitu tidaklah semua anggota komuniti ditemui untuk tujuan ini.

#### 1.3.2 Pemilihan Responden.

Kajian ini sebenarnya tidaklah melibatkan keseluruhan anggota komuniti. Sebaliknya hanya sebahagian anggota komuniti (keluarga) dipilih untuk dijadikan sample sebagai mewakili komuniti seluruhnya. Sample atau responden inilah menjadi objek dan tumpuan kajian khusus.

Responden dipilih untuk mewakili komuniti seluruhnya, oleh itu pemilihan responden mestilah benar-benar bersifat representative kepada komuniti. Atas tujuan ini responden dipilih berdasarkan kepada pemilikan keatas tanah yang diusahaikan. Daripada 173 buah keluarga dalam komuniti cuma 40 buah keluarga sahaja untuk dijadikan sample. Mereka yang dipilih hanyalah terdiri dari keluarga-keluarga yang memiliki tanah/kebun getah kurang dari 10 ekar dan bergantung hidup sepenuhnya kepada pekerjaan menoreh getah.

Responden dipilih secara stratified random dimana keseluruhan keluarga dibahagikan kepada kelas-kelas tertentu berdasarkan kepada corak pengusahaan tanah/kebun getah. Daripada pembahagian ini responden

dipilih secara undi bagi tiap-tiap kumpulan. Kompôsisi responden yang terpilih dapat dilihat dalam jadual 1:1. Daripada 45 buah keluarga yang tidak memiliki tanah, bergantung hidup dengan menyewa kebun getah orang lain dipilih 16 keluarga sebagai responden. Sejumlah 15 keluarga telah dipilih sebagai responden dari 41 keluarga yang bergantung hidup dengan mengerjakan kebun getah hak milik persendirian. Manakala 5 keluarga dipilih dari 8 keluarga yang bekerja dikebun getah sendiri dan menyewa hak orang lain kerana pemilikan sendiri tidak dapat menampung keperluan tenaga keluarga. Dan 4 keluarga dipilih dari 6 keluarga yang bekerja dikebun getah sendiri dan menyewakan lebihan kepada orang lain. Lebihan ini adalah kerana tenaga kerja keluarga tidak mencukupi untuk mengusaha tanah getah yang dimiliki itu.

JADUAL 1:1

CORAK PENGUSAHAAN TANAH GETAH  
OLEH RESPONDEN YANG TERPILIH

Corak Pengusahaan	Bil.	%
Menyewa hak orang lain	16	40.0
Kerja hak milik persendirian	15	37.5
Kerja hak milik sendiri dan menyewa hak orang lain	5	12.5
Kerja hak milik sendiri dan sewakan kepada orang lain.	4	10.0
 Jumlah	40	100

Perlu diperjelaskan bahawa responden hanya dipilih dari golongan anggota komuniti yang betul-betul bergantung hidup kepada kerja-kerja menoreh getah sahaja. Oleh itu tuan-tuan tanah yang tidak mengerjakan kebun getah mereka tidak dipilih. Begitu juga dengan anggota komuniti

yang bekerja di sektor lain dan anggota komuniti yang keseluruhan anggota keluarga tidak sepenuhnya terlibat dalam kerja-kerja menoreh getah. Keluarga yang dimaksudkan tidak sepenuhnya terlibat dalam kerja menoreh getah ini ialah misalnya suami kerja makan gaji atau sebagai boroh sedangkan isteri dan mungkin anak-anak bekerja menoreh getah. Golongan ini tidak dipilih kerana kajian ini tertumpu kepada anggota komuniti yang betul-betul terlibat dalam kerja menoreh getah.

### 1.3.3 Pengumpulan Data

Data-data mengenai responden didapati dengan menjalankan temuduga secara personal (personal interviewing). Setiap responden yang terpilih ditemuduga. Proses temuduga ini biasanya memakan masa selama lebih kurang satu setengah jam bagi tiap-tiap responden. Kepanjangkan masa yang diambil ini adalah kerana jumlah soalan yang dikemukakan agak banyak juga. Lagipun perbualan tidak terhad kepada soalan yang telah disediakan sahaja, malahan melibatkan persoalan-persoalan lain yang dianggap penting untuk kajian ini.

Kebanyakan proses temuduga ini dijalankan pada waktu petang ataupun malam. Ini adalah kerana pada waktu ini responden biasanya berada di rumah manakala diwaktu-waktu lain responden bekerja, terutamanya waktu pagi. Namunpun begitu kadangkala proses temuduga ini dilakukan pada waktu pagi, iaitu pada hari-hari mereka tidak dapat bekerja, hari hujan.

Proses temuduga ini dijalankan dengan menggunakan metod soal-selidik (questionnaire) yang telah disediakan terlebih awal. Soal-selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu soal-selidik tertutup dan terbuka (close-ended and open-ended). Soal-selidik

tertutup cuma diminta responden memilih jawaban yang telah disediakan. Manakala soal-selidik terbuka memberi peluang kepada responden menjawab secara terbuka mengikut selera, pandangan dan pendapatnya sendiri.

Pada keseluruhannya soalan-soalan yang dikemukakan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:-

- i) Persoalan mengenai latar belakang responden seperti umur, taraf pelajaran, pemilikan tanah dan pendapatan. Soalan-soalan ini memerlukan jawaban secara langsung dan berbentuk factual.
- ii) Pendapat mengenai sesuatu perkara atau keadaan. Soalan-soalan ini melibatkan penilaian dan sikap responden terhadap sesuatu perkara. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan penilaian responden terhadap sesuatu yang didedahkan kepada mereka.
- iii) Persoalan impulsive need. Ini berkaitan dengan persoalan-persoalan yang menyentuh harapan dan aspirasi mereka.

Data-data yang didapati dari responden tidaklah semata-mata dengan menggunakan questionnaire, tetapi juga dengan cara informal interview. Data-data dan penerangan juga diperolehi dan dikumpulkan melalui perperbualan dan perbincangan harian. Dalam perbualan ini pengkaji mengemukakan soalan-soalan yang penting tanpa disedari oleh responden. Cara ini dikenali sebagai metod schedüle. Perbualan begini memberi peluang kepada responden mempersoalkan sesuatu, memberi pendapat dan pandangan mereka tanpa had. Sesuatu itu dapat diperbincangkan secara meluas dan sesuka hati mereka.

Secara keseluruhannya metod kajian dan pengumpulan data ini adalah berbentuk field work dan participant observation. Di mana pengkaji turut

terlibat dalam penghidupan harian responden dan komuniti seluruhnya. Oleh itu data-data juga dapat dikumpulkan dengan membuat pemerhatian kepada aktiviti-aktiviti harian mereka ataupun turut terlibat secara langsung dalam perkumpulan, perbincangan serta perbualan dengan mereka.

## BAB 2

### LATAR BELAKANG

#### TEMPAT KAJIAN, KOMUNITI DAN RESPONDEN

##### 2.1 Tempat Kajian

Kajian ini khusus dijalankan di kawasan Bongor Baru yang terletak di dalam Mukim Bongor, Daerah Baling, Kedah. Kawasan ini sebenarnya merupakan salah satu daripada pecahan Mukim Bongor yang dibahagikan kepada tiga kawasan iaitu Bongor Baru, Bongor Tengah dan Bongor Dekat. Kawasan Bongor Baru ini terletak kira-kira 3.5 batu ke utara pekan Baling dan tidak pula berjauhan dari sempadan antara Malaysia dengan Thailand. Oleh itu kawasan ini adalah merupakan salah satu kawasan pendalaman negeri Kedah.

Kawasan Bongor Baru ini sebenarnya terdiri dari beberapa buah kampung kecil, dimana yang menjadi tumpuan kajian ini ialah kampung Tok Golok, Bukit Payong, Dusun Raja, Banggul Derum, Kampung Tandop, Banggul Gelugur dan Bendang Padang. Kampung-kampung kecil ini disatukan atas nama Bongor Baru yang berada di bawah kuasa seorang Ketua Kampung yang dilantik oleh Penghulu Mukim. Ketua Kampung bertanggung jawab terhadap anak buahnya (anggota kampung) berkaitan dengan soal-soal sosio-ekonomi dan politik tempatan. Tugasnya yang utama ialah menjaga ketenteraman kampung, menyelesaikan sebarang pergaduhan atau perselisihan faham yang mungkin timbul dikalangan anggota komuniti kampung ini.

Kawasan ini mempunyai penghuni seramai lebih kurang 1,000 orang anggota yang terdiri dari 173 buah keluarga Melayu. Kegiatan ekonomi

di kawasan ini tertumpu kepada kegiatan dan usaha-usaha pertanian, terutamanya berkebun kecil getah. Getah menjadi tanaman wang dan sumber ekonomi yang utama yang mana biasanya ditanam sekitaran kaki bukit yang dianggap bersesuaian. Walaupun begitu terdapat juga lain-lain tanaman yang diusahakan seperti padi, kelapa, pisang dan lain-lain tanaman buah-buahan. Padi biasanya di tanam di kawasan lembah dan pinggiran sungai iaitu kawasan-kawasan yang senang disaliri air. Tanaman padi diusahakan bukanlah untuk jualan tetapi semata-semata untuk penggunaan sendiri.

Manakala lain-lain tanaman seperti kelapa, pisang dan buah-buahan diusahakan secara kecilan dan sambilan sahaja. Kebiasaannya tanaman ini ditanam di kawasan persekitaran rumah. Malah boleh dikatakan setiap rumah di kawasan ini di persekitarannya terdapat tanaman ini, terutamanya kelapa dan pisang.

Di Kawasan ini juga terdapat beberapa kemudahan asas. Sebuah masjid disediakan sebagai tempat beribadat, mengadakan upacara-upacara ugama dan lain-lain kegiatan yang berkait dengan ugama dan kebajikan sosial. Sebuah dewan (balai raya) telah didirikan khas untuk kegunaan komuniti di kawasan ini. Ianya dipergunakan sebagai tempat mengadakan perjumpaan umum dan kegiatan sosial. Ini termasuklah perjumpaan bagi membincangkan persoalan politik dan pentadbiran tempatan. Di balai raya ini juga dijalankan 'Kelas Pelajaran Dewasa' atau ' Kelas Kemajuan Masyarakat' atas tujuan untuk membasmikan buta huruf dikalangan orang-orang dewasa.

Kemudahan-kemudahan pelajaran juga telah disediakan oleh kerajaan untuk kawasan ini. Sebuah Sekolah Kebangsaan (sekolah rendah) terdapat

di kawasan Bongor Tengah iaitu kira-kira sebatu jaraknya dari Bongor Baru. Oleh itu semua anak-anak dari kawasan ini boleh mendapatkan pelajaran asas peringkat rendah di sekolah ini. Sebaliknya untuk mendapatkan pelajaran peringkat menengah anak-anak dari kawasan ini terpaksa dihantar belajar di pekan Baling kerana di kawasan Bongor Baru tidak terdapat kemudahan pelajaran menengah. Dua buah sekolah menengah telah disediakan di pekan Baling. Iaitu Sekolah Menengah Baling (aliran Melayu) dan Sekolah Menengah Tunku Putera (aliran Inggeris). Kedua-dua sekolah menengah ini menyediakan pelajaran sehingga tingkatan lima sahaja

Dalam usaha-usaha mendapatkan pelajaran peringkat menengah ini anak-anak dari kawasan Bongor Baru mengalami beberapa kesulitan misalnya masalah pengangkutan. Masalah ini timbul bersebab dari kedudukan sekolah yang jauh dari kawasan ini iaitu kira-kira 4 batu jaraknya. Keadaan ini menimbulkan masalah perbelanjaan tambang perjalanan harian. Terdapat setengah-setengah keluarga tidak mampu untuk membayai kos perjalanan persekolahan anak-anak mereka. Lagipun perkhidmatan bas bagi mengangkut pelejar tidak mencukupi, cuma setakat ini terdapat dua buah bas sahaja. Masalah dan kesulitan ini tidak kurang kesannya sebagai sebab kecinciran dikalangan komuniti ini.

Penduduk kawasan ini juga mendapat kemudahan kesihatan. Sebuah klinik bidan disediakan di kawasan Bongor Tengah yang memberi khidmat keseluruhan mukim Bongor. Sebaliknya untuk mendapatkan rawatan perubatan penduduk kawasan ini terpaksa pergi ke rumah sakit umum di pekan Baling. Oleh sebab rumah sakit ini memberi khidmat kepada seluruh penduduk daerah Baling, maka seringkali sahaja berlaku kesesakan. Terlalu ramai sangat orang memerlukan rawatan.

Lain-lain kemudahan terutamanya berkaitan dengan soal pentadbiran disediakan di pekan Baling yang sememangnya menjadi pusat pentadbiran daerah ini. Antaranya ialah terdapat Pejabat Daerah, Pejabat Pertanian, Pejabat Tanah, Pejabat Pos dan sebuah Balai Polis. Penduduk-penduduk kawasan ini boleh menghubungi pejabat berkenaan sekiranya mereka sebarang masalah yang berkaitan dengannya.

Pekan Baling juga menjadi tumpuan penduduk kawasan ini sebagai pasaran, samada untuk memasarkan barang keluaran terutamanya getah ataupun untuk membeli barang-barang keperluan. Pekan Baling juga menjadi tempat atau pusat perhubungan penduduk daerah ini. Dimana mereka sering keluar dan bertemu serta berintraksi antara satu sama lain di pekan ini.

Komuniti Bongor Baru juga mendapat kemudahan perkhidmatan kilang memproses getah secara berkelompok yang didirikan oleh pihak MRDC (Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia) di Kuala Pegang, lebih kurang 15 batu jaraknya dari kawasan ini. Kilang getah ini telah dibuka pada pertengahan tahun 1975 bertujuan untuk memproses susu getah disekitar daerah Baling, termasuk kawasan Bongor Baru. Di dalam kawasan ini sendiri terdapat sebuah kilang membakar arang dari kayu getah. Bagi pekebun yang menebang pokok-pokok getah tua mereka atas tujuan untuk 'menanam semula' boleh menjualkan kayu getah itu kepada pihak kilang ini. Hasil penjualan ini dapatlah menampung perbelanjaan dalam proses 'tanam semula' itu.

Penduduk kawasan ini juga dapat menikmati kemudahan 'mass-media' seperti surat kabar, radio ataupun televisyen. Boleh dikatakan ramai keluarga disini memiliki radio samada kecil atau besar mengikut selera

dan kemampuan masing-masing. Surat kabar kalaupun tidak melanggannya setiap hari, bagi mereka yang tidak buta huruf boleh membacanya dikedai-kedai runcit yang melanggannya setiap hari. Jadi sambil membeli barang sempat juga mereka membaca surat kabar itu. Manakala telivision pula hanya dimiliki oleh orang-orang yang betul-betul mampu sahaja. Ini adalah kerana harganya terlalu mahal. Lagipun terpaksa menggunakan 'generator letrik' sendirian kerana kawasan ini tidak ada perbekalan letrik awam. Walaupun begitu salah sebuah kedai runcit disini ada menyediakan sebuah telivision untuk umum disamping untuk menarik para pelanggannya.

Alat-alat sebaran-am ini samada surat kabar, radio ataupun telivision memainkan peranan penting dalam meluaskan fikiran dan menambahkan pengetahuan orang ramai. Dimana 'mass-media' ini dapat dianggap sebagai alat pendedahan berbagai perkara dan peristiwa semasa yang berlaku seharian.

## 2.2 Komuniti

Kajian ini tertumpu khusus kepada komuniti di kawasan Bongor Baru. Walaupun kawasan ini terdiri dari beberapa buah kampung kecil tetapi semua penduduknya dianggap sebagai satu komuniti. Ini adalah berasaskan kepada ciri-ciri utama komuniti yang telah diberikan oleh G.A. Hillery (*Rural Sociology*, Vol. 20, 1955; 118). Iaitu sesuatu kelompok manusia layak digolongkan sebagai satu komuniti mesti memenuhi sekurang-kurangnya tiga ciri penting iaitu "common area, commomties, and social interaction."

Perkawasan bersama(common area) bermaksud bahawa setiap individu dalam komuniti itu mestilah tinggal dalam satu kawasan yang sama dan terhad. Mereka tinggal disatu kawasan dan mengamalkan cara hidup yang sama. Ini jelas seperti yang diterangkan oleh MacIver and Page (Society: 1949), "There must be a common living with it awareness of sharing a way of life as well as the common earth."

Corak perhubungan sosial(social interaction) adalah atas dasar kepentingan bersama bagi setiap anggota komuniti. Mereka mempunyai sikap dan asas-asas ikatan bersama(common ties). Setiap anggota mengitiraf dan mengamalkan norma-norma sosial yang dilahirkan dari institusi-institusi sosial yang dipatuhi bersama.

Berbalik kepada kawasan yang dikaji terdapat ujudnya ciri-ciri ini. Oleh itu walaupun kawasan ini terdiri daripada beberapa buah kampung kecil tetapi anggotanya dapat dianggap sebagai satu komuniti sahaja. Kesemua anggota komuniti terdiri dari kumpulan'ethnic' yang sama iaitu Melayu. Dalam interaksi harian mereka menggunakan bahasa Melayu tetapi dalam 'dialect' tempatan.

#### i) Pekerjaan

Pekerjaan utama bagi komuniti ini ialah menoreh getah. Walaupun begitu terdapat lain-lain pekerjaan yang dijalankan seperti bersawah padi, kerja boroh, berniaga dan pemandu teksi. Bagi anggota yang betul-betul terlibat dalam pekerjaan menoreh getah dapat dibahagikan kepada beberapa kategori tertentu berdasarkan corak pengusahaan keatas tanah getah, seperti samada kerja sendirian atau menyewa hak milik orang.

Daripada keseluruhan 173 keluarga dalam komuniti ini kira-kira 26% keluarga yang bergantung hidup dengan mengerjakan kebun getah hak milik orang lain secara sewa. Mereka ini adalah dari golongan yang tidak mempunyai tanah getah. Pembayaran sewa dilakukan dengan membahagi dua hasil keluaran antara pekerja dengan tuan punya kebun getah. Bagi mereka yang mempunyai kebun getah berlebihan dari keperluan tenaga kerja keluarga akan menyewakan lebihan itu kepada orang-orang lain yang memerlukannya. Golongan ini berjumlah kira-kira 3.5% dari jumlah keluarga Manakala 23.7% keluarga memiliki kebun getah secukup dengan keperluan tenaga kerja keluarga. Oleh itu kesemua kebun getah yang dimiliki itu dikerjakan sendirian (keluarga). Terdapat juga keluarga yang mempunyai kebun getah yang tidak cukup untuk menampung keperluan tenaga kerja keluarga. Oleh itu untuk mengatasi masalah ini mereka terpaksa menyewa kebun getah orang lain sebagai tambahan. Mereka ini berjumlah kira-kira 4.6% daripada keseluruhan keluarga.

JADUAL 2:1

CORAK PENGUSAHAAN KEBUN GETAH-KOMUNITI

Corak pengusahaan	Bil.	%
Menyewa hak milik orang lain	45	26.0
Kerja hak milik persendirian	41	23.7
Kerja hak sendiri & menyewa hak orang lain	8	4.6
Kerja hak sendiri & sewakan kpd. orang lain	6	3.5
Sewakan kepada orang lain sahaja	24	13.9
Lain-lain	49	28.3
Jumlah	173	100

Dalam komuniti ini juga terdapat tuan-tuan tanah yang bergantung hidup kepada tenaga kerja orang lain. Dimana kebun-kebun getah milikan mereka disewakan kepada anggota komuniti yang memerlukannya. Golongan ini berjumlah kira-kira 13.9%. Manakala yang lain-lain iaitu kira-kira 28.3% daripada jumlah keluarga itu bekerja secara campuran, keseluruhan keluarga tidak sepenuhnya terlibat dalam kerja menoreh getah. Misalnya sisuami kerja makan gaji tetapi isteri dan mungkin anak-anaknya kerja menoreh getah. Golongan ini termasuk juga mereka yang bekerja dibidang lain seperti bermiaga runcit, boroh atau pemandu teksi yang tidak seberapa bilangannya.

Daripada pembahagian ini didapati 100 keluarga atau kira-kira 57.8% daripada keseluruhan keluarga komuniti yang betul-betul terlibat dalam pekerjaan menoreh getah. Mereka inilah yang sebenarnya bergantung hidup dengan mencurahkan tenaga dikebun getah. Manakala sejumlah 73 keluarga atau 42.2% lagi yang terdiri dari tuan-tuan tanah dan mereka yang bekerja secara campuran tidaklah sepenuh masa dan betul-betul terlibat dalam usaha-usaha dikebun getah.

ii) Pemilikan Tanah-

Corak pengusahaan tanah getah berkait rapat dengan taburan pemilikan tanah. Taburan pemilikan tanah dalam komuniti ini tidaklah seimbang, terdapat jurang perbezaan yang ketara. Secara keseluruhannya komuniti ini adalah miskin dalam pemilikan tanah. Tanah yang dimiliki tidak mencukupi untuk menampung keperluan tenaga kerja keluarga.

Daripada pembahagian pemilikan ini, didapati golongan yang terbesar sekali ialah mereka yang tidak langsung mempunyai tanah iaitu berjumlah

kira-kira 45% dari keseluruhan keluarga. Kira-kira 43.4% keluarga memiliki tanah kurang dari 5 ekar. Manakala sejumlah 6.4% keluarga memiliki tanah seluas antara 5.1 hingga 10 ekar. Pemilikan seluas antara 10.1 hingga 15 ekar terdapat kira-kira 4% keluarga dan 1.2% daripada seluruh keluarga memiliki tanah antara 15.1 hingga 20 ekar.

JADUAL 2;2

TABURAN PEMILIKAN TANAH-KOMUNITI

Luas tanah(ekar)	Bil.	%
0	78	45
kurang dari 5	75	43.4
5.1 hingga 10	11	6.4
10.1 hingga 15	7	4
15.1 hingga 20	2	1.2
Jumlah	173	100

mean=2.7 ekar

Kalau diperhatikan kepada jadual ini, terdapat kira-kira 94.8% keluarga komuniti memiliki tanah kurang dari 10 ekar. Mereka ini adalah tergolong kedalam golongan petani miskin kalau mengikut had ukuran yang diberikan oleh FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan) iaitu tiap keluarga petani mesti memiliki tanah sekurang-kurangnya 10 ekar. Cuma terdapat kira-kira 5.2% sahaja dari keseluruhan keluarga yang memiliki tanah melebihi had 10 ekar. Oleh itu secara keseluruhannya majoriti keluarga komuniti ini adalah tergolong dalam kelompok petani miskin.

iii) Pendapatan

Pendapatan pada umumnya ditentukan secara langsung oleh jumlah pemilikan kebun getah. Walaupun begitu terdapat beberapa faktor lain yang tidak kurang penting dalam menentukan pendapatan penoreh getah. Terutamanya kedudukan harga getah dipasaran dan keadaan cuaca serta musim.

Kedudukan harga getah sebelum diadakan 'Rancangan Setok Penimbang' adalah tidak stabil. Turun naiknya boleh berlaku dalam masa yang singkat. Kedudukan harga getah bergantung kepada pasaran yang berdasarkan kepada permintaan dan penwaran diperingkat nasional dan internasional. Kalau diperhatikan pada geraf (muka surat 24) kedudukan harga getah antara tahun-tahun 1971 hingga 1975 adalah tidak tetap. Misalnya pada tahun 1972 harga getah berada antara 30sen hingga 35sen sekati, tetapi pada tahun 1973 dan awal tahun 1974 harga getah melambung naik dari 55sen sekati hingga 71sen. Sebaliknya pada pertengahan tahun 1974 mulai merosot kepada 55sen sekati dan terus menerus merosot sampai keparas 43sen sekati pada bulan Januari 1975. Naik turunnya harga getah juga menyebabkan turun naiknya pendapatan penoreh getah.

Keadaan cuaca harian juga mempengaruhi pendapatan penoreh getah. Ini adalah kerana kerja-kerja menoreh tidak dapat dijalankan pada hari-hari hujan. Oleh itu biasanya pada musim hujan pendapatan penoreh getah berkurangan. Jumlah hari dalam sebulan itu tidaklah dapat ditentukan dengan tetap boleh menjalankan kerja-kerja menoreh, secara kasarnya dan sebagai hetong panjang dalam sebulan hanya 20 hari sahaja dapat menjalankan kerja-kerja menoreh.

Berdasarkan kepada faktor-faktor ini pendapatan pekebun getah ini agak sukar untuk ditentukan secara tepat. Walau bagaimanapun secara kasarnya pendapatan pekebun kecil getah komuniti ini dapat dibahagikan kepada beberapa kategori mengikut jumlah pendapatan bulanan masing-masing seperti jadual 2:3 dibawah.

JADUAL 2:3

TABURAN PENDAPATAN KELUARGA-KOMUNITI

Pendapatan	Bil.	%
\$50 hingga \$100	116	67
\$101 hingga \$150	30	17.3
\$151 hingga \$200	19	11
\$201 hingga \$250	4	2.3
\$251 hingga \$300	2	1.2
\$301 hingga \$350	2	1.2
Jumlah	173	100

Mean= \$63.67

Daripada pembahagian didapati kira-kira 67% keluarga berpendapatan kurang dari \$100 sebulan. Sejumlah 28.3% keluarga berpendapatan antara \$101 hingga \$200 sebulan. Manakala 3.5% keluarga berpendapatan antara \$201 hingga \$300 sebulan. Dan cuma terdapat kira-kira 1.2% sahaja dari jumlah keluarga berpendapatan melebihi \$300 sebulan. Mengikut pembahagian ini didapati secara keseluruhannya pendapatan keluarga bagi komuniti ini adalah rendah dimana 'mean' atau hetong panjang pendapatan bagi tiap-tiap keluarga hanya \$63.67 sebulan.

iv) Kedudukan Harga Barang Keperluan

Kedudukan harga barang-barang keperluan (consumer goods) boleh mempengaruhi pendapatan seseorang. Kejatuhan atau pertambahan harga barang-barang keperluan memberi kesan kepada penggunanya, menentukan jumlah perbelanjaan harian mereka. Sekiranya harga barang keperluan naik tanpa diikuti dengan pertambahan pendapatan akan menimbulkan masalah dalam pebelanjaan harian kerana 'kuasa beli' berkurangan. Sebaliknya kalau harga barang jatuh sedangkan pendapatan berada dalam keadaan tetap atau bertambah menyebabkan 'kuasa beli' bertambah.

Oleh itu perlulah ditinjau kedudukan beberapa jenis harga barang keperluan, terutamanya beras, gula dan minyak kelapa. Kedudukan dan perubahan harga barang ini cuba dibandingkan dengan harga getah yang menjadi penentu pendapatan komuniti ini. Untuk melihat perubahan dan kedudukan harga barang ini diambil harga pada tiap-tiap bulan Julai bagi tahun-tahun 1971 hingga 1975. Harga pada bulan Julai 1971 diambil sebagai harga asas dimana dianggap sama dengan 100.

JADUAL 2:4

PERUBAHAN HARGA BARANGAN KEPERLUAN DAN HARGA GETAH  
DARI TAHUN 1971 HINGGA 1975

Jenis barang	harga 1971	Kadar Perubahan Harga			
		1972	1973	1974	1975
Beras	28/-=100	103.6	167.9	192.9	189.3
Gula	40/-=100	100.0	125.0	137.5	162.5
Minyak kelapa	80/-=100	87.5	125.0	175.0	100.0
Getah	37/-=100	94.6	186.5	148.7	135.1

Harga beras pada tahun 1971 ialah 28sen sekati atau \$1.70 segantang (1 gantang=6 kati). Didapati harga beras terus bertambah hingga tahun 1975. Pada tahun 1972 harga beras naik sebanyak 3.6%, pada tahun 1973 naik 67.9%, tahun 1974 naik sebanyak 92.9% dan pada tahun 1975 naik sebanyak 89.3% sekiranya dibandingkan dengan harga tahun 1971. Jadi harga beras pada tahun 1975 ialah 53sen sekati.

Harga gula pada tahun 1971 ialah pada paras 40sen sekati. Didapati harga gula tidak berubah pada tahun 1972. Walaupun begitu harga gula meningkat 25% pada tahun 1973, tahun 1974 naik 37.5% dan pada tahun 1975 naik sebanyak 62.5% menjadi 65sen sekati.

Manakala harga minyak kelapa pula pada tahun 1971 ialah 80sen sekati. Harganya berkurangan sebanyak 12.5% pada tahun 1972. Sungguh pun begitu harganya kembali meningkat pada tahun-tahun berikutnya. Dimana pada tahun 1973 bertambah 25%, tahun 1974 meningkat lagi sebanyak 75% dan pada tahun 1975 harganya kembali pada paras asal iaitu 80sen sekati.

Kedudukan harga getah pada tahun 1971 ialah 37sen sekati. Pada tahun 1972 harga getah jatuh sebanyak 5.4%, tetapi pada tahun 1973 harganya melambung naik sebanyak 86.5%. Manakala kedudukan harga getah pada tahun 1974 lebih tinggi daripada harga pada tahun 1971 sebanyak 48.7%. Pada tahun 1975 harganya agak merosot sedikit cuma melebihi kira-kira 35.1% sahaja dari harga tahun 1971. Jadi kedudukan harga getah pada tahun 1975 ialah 50sen sekati.


Pada keseluruhannya didapati kedudukan dan perubahan harga barang-barang keperluan adalah tidak seimbang dengan kedudukan dan perubahan yang berlaku pada harga getah. Keadaan ini jelas kalau diperhatikan pada kadar perubahan harga yang berlaku pada tahun 1974. Dimana harga barang-barang keperluan terus menerus bertambah tetapi harga getah kembali merosot jika dibandingkan harga dimasa sebelumnya. Kedudukan dan perubahan harga barang-barang dan harga getah dari tahun 1971 hingga tahun 1975 dapat dilihat dengan lebih jelas lagi pada geraf di muka surat 24.

Pertambahan dalam harga barang-barang keperluan tanpa diikuti oleh kenaikan harga getah secara seimbang akan memberi kesan yang buruk kepada pekebun-pekebun getah. Kejatuhan harga getah menyebabkan jumlah pendapatan mereka merosot dan keupayaan pencapaian dari segi ekonomi juga turut merosot. Sebaliknya kenaikan atau pertambahan harga barang-barang keperluan menyebabkan mereka mengalami kekurangan dari segi 'kuasa beli'. Ini akan menimbulkan masalah dalam perbelanjaan harian.

### 2.3 Responden

Dalam bahagian ini akan ditinjau latar belakang peribadi responden yang terpilih seramai 40 orang itu. Unsur-unsur peribadi ini penting dalam penentuan sikap serta tindakan-tindakan mereka. Pemerhatian latar belakang peribadi responden ini akan tertumpu kepada aspek-aspek:

- i) Umur
- ii) Pencapaian pelajaran dan aliran persekolahan
- iii) Pemilikan dan penggunaan tanah
- iv) Pendapatan



i) Umur

Keseluruhan responden yang terpilih adalah terdiri dari anggota komuniti yang berumur diantara 20 hingga 50 tahun. Mereka yang juga sudah berumah tangga dan masing-masing mempunyai anak. Untuk penjelasan lanjut mengenai perengkat umur responden yang terpilih boleh dilihat pada jadual 2:5 di bawah.

JADUAL 2:5

PERINGKAT UMUR RESPONDEN

Peringkat Umur(tahun)	Bil.	%
21 hingga 30	6	15.0
31 hingga 40	19	47.5
41 hingga 50	15	37.5
Jumlah	40	100

Mean = 37.3 tahun

Berdasarkan kepada pembahagian ini didapati hampir separuh iaitu kira-kira 47.5% responden terpilih dari anggota komuniti yang berumur antara 31 hingga 40 tahun. Terdapat sejumlah 37.5% responden yang berumur antara 41 hingga 50 tahun. Manakala 15% responden lagi berumur antara 21 hingga 30 tahun. Daripada pemeringkatan umur ini ternyata bahawa kebanyakan responden yang dipilih adalah mereka yang berumur tiga puluhan tahun dimana 'mean' umur responden ialah 37.3 tahun.

Walaupun pemilihan responden tidak berdasarkan peringkat umur anggota komuniti tetapi sememangnya anggota komuniti lebih ramai yang berumur antara lingkungan tiga puluhan. Ini adalah kerana banyak anggota dari golongan muda keluar mencari pekerjaan di tempat-tempat lain, terutama mereka yang belum berumah tangga.

ii) Pencapaian Pelajaran Dan Aliran Persekolahan.

Pencapaian pelajaran ini dimaksudkan kepada penerimaan pelajaran formal oleh responden. Tingkat pencapaian pelajaran adalah penting dalam menentukan perkembangan daya pemikiran seseorang yang mana seterusnya memberi kesan kepada citarasa, sikap dan aspirasi mereka.

Kebanyakan responden yang terpilih terdiri dari anggota komuniti yang hanya tamat pelajaran diperingkat sekolah rendah sahaja iaitu kira-kira 72.5%. Golongan ini termasuk jugalah mereka yang tidak sempat menamatkan pelajaran di sekolah rendah ini sepenuhnya. Keadaan ini terjadi kerana setengah daripada mereka terpaksa meninggalkan sekolah bersebab tercetusnya Perang Dunia Kedua dahulu ataupun kerana tidak mampu untuk meneruskannya. Terdapat sejumlah 17.5% daripada responden yang mendapat pendidikan diperingkat sekolah rendah dan pelajaran ugama. Pelajaran ugama ini termasuklah pelajaran yang didapati dari 'sekolah pondok' iaitu satu tempat khas di kampung yang mengajar hal-hal yang bersangkutan dengan ugama Islam. Manakala 10% responden lagi tidak bersekolah langsung.

JADUAL 2:6

TINGKAT PENCAPAIAN PELAJARAN RESPONDEN

Tingkat Pelajaran	Bil.	%
Tidak bersekolah	4	10.0
Sekolah rendah & ugama	7	17.5
Lulus sekolah rendah	29	72.5
Jumlah	40	100

Dalam pencapaian pelajaran formal ini didapati tidak ada seorang responden pun yang belajar atau menerima pelajaran diperingkat menengah. Keadaan ini ujud kerana buat masa-masa lalu, sebelum merdeka tidak ada sekolah menengah di kawasan ini atau dilain-lain tempat yang berdekatan. Lagi pun di masa lalu orang-orang disini tidak begitu mengambil berat dan menghargai akan kepentingan pelajaran.

Keseluruhan responden yang mendapat pendidikan formal ini iaitu sejumlah kira-kira 90% itu mengikuti pelajaran masing-masing dalam bahasa pengantar Melayu. Ini adalah kerana dimasa itu sekolah yang ada hanya yang berbahasa pengantar Melayu sahaja, tidak sekolah yang yang menggunakan bahasa-bahasa lain sebagai bahasa pengantar.

iii) Pemilikan Dan Corak Pengusahaan Tanah

Harta benda yang penting dan menjadi ukuran pemilikan bagi komuniti ini ialah tanah, terutamanya kebun getah. Kesemua responden yang dipilih adalah mereka yang memiliki tanah kurang dari 10 ekar. Taburan pemilikan tanah oleh responden secara lebih 'detail' dapat dilihat pada Jadual 2:7.

JADUAL 2:7

TABURAN PEMILIKAN TANAH OLEH RESPONDEN

Luas Tanah(ekar)	Bil.	%
Tidak memiliki tanah	16	40.0
Kurang dari 2	11	27.5
2.1 hingga 4	6	15.0
4.1 hingga 6	5	12.5
6.1 hingga 8	2	5.0
Jumlah	40	100
mean= 1.97 ekar		

Berdasarkan pembahagian yang dibuat didapati ramai dari responden yang tidak mempunyai tanah iaitu kira-kira 40%. Sejumlah 27.5% responden memiliki tanah yang luasnya kurang dari 2 ekar. Kira-kira 15% responden memiliki tanah seluas antara 2.1 hingga 4 ekar. Manakala 12.5% dari responden memiliki tanah seluas antara 4.1 hingga 6 ekar dan kira-kira 5% responden memiliki tanah seluas antara 6.1 hingga 8 ekar.

Secara keseluruhannya didapati sebilangan besar responden iaitu kira-kira 82.5% memiliki tanah kurang dari 4 ekar dan cuma sejumlah 17.5% sahaja yang memiliki tanah melebihi 4 ekar. Keadaan ini dapat menggambarkan corak pemilikan oleh anggota komuniti seluruhnya dimana ramai keluarga yang memiliki tanah kurang dari 5 ekar (lihat jadual 2:2).

Kalau diperhatikan pada jadual taburan pemilikan tanah, terdapat ramai responden yang tidak mempunyai tanah dan ada juga mereka yang memiliki tanah yang tidak mencukupi keperluan tenaga kerja keluarga. Ini akan menimbulkan masalah dalam mendapatkan tanah atau kebun getah untuk diusahakan. Bagi mereka yang tidak mempunyai atau tidak mencukupi tanah itu biasanya akan mengerjakan tanah getah orang lain secara sewa. Mereka menyewa kebun getah samada dari tuan-tuan tanah ataupun dari pekebun yang mempunyai lebihan tanah getah.

Bagi mereka yang tidak mempunyai tanah iaitu kira-kira 40% responden terpaksa menyewa kebun getah orang lain terutamanya dari tuan-tuan tanah. Terdapat 37.5% responden yang mempunyai kebun getah secukup dengan keperluan tenaga kerja keluarga. Mereka ini menjadi 'owner-operator' iaitu mengerjakan kebun getah hak persendirian. Sejumlah

12.5% responden memiliki tanah getah tapi tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan tenaga kerja keluarga. Bagi menampung keperluan tenaga kerja ini mereka terpaksa menyewa kebun getah orang lain. Sebaliknya terdapat juga responden yang mempunyai lebihan tanah getah kerana tenaga kerja keluarga tidak mencukupi untuk mengerjakan kesemua tanah getah yang dimiliki itu. Mereka ini berjumlah kira-kira 10%. Dan supaya tidak terbiar begitu sahaja, tanah getah yang berlebihan itu disewakan kepada mereka yang memerlukannya.

JADUAL 2:8

CORAK PENGUSAHAAN TANAH RESPONDEN

Corak Pengusahaan	Bil.	%
Menyewa hak orang lain	16	40.0
Kerja hak persendirian	15	37.5
Kerja hak sendiri & menyewa hak orang lain	5	12.5
Kerja hak sendiri & sewakan kpd. orang lain	4	10.0
Jumlah	40	100

iv) Pendapatan.

Jumlah pendapatan bagi tiap-tiap keluarga adalah berkait rapat dengan jumlah pemilikan keatas tanah oleh keluarga itu. Namunpun begitu terdapat faktor-faktor lain yang menentukan jumlah pendapatan seperti kedudukan harga getah dan jumlah hari yang dapat menjalankan kerja-kerja menoreh dalam masa sebulan itu. Kesan dari faktor-faktor inilah menyebabkan pendapatan responden tidak tetap, berubah-ubah mengikut turun naiknya harga getah dan musim samada hujan atau tidak. Sekiranya harga getah tinggi dan dapat pula menjalankan kerja-kerja menoreh tentulah pendapatan mereka tinggi, begitulah sebaliknya.

JADUAL 2:9

TABURAN PENDAPATAN RESPONDEN

Pendapatan	Bil.	%
\$51 hingga \$100	27	67.5
\$101 hingga \$150	11	27.5
\$151 hingga \$200	2	5.0
Jumlah	40	100
mean = \$93.75		

Secara hetong panjang jumlah pendapatan responden dapat dibahagikan kepada beberapa kategori seperti dalam jadual 2:9. Pada keseluruhannya pendapatan responden adalah terkebawah dari \$200 sebulan. Kebanyakan responden iaitu kira-kira 67.5% berpendapatan antara \$51 hingga \$100 sebulan. Manakala 27.5% responden berpendapatan antara \$101 hingga \$150 sebulan. Dan cuma 5% responden sahaja yang berpendapatan antara \$151 hingga \$200 sebulan. Secra keseluruhan juga dapat dikatakan majoriti responden yang terpilih adalah berpendapatah kurang dari \$100 sebulan dimana 'mean' pendapatan mereka ialah \$93.75 sebulan.

Jumlah pendapatan merupakan faktor terpenting dalam menentukan keupayaan pencapaian responden. Pendapatan juga menentukan corak hidup mereka. Oleh sebab pendapatan mereka tidak tetap, sentiasa berubah-ubah mengikut keadaan harga getah, maka keupayaan mereka terutama dari segi 'kuasa beli' juga tidak tetap. Keadaan ini akan mempengaruhi corak hidup mereka terutamanya dalam perbelanjaan harian.

### BAB 3

#### TEORI DAN PENGERTIAN KONSEP

Dalam bab ini akan diperbincangkan teori-teori mengenai social movement yang pernah dikemukakan oleh para sarjana Sosiologi dan Psychologi. Walau bagaimanapun tumpuan akan lebih dikhkususkan kepada pengertian 'keganasan politik' dan 'revolusi' yang menjadi pokok kajian ini dan sebagai sub-structure kepada social movement itu sendiri. Dalam bab ini juga akan dikemukakan konsep-konsep yang akan dipergunakan dengan pengertiannya sekali agar tidak timbul kekeliruan dalam memahami kajian ini.

Social movement atau 'pergerakan sosial' adalah merupakan tindakan yang dilakukan secara collective atas tujuan untuk mengubah corak hidup atau order of life. Pendapat saperti ini pernah dikemukakan oleh Wilson dan Kolb (1949:801) sebagai;

"Many change are effected.....as a result of social movement,, which have been described as collective enterprices attempting to establish some new order of life."

Pendapat saperti ini <sup>adalah</sup> bersesuaian dengan kriteria 'pergerakan sosial' yang dikemukakan oleh Rudolf Herberle (1951:6) dimana dianggap bahawa 'pergerakan sosial' sebagai bertujuan untuk membawa asas-asas kearah perubahan dalam social order terutamanya dalam institusi-institusi harta benda dan perhubungan buruh (institutions of property and labor relationships).

Manakala ahli-ahli Psychologi pula menganggap 'pergerakan sosial' sebagai satu tindakan collective yang didorongkan (motivated) oleh

perasaan kekeciwaan. Mereka yang mengalami perasaan kekeciwaan ini juga merasai kesulitan-kesulitan dimana mereka mempercayai bahawa masalah yang dihadapi itu dapat diatasi melalui collective action, bukannya melalui tindakan persendirian. Ini telah dijelaskan oleh ahli-ahli Psychologi seperti yang telah dirumuskan oleh Hans Toch (1966:5) sebagai;

"A social movement represent an effort by a large number of people to solves collectivity problem that they feel they have in common."

Secara umumnya didapati 'pergerakan sosial' itu boleh berlaku dalam banyak keadaan iaitu boleh berlaku dalam keadaan paling simple, spontan dan sehinggalah yang paling tersusun. Misalnya terdapat permogokan, demonstrasi dan provokasi yang dianggap sebagai 'keganasan politik'. Sungguhpun begitu ketiga-tiga itu dianggap sebagai sub-violence sahaja sedangkan perang gurila, rampasan kuasa dan rusuhan politik bolehlah dianggap sebagai 'revolusi total'

Sebaliknya Robert Ted Gurr (1970:11) telah menjelaskan dimension 'keganasan politik' itu kepada tiga peringkat mengikut atau berdasarkan kepada darjah pergerakannya, iaitu turmoil, conspiracy dan internal war. Pembahagian saperti ini menunjukan bahawa 'pergerakan sosial' itu boleh berlaku dalam keadaan paling aman sehinggalah bersifat ketenteraan. Walaupun begitu 'keganasan politik' dan 'revolusi' adalah merupakan bentuk 'pergerakan sosial' yang tersusun dan mempunyai matlamat dan tujuan tertentu.

Political violence atau 'keganasan politik' mengikut Ted Gurr (1970:3) adalah merujuk kepada collective attacks diantara komuniti

politik dengan regim politik. Dalam usaha-usaha untuk mencapai matlamat kedua-dua golongan ini akan menggunakan kekerasan. Iaitu penggunaan force serta cara dan jalan-jalan di luar order politik. 'Keganasan politik' dilakukan mungkin sebagai satu cara untuk mencapai kehendak-kehendak politik ataupun untuk menentang dasar-dasar politik oleh golongan yang keciwa dan tidak berpuas hati dengan sistem politik yang ujud. Pada keseluruhannya tindakan 'keganasan politik' bertujuan untuk mengganggu-gugat dan melanggar proses-proses politik yang dianggap normal. Jadi sebagai rumusannya 'keganasan politik' merupakan tindakan-tindakan keganasan yang dilakukan atas tujuan dan maksud politik.

Manakala 'revolusi' pula dianggap sebagai satu phenomena sosial yang pada asasnya merupakan perubahan sosio-politik sepenuhnya melalui tindakan kekerasan. Mengikut Karl Marx 'revolusi' akan membawa perubahan dalam kehidupan manusia. Ini termasuklah perubahan dalam sistem politik, perundangan dan terutamanya perubahan dalam property relation yang akan memberi kesan keatas keseluruhan sistem sosial satu-satu masyarakat itu. Ini jelas dalam kata-kata Marx (Paynton & Blacky:1971:216)

" Social revolution as the conquest of political power by a previously subservient class and the transformation of the juridical and political super-structure of society, particularly in the property relation."

Seorang ahli Sains Politik, Geoge S.Petee (1938) melihat 'revolusi' sebagai satu pergerakan sosial yang dilakukan dengan cara tidak sah atas tujuan untuk membuat perubahan, sebagaimana katanya, "A revolution is a change in the constitution by illegal means." Dari pada penjelasan ini dapatlah dikatakan bahawa 'revolusi' itu dilakukan untuk mengubah sistem sosial dengan cara-cara yang tidak sah, iaitu dengan jalan di luar order

sosial. Jadi apa yang penting dilihat di sini ialah perubahan akan berlaku sebagai akibat dari pergerakan 'revolusi'. Ini juga telah dikatakan oleh Louis Gottschalk dalam karangannya 'Cause Of Revolution' (Paynton & Blackey:1971:27) dimana 'revolusi' dianggap sebagai;

" A popular movement whereby a significant change in the structure of nation or society is effected."

Daripada penjelasan-penjelasan ini dapat dilihat bahawa 'revolusi' dan 'keganasan politik' itu mempunyai perkaitan yang rapat dan sukar diperbezakan. Pada kebiasaannya 'keganasan politik' dan 'revolusi' itu berlaku serentak. Sungguhpun begitu 'keganasan politik' itu tidaklah berlaku berterusan dan membawa perubahan secara keseluruhan. Sebaliknya ia berlaku dalam waktu dan keadaan tertentu sahaja. Oleh itu 'keganasan politik' tidaklah dapat dianggap sebagai 'revolusi total'.

### 3.1 Teori-Teori Structural

Structural theory yang dimaksudkan di sini ialah teori-teori mengenai 'pergerakan sosial' atau lebih khusus kepada 'revolusi' yang berasaskan kepada angkubah-angkubah sosial. Teori-teori Structural yang pernah dikemukakan oleh para sarjana mengenai 'revolusi' ialah cuba memperhatikan keadaan-keadaan atau peristiwa yang boleh menimbulkan gerakan 'revolusi' itu. Dalam persoalan ini perlu sekali difahami akan konsep-konsep precondition dan precipitant yang menimbulkan 'revolusi' itu.

Mengikut Harry Eckstein dalam artikelnya 'On The Etiology Of Internal War' (Feierabend & Gurr:1972:13), precondition ialah merujuk

kepada keadaan-keadaan dalam jangkamasa panjang memungkinkan berlakunya 'revolusi'. Manakala precipitant ialah peristiwa-peristiwa yang berlaku dan secara spontan pula mencetuskan satu tindakan berbentuk 'revolusi'. Dengan kata lain precondition merupakan sebab-sebab sebenar yang menimbulkan 'pergerakan revolusi' manakala precipitant adalah sebagai peristiwa pencetus berlakunya 'revolusi' itu. Kedua-dua keadaan ini harus diperhatikan supaya penjelasan teori dapat difahami dengan jelas dalam membuat penekanan keatas sebab-sebab jangka panjang dan pendek.

Dalam pendekatan secara structural ini, Leon Trotsky (1957) telah mengemukakan tiga keadaan penting yang boleh menimbulkan 'pergerakan revolusi', iaitu;

- i) Kesedaran politik dikalangan 'kelas revolusi'
- ii) Ketidakpuasan dikalangan intermediate layer.
- iii) Ruling class yang telah hilang kepercayaan pada diri sendiri (lost faith in itself) akibat dari berlakunya pertelingkahan group dan clique dikalangan mereka sehingga hilang keupayaan untuk menjalankan tindakan-tindakan yang praktikal untuk memerintah.

Sekiranya ketiga-tiga keadaan ini wujud dalam satu-satu masyarakat, kemungkinan untuk berlakunya tindakan 'revolusi' adalah besar sekali. Ini adalah kerana apabila wujudnya kesedaran politik dikalangan mereka yang cenderung untuk melakukan 'revolusi', mereka akan bersatu untuk melakukan tindakan politik kerana tidak berpuas hati dengan dasar-dasar pemerintahan. Sebaliknya ruling class pula tidak lagi berupaya untuk mengawal keadaan keganasan yang dilakukan oleh 'golongan revolusi' kerana mereka sendiri saling bertelingkahan. Keadaan inilah sebenarnya

memberi peluang kepada 'golongan revolusi' bertindak melakukan political violence dengan tujuan untuk menjatuhkan regim pemerintah yang ada dan mengantikannya dengan regim pemerintahan yang baru.

Satu pendekatan Structural yang lebih relevan mengenai 'revolusi' telah dikemukakan oleh Karl Marx. Mengikut Robert C.Tucker (1969), Marx melihat 'revolusi' bukan sahaja sebagai satu phenomena sosial tetapi juga melibatkan unsur-unsur ekonomi, teknologi, politik, undang-undang dan ideologi. Jadi 'revolusi' itu sudah pastinya mengubah secara keseluruhan corak hidup manusia. Marx juga melihat 'revolusi' itu sebagai kategori sejarah, dimana didapati keseluruhan teori revolusinya merupakan satu set rangka konsepsi materialis sejarah.

Teori revolusi Marx sebenarnya berdiri atas asas-asas pertentangan kelas. Dimana beliau telah membahagikan masyarakat kepada dua kelas terbesar iaitu 'kelas pemilik' dan 'kelas tidak memiliki'. Pembahagian seperti ini sebenarnya berdasarkan kepada penguasaan terhadap faktor-faktor pengeluaran (means of production) dan juga merujuk kepada apa yang disebut sebagai social division of labor. Daripada penilaian begini anggota masyarakat dibahagikan kepada dua kelas iaitu golongan minoriti yang tidak bekerja tetapi memiliki faktor-faktor pengeluaran dan golongan majoriti yang tidak memiliki faktor-faktor pengeluaran kecuali tenaga fizikal semata-mata.

Seterusnya Marx dengan teori materialisnya menganggap 'struktur ekonomi' atau mode of production adalah penting dalam menentukan corak kehidupan dan struktur masyarakat. Oleh itu untuk mengubah struktur masyarakat haruslah terdahulu diubah mode of production yang wujud

dalam masyarakat itu. Inilah yang menjadi asas teorinya mengenai 'revolusi' seperti yang telah dijelaskan oleh Robert C. Tucker (1969) sebagai;

".....a sosial revolution in the Marxist definition is a change in the mode of production with consequent change all subordinate elements of the social complex."

Konsep asas yang dipergunakan oleh Marx dalam menganalisa 'revolusi sosial' ialah productive forces dan relation of production. Hasil interaksi diantara kedua-dua inilah akan melahirkan konflik yang mana akhirnya akan menggerakkan masyarakat itu kearah tindakan 'revolusi' untuk memperbaiki keadaan yang wujud kepada satu order sosial yang difikirkan lebih bersesuaian.

Gerakuasa pengeluaran (productive forces) adalah merujuk kepada kuasa-kuasa yang memberi keupayaan kepada manusia untuk memproses barang. Dalam istilah ekonomi moden ianya disebut sebagai 'faktor pengeluaran' iaitu tanah, boroh, penguasa dan modal. Walaupun begitu 'gerakuasa pengeluaran' ini tidaklah terhad setakat itu sahaja malah mengikut Raymond Aron (1965:121) ianya melibatkan pengetahuan saintifik manusia, peralatan teknologi dan organisasi boroh yang memberi keupayaan untuk menghasilkan keluaran. Manakala 'hubungan keluaran' (relation of production) pula merujuk kepada perhubungan asasi harta benda dalam masyarakat (refers to the fundamental property relation of the society). Ini termasuklah bentuk hubungan sosial seperti wujudnya kelas masyarakat, corak pengagihan pendapatan serta ideologi dan falsafah yang diwujudkan oleh sistem itu.

Dalam menganalisa teori Marx melihat masyarakat semasa yang lebih khusus iaitu masyarakat kapitalis perindustrian. Sistem ekonomi kapitalis ini menghalalkan private property dan wage labor (boroh upahan). Keadaan ini menyebabkan wujudnya kelas dalam masyarakat ini berdasarkan kepada penguasaan keatas ekonomi dan pemilikan harta benda. Baginya masyarakat kapitalis dapat dibahagikan kepada dua kelas terbesar iaitu kelas property owners atau bourguisie dan propertyless workers atau proletariat.

Bourguisie merupakan golongan yang menguasai faktor-faktor pengeluran manakala proletariat pula merupakan golongan pekerja. Kewujudan kedua-dua kelas saperti ini boleh menimbulkan berbagai bentuk kontradiksi dalam masyarakat, kerana kedu-dua golongan ini bersifat antagonism classes dimana mereka mempunyai kepentingan yang bertentangan. Mengikut teori materialis, golongan bourguisie yang memiliki kuasa ekonomi sekaligus pula menguasai kuasa-kuasa politik dan menjadi ruling class. Oleh itu segala idea-idea yang dominan dalam masyarakat itu lebih memihak dan menguntungkan golongan bourguisie sebaliknya mengabaikan kepentingan golongan proletariat. Oleh sebab itu negara kapitalis dianggap sebagai dictatorships of the bourgeoisie oleh Selsam (1973:324). Keadaan ini samalah saperti yang diperjelaskan oleh Geotano Mosca (The Ruling Class: 1939) dimana dalam negara kapitalis demokrasi golongan pemerintah terpisah dari kehidupan rakyat massa. Rakyat massa cuma menjadi alat kepada pemerintah untuk mencapai cita-cita mereka.

Oleh sebab mode of production dikuasai oleh golongan bourguisie maka segala bentuk productive forces dan property relation juga memihak kepada kelompok ini. Dalam aspek productive forces kedudukan boroh dapat dianggap sebagai barang sahaja, tidak dinilai sebagai manusia. Dimana

pengusaha boleh membeli mereka di pasaran. Boroh di kilang bekerja untuk kapitalis dalam bentuk division of labor dan spesialisasi. Keadaan saperti ini mengikut Marx akan menyekat daya kreatif boroh itu sendiri kerana setiap boroh itu disogokkan dan dipaksa setiap masa dengan satu jenis pekerjaan sahaja. Peluang untuk mencuba di lain bidang tidak diberikan.. Oleh itu daya kreatif boroh telah dibelenggu oleh pekerjaannya sendiri. Keadaan ini adalah bertentangan sama sekali dengan konsep idea of the perfectibility of man dimana manusia itu dianggap sempurna, semua sama dan tidak harus diperbeza-bezakan. Tetapi dalam masyarakat kapitalis manusia telah diperbezakan dengan pembahagian kelas tertentu.

Di bidang property relation, boroh telah dipisahkan (alineated) daripada hasil keluarannya. Boroh dipaksa menghasilkan barang semaksima mungkin, sedangkan pembahagian kekayaan dan lebihan tidak samarata. Segala keuntungan yang dicipta oleh boroh telah dibolot oleh kapitalis. Upah boroh yang diberikan cuma secukup untuk meneruskan kehidupan, iaitu cukup untuk memenuhi keperluan asasi manusia seperti makan, minum, tempat tinggal dan lain-lain tanpa menikmati kemewahan hidup seperti golongan kapitalis. Oleh itu Marx menganggap kehidupan kaum boroh adalah dalam keadaan absolute poverty.

Daripada perhubungan saperti ini didapati berlakunya penindasan, eksploitasi dan lain-lain lagi. Golongan kapitalis dengan keupayaan yang ada menindas golongan pekerja untuk kepentingan diri sendiri, mencipta keuntungan sedapat mungkin. Oleh itu golongan pekerja dalam keadaan absolute deprivation tidak nampak sebarang kemajuan yang diwujudkan, sedangkan golongan pemilik modal menikmati kesenangan dan mencapai

epuasan hidup kerana semua polisi dan dasar kemajuan diputuskan oleh golongan ini. Dalam keadaan begini golongan pekerja berminat untuk melakukan pemberontakan untuk mengubah kedaan.

Dalam istilah lain Marx mengangga pertelingkahan dua golongan ini sebagai akibat dari kontradiksi antara productive forces dengan relation of production. Perkembangan antara kedua ini tidaklah seimbang dimana productive forces lebih dinamik, sentiasa berubah maju kehadapan untuk menambahkan hasil pengeluaran. Sedangkan property relation pula bersifat conservatif, lambat berubah malah kekal memihak kepada golongan kapitalis. Dalam satu peringkat tertentu didapati property relation akan menjadi penghalang kepada perkembangan productive forces.

Dalam keadaan antagonistik inilah menyebabkan kedua-dua golongan ini masing-masing memisahkan diri ke dalam kelas sendiri. Mereka akan bersatu atas kesedaran bersama demi kepentingan kelas masing-masing. Dengan ini maka terbentuklah apa yang disebut sebagai class in itself become class for itself. Kedua-dua kelas, pekerja dan kapitalis berada dalam keadaan yang bertentangan. Dan akhirnya mencetuskan konflik secara tera terbuka antara keduanya yang merupakan satu tindakan yang radikal atau disebut sebagai 'revolusi total'. Dalam class struggle ini mengikut Marx, golongan proletariat akan mencapai kemenangan kerana mereka merupakan jumlah majoriti. Revolusi proletariat ini akan mengubah mode of production iaitu dari bentuk 'kapitalism' kepada bentuk 'sosialism' dimana means of production akan dikuasai oleh anggota masyarakat secara kolektif. Dan bentuk masyarakat yang dihasilkan oleh sistem ekonomi 'sosialism' ialah masyarakat tanpa kelas.

### 3.2 Teori-teori Psychologi

Mengikut Robert Ted Gurr dalam artikelnya Psychological Factors in Civil Violence (Feierabend & Gurr; 1972:33) terdapat tiga punca andaian Pschologgi terhadap timbulnya keganasan manusia, iaitu;

- i. Keganasan yang timbul dari naluri (instintual)
- ii. Keganasan akibat dari proses pembelajaran (learned)
- iii. Keganasan dilakukan sebagai tindak-balas dari kekeciwaan.

Teori yang menganggap bahawa keganasan atau aggression itu wujud disebabkan oleh naluri pada permulaannya telah dikemukakan oleh Sigmund Freud. Teori ini menganggap bahawa pada orang-orang yang bertindak secara ganas itu sememangnya terdapat unsur-unsur aggressive sebagai sifat semula jadi individu itu. Manakala Konrad Lorens (1966:xii) menganggap aggression sebagai naluri yang terus menerus wujud pada sesaorang individu dimana mendorongkan mereka untuk melakukan tindakan-tindakan yang berbentuk keganasan iaitu saperti mana kata beliau;

" Aggression as a survival-enhancing instinct, assume that most or all men have within them an autonomous source of aggressive impulses, a drive to aggress that."

Sebaliknya H.L Nieberg (Amarican Political Science Review, Lvi, December 1962:870) menganggap bahawa terdapat orang-orang yang memang berkeupayaan untuk melakukan tindakan-tindakan yang bersifat aggressive seperti perlanggaran peraturan, kekejaman dan keganasan yang boleh menumpahkan darah. Mereka ini bertindak lebih mengikut perasaan dan tidak berupaya untuk mengawal diri sendiri atau kata lainnya super-ego mereka tidak kuat untuk mengawal tindakan.

Jadi apa yang dapat difahami dari andaian teori ini ialah sikap keganasan itu memang wujud pada individu itu sebagai naluri. Mereka ini dianggap mempunyai unsor-unsor aggressive secara semula jadi. Bagi mereka yang mempunyai unsor-unsor ini akan sentiasa bersikap aggressive dalam tindak-tanduk harian dan berupaya melakukan tindakan keganasan secara kolektif.

Andaian kedua teori Psychologi terhadap keganasan ialah bahawa aggressive itu dilakukan sebagai akibat secara langsung dari proses pembelajaran. Ini bermaksud bahawa proses atau cara-cara sosialisasi boleh membentuk sesorang itu bersikap aggressive. Biasanya mereka yang bersikap keganasan itu disosialisasikan secara goal-directed behavior. Misalnya seorang anak telah dihalang untuk mencapai kehendaknya tetapi setelah ia bersikap aggressive seperti merajuk atau merosakkan harta benda, ibu atau bapanya akan memenuhi kehendak anak tadi. Keadaan ini kalau sering diperlakukan menyebabkan anak itu telah belajar bahawa untuk mendapatkan sesuatu ia harus bersikap aggressive. Sosialisasi berbentuk begini akan menyebabkan timbulnya tindakan-tindakan keganasan sekiranya pencapaian kehendak atau matlamat mereka dihalang.

Proses sosialisasi juga boleh membentuk sesorang itu samada bersikap intrapunitive atau extrapunitive. Mengikut Saul Rosenzweig (Gurr:1970;165) intrapunitive ialah sikap mengarahkan kemarahan kepada diri sendiri apabila sesorang itu mengalami kekeciwaan, sebaliknya extrapunitive pula ialah sikap mengajukan kemarahan kepada orang lain apabila ia mengalami kekeciwaan. Sikap seperti inilah (extrapunitive) akan menimbulkan tindakan-tindakan keganasan kerana mereka berkepercayaan bahawa tindakan

keganasan kolektif juga patut dilakukan seperti melakukan tindakan keganasan secara bersendirian bagi mencapai matlamat atau melepaskan kemarahan.

Mengikut Bandura dan Walters (1963:18), individu-individu yang melakukan keganasan itu biasanya datang atau berasal dari keluarga yang menjalankan didikkan dengan kekerasan atau menggunakan hukuman. Ibu dan bapa mereka selalunya menggunakan punishment dalam proses pendidikan ataupun menggunakan perkataan-perkataan yang kesat seperti mencela, mencaci dan lain-lain. pendidikan seperti ini boleh membentuk anak-anak itu bersikap aggressive.

" Highly aggressive boys have been found to have parent who strongly disapprove, reprimand and punish aggression in the home."

Andaian Psychologi yang ketiga ialah bahawa punca yang menimbulkan tindakan aggression itu ialah kekeciwaan. Seseorang yang mengalami perasaan kekeciwaan itu mungkin akan bertindak dengan melakukan violence bagi mendapatkan kehendak yang diingini kerana tidak peluang untuk mencapainya melalui jalan yang sah.

Teori frustration-aggression ini dianggap sebagai satu teori yang baik dalam pendekatan Psychologi bagi menghuraikan tindak-tanduk yang aggressive. Teori ini menganggap kekeciwaan (frustration, anger, and discontent) sebagai sebab yang mendorongkan seseorang itu bertindak secara ganas. Kekeduaan ini mungkin timbul dari keadaan-keadaan sosial seperti tekanan-tekanan atau pemerasan oleh pihak berkuasa, discriminasi, ketidak-adilan dan lain-lain. Ini telah diperjelaskan oleh Muzafer

Sherif (1969:552-553).

"The motivational base could be mass deprivation of food in living conditions. It could be the mass frustration of living under oppression or colonial rule, subjugation to injustice, discriminatory practices in work and various phase of social life, or denial of what people or a class of people feel in their right. All such conditions produce tension or strain and give directionality to the social movement."

Teori ini menjelaskan bahawa keadaan sosial yang menyebabkan wujudnya perasaan kekeciwaan dan tidak berpuas hati dikalangan sesorang individu itu. Sebaliknya perasaan kekeciwaan menyebabkan mereka menjadi marah dan mungkin bertindak secara kekerasan terhadap agen-agen atau kumpulan yang dianggap bertanggung jawab mewujudkan perasaan ketidak-puasan itu.

Robert Ted Gurr ( 1970:23) seterusnya menerangkan bahawa kekeciwaan akan dialami oleh sesorang itu apabila nilai-nilai jangkaan lebih tinggi daripada pencapainya. Ini diistilahkan sebagai relative deprivation. Apabila jangkaan atau keinginan sesorang itu tidak tercapai ini akan mewujudkan jurang perbedaan antara jangkaan dengan pencapaian dimana akan mengeciwakan sesorang itu. Sebagai akibatnya ia mungkin melakukan tidak keganasan bagi mencapai segala jangkaannya. Keadaan ini adalah sama dengan konsep systemic frustration yang dikemukakan oleh Feierabend (Feierabend & Gurr:1972:108) iaitu perbezaan antara social want satisfaction dengan social want formation. Perbezaan antara kedua-dua ini boleh menimbulkan kekeciwaan yang mana seterusnya mendorongkan mereka yang mengalaminya melakukan violence.

David C.Schwartz (Political Alienation:1967) mempunyai pandangan yang agak berlainan sedikit walaupun masih menggunakan pendekatan

Psychologi. Baginya political alienation boleh melahirkan tindakan-tindakan keganasan terutamanya political violence. Political alienation ini lahir apabila berlakunya konflik psychologi antara nilai-nilai individu dengan nilai-nilai yang diamalkan oleh sistem politik yang wujud. Ini bermaksud bahawa dasar-dasar ataupun polisi politik yang dijalankan oleh regim pemerintah tidak secocok atau tidak dapat diterima oleh individu rakyat massa secara sukarela.

" Political alienation itself result from a psychological conflict between an individual's own value hierarchy and the contradictory values that he perceives to be operative in the political system. In other words, psychological conflict occurs when the values that guide the behavior of the regime are perceived by the citizens as violating their own individual values."

Apabila berlakunya konflik psychologi ini individu akan merasa keciwa dan marah kepada regim politik. Kemarahan ini mungkin pada akhirnya akan dilahirkan atau ditunjukkan dengan melakukan keganasan politik.

Sebagai kesimpulannya teori ini menjelaskan bahawa perasaan kekeciwaan, kemarahan yang dialami oleh individu itu boleh melahirkan tindakan-tindakan aggressive ataupun keganasan. Sekiranya terdapat ramai orang yang merasai ketidak-puasan terhadap sesuatu keadaan dan mereka menyatukan diri secara kolektif, maka potensi untuk berlakunya collective violence adalah besar sekali. Sebaliknya kalau mereka yang mengalami kekeciwaan itu menganggap regim politik yang bertanggung jawab menimbulkan ketidak-puasan kepada mereka, maka ini mungkin boleh mencetuskan satu keganasan politik.

### 3.3 Konsep Relative Deprivation (RD) Dan Hubungannya Dengan Keganasan Politik.

Mengikut Robert Ted Gurr (1970:13) konsep relative deprivation itu dapat difahami sebagai 'perbezaan diantara nilai-nilai jangkaan manusia dengan nilai-nilai pencapaian mereka. Nilai-nilai jangkaan (value expectations) ini dimaksudkan kepada barang atau keadaan kehidupan yang menjadi objek keinginan manusia atau pada fikiran mereka harus milikinya. Manakala nilai-nilai pencapaian (value capabilities) pula dirujuk kepada barang atau keadaan kehidupan yang dimiliki atau pada fikiran manusia mereka dapat mencapainya ataupun mengekalkannya. RD juga dapat dikatakan sebagai perbezaan antara the ought and the is bagi pencapaian manusia.

" Relative deprivation is defined as a perceived discrepancy between men's value expectations and their value capabilities. Value expectations are the goods and conditions of life to which people believe they are rightfully entitled. Value capabilities are the goods and conditions they think they are capable of attaining or maintaining, given the social means available to them."

Perbezaan atau ketidak seimbangan antara kedua nilai ini iaitu jangkaan dan pencapaian menyebabkan wujudnya RD yang mana boleh disamarkan dengan kekeciwaan. Sebaliknya RD kalau mengikut pengertian secara Psychologi boleh menimbulkan perasaan ketidak-puasan yang mana boleh disamakan dengan anger (kemarahan), rage ataupun dissatisfaction.

Relative deprivation adalah berbeza dari absolute deprivation. RD ialah perasaan kekeciwaan yang timbul dari ketidakupayaan sesorang untuk mencapai cita-cita, aspirasi atau kehendak-kehendaknya. Sebaliknya absolute deprivation ialah kekeciwaan yang dialami oleh sesorang akibat dari tidak tercapainya satu-satu tingkat pencapaian yang mesti atau patut

diperolehinya. Bagi menjelaskan perbezaan ini sebagai contohnya; Kalau sesorang itu berpendapatan \$200 sebulan, tetapi pada fikirannya ia seharusnya mendapat \$300 sebulan, keadaan ini dikatakan RD. Sebaliknya kalau ukuran kemiskinan bagi satu-satu masyarakat itu \$200 sebulan tetapi terdapat anggota masyarakat itu berpendapatan hanya \$150 sahaja sebulan, ia tidak dapat mencapai had kemiskinan itu. Keadaan ini dikatakan sebagai absolute deprivation.

Maksudnya ialah RD tidak satu level atau standard sebagai ukuran pencapaian tetapi dalam absolute deprivation terdapat satu level ukuran khusus. Jadi bagi sesiapa yang pencapaiannya berada di bawah level pencapaian itu ia dikatakan mengalami absolute deprivation.

Untuk memahami secara lebih jelas akan konsep RD dan hubungannya dengan violence dan terutamanya keganasan politik seharusnya terlebih dahulu memahami konsep value (nilai) dan beberapa jenis nilai yang dipergunakan dalam kajian ini.

Value: Merujuk kepada hal-hal, barang atau keadaan yang diingini atau diakhtiarkan oleh manusia untuk mendapatkannya. Dari sudut Psychologi nilai merujuk kepada objek-objek yang mendorongkan motivasi manusia yang pada asasnya lahir dari keperluan untuk memenuhi kehendak asasi manusia.

Nilai yang dianggap relevan kepada teori political violence ialah beberapa keadaan umum yang dianggap bernilai dan dikehendaki oleh manusia ramai bukannya dikehendaki oleh individu-individu tertentu sahaja. Diantaranya terdapat tiga jenis nilai yang terbesar iaitu

welfare values, power values dan interpersonal values.

Welfare Values: Merujuk kepada semua yang penting dalam menentukan physical well-being dan self-actualization. Welfare values dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu;

- i) Aspek ekonomi yang merupakan keperluan-keperluan fizikal untuk hidup seperti makanan, tempat tinggal dan perkhidmatan kesihatan.
- ii) Aspek self-actualization; Ini termasuklah kebolehan mental dan fizikal.

Power Values: Merupakan penentuan setakat manakah keupayaan sesorang itu dapat mempengaruhi orang lain dalam sesuatu tindakan. Power values juga boleh dirujuk kepada dua aspek iaitu;

- i) Participation value, iaitu keperluan sesorang untuk menyertai kumpulan untuk membuat keputusan seperti mengundi, mengambil bahagian dalam pertandingan politik atau menjadi elite politik.
- ii) Security value, merupakan penentuan kedudukan dan keselamatan diri sendiri seperti mengelakkan diri dari tekanan politik atau keadaan yang tidak tenteram membahayakan diri (disorder).

Interpersonal Values: Ini berkait rapat dengan soal-soal untuk mencapai kepuasan psychologi sebagai seorang yang hidup bermasyarakat. Misalnya penentuan kedudukan sesorang dalam masyarakat seperti status, cita-cita dan keinginan untuk mendapatkan pekerjaan yang mempunyai prestige. Maksudnya disini, interpersonal values ialah nilai-nilai yang diberikan dalam perhubungan harian antara anggota masyarakat.

Value Expectations: Menunjukkan barang atau keadaan kehidupan yang mana sesorang itu percaya bahawa ia sepatutnya dapat memilikinya. Nilai-nilai jangkaan ini boleh dilihat dalam dua jangka masa iaitu sekarang (present) dan dimasa hadapan (future).

- i) Jangkaan semasa; merujuk kepada jangkaan-jangkaan sesorang untuk mengekalkan segala apa yang dimilikinya.
- ii) Jangkaan masa depan; menunjukkan jangkaan-jangkaan dan keinginan untuk memiliki sesuatu dimasa-masa akan datang yang mana biasanya lebih baik keadaannya daripada apa yang dimilikinya sekarang.

Value Capabilities: Merupakan barang atau keadaan-keadaan yang dimiliki atau dinikmati oleh sesorang dan mengekalkannya. Nilai-nilai jangkaan ini juga dapat dibahagikan kepada dua, iaitu;


- i) Value position: Mewakili berbagai barang atau keadaan yang dimiliki oleh sesorang ataupun tersedia ada di alam sekitar.
- ii) Value potential: Nilai-nilai pencapaian di masa akan datang. Iaitu pada fikiran mereka, nilai-nilai itu akan diperolehi samada melalui keupayaan mereka sendiri, kawan-kawan ataupun pihak kerajaan.

#### Pola-Pola Relative Deprivation

Mengikut Robert Ted Gurr (1970:46) terdapat tiga bentuk pola RD yang ditentukan mengikut kedudukan value expectations dengan value capabilities dan perubahan-perubahannya. Tiga bentuk pola RD itu ialah decremental deprivation, aspirational deprivation dan progressive deprivation.

i) Decremental Deprivation

RD jenis ini wujud apabila kedudukan value expectations bagi satu kumpulan masyarakat atau individu itu secara relatifnya berada dalam keadaan tetap, tetapi value capabilities mereka merosot. Oleh itu secara terdapat jurang perbezaan yang luas antara nilai-nilai jangkaan dengan pencapaian mereka. Keadaan inilah dikatakan decremental deprivation. Untuk penjelasan lanjut akan kedudukan kedua nilai ini dapat dilihat pada rajah 3:1 dibawah.



RAJAH 3:1 DECREMENTAL DEPRIVATION.

Kemerosotan pencapaian atau value position individu atau masyarakat ini mungkin disebabkan berlakunya kekurangan pengeluaran barang-barang, tidak berupayanya pemerintah mengatasi masalah penekanan dari kuasa luar ataupun hilangnya kepercayaan anggota masyarakat terhadap sistem norma dan kepercayaan masyarakat itu sendiri.


Kemerosotan nilai-nilai pencapaian ini mungkin hanya berlaku di kalangan sebahagian atau beberapa kelompok anggota masyarakat sahaja. Jelasnya tidaklah semestinya semua anggota masyarakat itu mengalami kekurangan dalam nilai pencapaian. Misalnya golongan berpendapatan

tinggi telah kekurangan keupayaan pencapaian akibat pengenaan cukai berbentuk progressive keatas pendapatan mereka, sedangkan golongan yang berpendapatan kecil tidak mengalami kekurangan keupayaan pencapaian kerana cukai yang dikenakan keatas pendapatan mereka dikurangkan. Kenaikan status working class akan menyebabkan merosotnya pengaruh-pengaruh tindakan dan status middle class.

Keadaan-keadaan lain seperti berkurangnya peluang-peluang pekerjaan bagi boroh tidak mahir (unskilled worker) dalam masyarakat yang taraf perindustriannya tinggi juga boleh mengurangkan nilai pencapaian. Dimana didapati golongan pekerja tidak mahir tidak mempunyai pekerjaan dan dengan itu keupayaan pencapaian di kalangan mereka juga berkurangan.

ii) Aspirational Deprivation

RD jenis aspirational terjadi apabila nilai jangkaan manusia bertambah sebaliknya nilai pencapaian atau value position dan value potential mereka berada dalam keadaan stabil dan tidak berubah. Pertambahan dalam jangkaan tanpa diikuti dengan pertambahan dalam keupayaan pencapaian menyebabkan wujudnya jurang perbezaan yang besar diantara kedua nilai ini. Keadaan inilah dikatakan aspirational deprivation.



RAJAH 3:2 ASPIRATIONAL DEPRIVATION.


Bagi mereka yang mengalami RD jenis aspirational ini sebenarnya tidaklah mengalami sebarang kekurangan atau kehilangan dalam pemilikan, tetapi mereka merasa keciwa kerana tidak dapat mencapai nilai-nilai jangkaan yang baru. Pertambahan dalam nilai jangkaan ini mungkin akibat dari bertambahnya permintaan terhadap sebilangan nilai yang telahpun dimiliki dalam darjah tertentu seperti bertambahnya permintaan terhadap barang ataupun keadilan.

Pertambahan dalam nilai jangkaan mungkin juga kerana terdapatnya permintaan baru ~~terhadap~~ terhadap nilai-nilai yang belum dimiliki, misalnya permintaan untuk turut terlibat dalam proses politik dikalangan rakyat atau warganera yang dijajah ataupun permintaan persamaan hak oleh golongan kelas bawahan dalam masyarakat berkasta.

### iii) Progressive Deprivation

RD jenis progressive berlaku apabila nilai-nilai pencapaian sesuatu masyarakat itu secara tiba-tiba merosot dengan serious dimana dalam jangka masa sebelumnya kedua-dua nilai jangkaan dan pencapaian bertambah dalam keadaan stabil. Kemerosotan nilai pencapaian secara tiba-tiba sedangkan nilai jangkaan terus menerus bertambah menyebabkan wujudnya keadaan yang tidak stabil, jurang perbezaan antara nilai jangkaan dengan nilai pencapaian menjadi besar. Kedudukan kedua-dua nilai ini dalam progressive deprivation dapat dilihat pada rajah 3:3.

Progressive deprivation ini biasanya berlaku dikalangan masyarakat sedang membangun, dimana perubahan ideologi berlaku serentak dengan perubahan sistem. Dalam keadaan ini apabila berlakunya kemunduran



RAJAH 3:3 PROGRESSIVE DEPRIVATION

ekonomi secara tiba-tiba dalam proses pembangunan itu, masyarakat akan mengalami kemerosotan dalam nilai-nilai pencapaian kerana proses pembangunan sosio-ekonomi terbantut. Sebaliknya idea-idea dan harapan terhadap pembangunan terus menerus berkembang. Keadaan ini menyebabkan mereka yang mengalaminya merasa keciwa dan inilah dikatakan sebagai progressive deprivation.

#### Hubungan RD Dengan Collective Violence Dan Political Violence.

Sesuatu kumpulan masyarakat yang mengalami RD itu mempunyai potensi untuk melakukan keganasan. Mengikut Robert Ted Gurr (1970:177) tindakan keganasan yang dilakukan itu mempunyai tiga tujuan besar iaitu bermotif politik, ekonomi dan sosial.

- i) Motif Politik: Ialah merujuk kepada keganasan-keganasan yang dilakukan atas tujuan politik. Misalnya keganasan yang mengemukakan permintaan-permintaan politik terutamanya permintaan untuk mengubah sistem politik yang wujud. Mereka yang melakukan keganasan ini membuat tentangan terhadap regim politik yang memerintah dan dasar-dasar yang dijalankan

serta menganggap pemeritah bertanggung jawab menimbulkan ketidak-puasan (RD) yang mereka alami itu.

ii) Motif Ekonomi: Keganasan-keganasan yang dilakukan dengan tujuan meminta atau menuntut barang material ataupun menentang mereka yang menjalankan kegiatan ekonomi.

iii) Motif Sosial: Ini termasuklah tentang terhadap sistem kenaikan dan pengekalan pangkat dalam masyarakat, penentangan terhadap lain-lain seperti sistem kepercayaan dan hal-hal kemasyarakatan terutamanya masalah yang berkait dengan linguistik, ethnik dan ugama serta permintaan terhadap nilai-nilai interpersonal dan self-actualization.

Pada asasnya RD berkemungkinan mencetuskan keganasan secara kolektif (collective violence) dan ini sebenarnya bergantung kepada intensity dan scope RD itu sendiri. Sekiranya intensity atau darjah RD yang dialami itu tinggi dan scopenya besar dimana terdapat ramai anggota masyarakat yang mengalami RD yang sama, maka potensi untuk berlakunya keganasan secara kolektif juga besar. Intensity tinggi bermakna dajah kekeciwaan dan kemarahan adalah tinggi dan ramai pula yang mengalaminya maka ini tentunya memberi keupayaan dan tenaga yang kuat kearah melakukan keganasan beramai-ramai sebagai satu jalan keluar untuk melepaskan kemarahan.

Potensi untuk melakukan keganasan secara kolektif ini adalah berkait rapat dengan perubahan-perubahan yang berlaku keatas kedudukan (value position) sesuatu kelompok atau kumpulan masyarakat itu. Ini adalah kerana perubahan kedudukan ini boleh menentukan darjah RD yang dialami.

i) Sekiranya kadar perubahan value position di masa lepas tinggi, ini

akan meninggikan degree RD kerana perubahan value position akan menambah tinggikan value expectations

ii) Ketidaksamanan dalam pertambahan value position antara kumpulan akan meninggikan darjah RD. Dimana didapati pertambahan value position oleh satu kumpulan tertentu akan menambahkan darjah RD dikalangan kumpulan lain.

iii) Sekiranya peluang-peluang pencapaian terhad atau tersekat akan meninggikan darjah RD.

iv) Kurangnya flexibility dalam value stock akan meninggikan darjah RD.

Walaupun begitu terdapat faktor-faktor lain yang dapat menentukan potensi untuk berlakunya keganasan secara kolektif ini, iaitu justifications atau rationalizations. Justifications ini sebenarnya merupakan kepercayaan atau ideologi yang dianuti oleh satu-satu kumpulan masyarakat itu. Sekiranya mereka membenarkan dan mempercayai bahawa violence patut dipergunakan maka kumpulan masyarakat yang mengalami RD itu berkemungkinan besar melakukan keganasan secara kolektif.

Justifications ini dapat dibahagikan kepada dua, iaitu;

i) Normative Justifications: Merupakan sikap atau kepercayaan manusia terhadap perlunya mengadakan tindakan keganasan ataupun mengancam untuk melakukannya.

ii) Utilitarian Justifications: Kepercayaan manusia bahawa dengan melakukan keganasan akan dapat memberikan kebaikan dalam kedudukan (value position) mereka atau masyarakat seluruhnya.

Collective violence ada potensi untuk bertukar menjadi political violence sekiranya mereka yang terlibat dalam keganasan secara kolektif itu mengalami ketidakpuasan dalam hal-hal yang berkait dengan politik.

Iaitu mereka ini mengalami political discontent, misalnya kumpula ini menganggap kerajaan atau pemerintahlah yang bertanggung jawab melahirkan ketidak-puasan yang dialami itu. Kerajaan ataupun regim politik dianggap sebagai gagal atau tidak berkeupayaan samada untuk menghapuskan ataupun mengurangkan masalah-masalah yang menimbulkan RD itu. Oleh itu mereka merasa tidak berpuashati dan marah terhadap regim pemerintah dan seterusnya mungkin melakukan tindakan-tindakan ganas terhadap kerajaan.

Walaupun begitu terdapat angkubah-angkubah sosial lain yang boleh menambah mungkin berlakunya keganasan politik ini. Angkubah-angkubah ini sebenarnya merupakan unsor-unsor normative and utilitarian justifications yang mana menyebabkan ketidak-puasan dan kemarahan itu ditujukan kepada political object. Rengkasnya keadaan-keadaan yang menentukan potensi untuk berlakunya keganasan politik ialah;

- i) Setakat manakah kuatnya cultural dan sub-cultural sanction dalam masyarakat itu terhadap tindakan-tindakan keganasan. Sekiranya terdapat cultural sanction yang kuat, maka keganasan politik tidak mudah berlaku. Sebalaihnya keganasan politik berkemungkinan berlaku sekiranya tidak ada sanction atau larangan-larangan bagi anggota masyarakat melakukan tindakan keganasan.
- ii) Sejauh manakah darjah kejayaan keganasan politik yang lepas-lepas mencapai matlamatnya. Keganasan-keganasan politik yang dilakukan di masa-masa lepas menjadi sebagai demonstration effect dan bolah mempengaruhi masyarakat itu melakukan keganasan politik bagi masa-masa berikutnya dalam mencapai matlamat tertentu. Keganasan-keganasan yang lepas ini mungkin dirujukkan kepada violence yang telah dilakukan oleh anggota masyarakat yang sama ataupun masyarakat luar.

- iii) Adakah terdapatnya simbol-simbol (articulations) dan diseminition atau ideologi yang dapat menbenarkan masyarakat menganggap keganasan politik harus atau patut dilakukan. Sekiranya satu-satu kumpulan masyarakat itu menganut dan mempercayai kepada doktrin revolusi, maka violence mudah terjadi dikalangan mereka.
- iv) Pengesahan (legitimacy), terhadap pemerintah. Sekiranya ramai anggota masyarakat menganggap kerajaan atau regim politik yang memerintah itu tidak sah, potensi untuk melakukan keganasan politik dikalangan mereka adalah tinggi.
- v) Sejauh manakah regim politik berjaya mengatasi RD yang dialami oleh anggota masyarakat. Sekiranya kerajaan berjaya dan berkeupayaan dalam menghapuskan atau mengurangkan darjah RD yang dialami oleh rakyat potensi untuk berlakunya keganasan politik adalah rendah, sebaliknya kalau pemerintah gagal atau dianggap telah gagal mengatasinya rakyat akan marah dan berpotensi untuk melakukan keganasan politik.

Jadi daripada penjelasan ini dapatlah diringkaskan bahawa potensi untuk tercetusnya political violence itu adalah bergantung kepada; intensity normative dan utilitarian justifications serta scope of justifications keganasan politik itu sendiri.

#### Magnitude Keganasan Politik

Magnitude keganasan politik ini merujuk kepada demensi atau darjah keganasan itu yang dibahagikan kepada peringkat-peringkat tertentu. Mengikut Robert Ted Gurr (1970:10) keganasan politik boleh berlaku dalam tiga bentuk berdasarkan darjah pergerakannya, iaitu turmoil, conspiracy dan internal war. Darjah-darjah pergerakan ini diukur dari segi kekuatan, kerosakan dan lama masa yang diambil. Bagi menentukan

magnitude keganasan politik ini terdapat dua angkubah yang penting, iaitu

- i) Balance of coercive control: iaitu pengawalan terhadap kekuatan dan peralatan yang dipergunakan seperti alat-alat senjata dan pengangkutan.
- ii) Balance of institutional support: merujuk kepada sokongan yang diberikan samada dari anggota masyarakat ataupun angkatan tentera.

Magnitude keganasan politik akan menjadi besar sekiranya kedua-dua pihak, regim dan dissident (pemberontak) dapat menguasai kedua-dua aspek ini dalam keadaan seimbang, sama-sama kuat. Iaitu sekiranya coercive control dan institutional support bagi kedua-dua pihak berada dalam keadaan seimbang atau sama kuat, maka keganasan politik itu mungkin berlaku dalam keadaan yang hebat dan memakan masa yang panjang. Ini adalah kerana kedua-dua pihak tidak begitu mudah untuk menundukan pihak lawan.

Sungguhpun begitu coercive control dan institutional support adalah bersifat zero-sum. Jadi sekiranya satu pihak dapat menguasainya dengan kuat dan efektif, maka pihak lawannya akan lemah. Misalnya setiap anggota masyarakat itu hanya akan menyokong satu pihak sahaja, samada pada pihak regim atau dissident. Mereka tidak boleh menyokong kedua-dua pihak sekaligus kecuali berkecuali atau tidak memihak. Oleh itu sekiranya pihak pemerintah dapat menguasai kekuatan tentera sepenuhnya dan mendapat sokongan dari anggota masyarakat maka dengan senang sahaja pihak regim dapat menumpaskan pihak dissidents. Begitu juga sebaliknya. Dengan ini magnitude keganasan politik tidaklah besar dan tidak pula memakan masa yang lama.

Secara keseluruhannya kedua-dua pihak samada akan mencapai peringkat kedudukan dan kekuatan yang mutlak atau relatif adalah bergantung kepada;


- i) Organisasi-organisasi yang cohesive dan complex. Iaitu kekuatan perpaduan pertubuhan mereka.
- ii) Scope surveillance masyarakat bagi kedua-dua pihak. Ini dimaksudkan kepada sebesar atau sebanyak manakah pihak-pihak yang bertentangan itu dapat menguasai dan mempengaruhi anggota masyarakat supaya menyokong tindakan masing-masing.
- iii) Kawalan keatas bahan-bahan atau value stock. Kekuatan mereka juga bergantung kepada penguasaan bahan-bahan seperti punca-punca ekonomi.
- iv) Saiz serta punca-punca pembentukan kekuatan militeri seperti peralatan senjata dan alat-alat pengangkutan.
- v) Kesetian militeri dalam mengawal keadaan. Tiap-tiap pihak mestilah berjaya menguasai angkatan tentera untuk memperkuatkan kedudukan dan tindakan masing-masing.

### 3.4 Teori J-curve.


Mengikut teori ini revolusi tidaklah selalunya berlaku semasa keadaan yang sedia mundur bertambah mundur. Sebaliknya revolusi akan tercetus apabila berlakunya kemerosotan sosio-ekonomi secara tiba-tiba dengan seriousnya setelah sekian lama sebelumnya berlaku perkembangan dan kemajuan dalam bidang sosio-ekonomi secara stabil. Sapertimana mengikut kata asal James C. Davies dalam karangannya Toward a Theory of Revolution (Paynton & Blackey: 1971:178-179) sebagai:

"Revolution are most likely to occur when a prolonged period of objective economic and social development is followed by a short period of sharp reversal."

Mengikut teori J-curve perkembangan dan pembangunan sosio-ekonomi menyebabkan jangkaan-jangkaan dikalangan anggota masyarakat turut berkembang. Sungguhpun begitu di waktu ini tidak akan berlaku revolusi kerana perkembangan jangkaan diikuti dengan pertambahan dalam keupayaan pencapaian kerana perkembangan dan pembangunan sosio-ekonomi itu memberi peluang-peluang pencapaian yang cukup kepada anggota masyarakat itu. Sebaliknya apabila berlaku kemerosotan sosio-ekonomi secara tiba-tiba dan serious pula menyebabkan anggota masyarakat mengalami kekurangan keupayaan pencapaian, tetapi jangkaan mereka terus menerus berkembang. Keadaan ini menyebabkan wujudnya jurang perbezaan yang nyata antara jangkaan dengan keupayaan pencapaian mereka. Ini menyebabkan mereka menjadi cemas dan merasa keciwa serta menimbulkan satu keadaan yang tidak dapat dikawal dan berkemungkinan mencetuskan satu revolusi. Situasi ini dapat digambarkan seperti rajah 3:4 di bawah.



RAJAH 3:4 PENCAPAIAN KEHENDAK DAN REVOLUSI.



RAJAH 3:5 A CAUSAL MODEL OF THE PRIMARY AND SECONDARY DETERMINANTS OF MAGNITUDE OF POLITICAL VIOLENCE.

#### 4.1.1 Jangkaan Pencapaian Pelajaran Anak-Anak

Jangkaan terhadap pencapaian pelajaran anak-anak diambil sebagai mewakili jangkaan responden terhadap nilai-nilai sosial. Jangkaan pencapaian pelajaran anak-anak ini dimaksudkan kepada jangkaan atau pun keinginan responden untuk memberikan pelajaran kepada anak-anak mereka sendiri. Iaitu sampai di peringkat manakah seharusnya anak-anak mereka patut mendapat kejayaan dalam mengerjakan pelajaran, samada sampai di peringkat sekolah rendah sahaja, pelajaran menengah ataupun sampai ke peringkat pelajaran tinggi seperti di maktab-maktab mahupun universiti. Daripada kajian, didapati harapan responden terhadap pencapaian dalam pelajaran oleh anak-anak mereka adalah seperti yang digambarkan dalam Jadual 4:1 di bawah.

JADUAL 4:1

#### JANGKAAN PENCAPAIAN PELAJARAN ANAK-ANAK

Tingkat Pelajaran	Bil.	%
Sekolah rendah sahaja	-	-
Sekolah menengah sahaja	-	-
Lulus sekolah menengah	1	2.5
Universiti / maktab	39	97.5
Jumlah	40	100

Daripada jadual ini, didapati majoriti responden mempunyai harapan dan jangkaan yang tinggi terhadap pencapaian pelajaran anak-anak mereka. Kebanyakan mereka inginkan anak-anak mereka berjaya dalam mengerjakan pelajaran sehingga sampai ke peringkat tinggi seperti berjaya memasuki universiti atau maktab. Dimana terdapat kira-kira 97.5% daripada responden mahukan anak-anak mereka berjaya dalam mencapai pelajaran

sampai ke peringkat ini. Manakala 2.5% responden lagi mengharapkan agar anak-anaknya dapat belajar di peringkat menengah sehingga tamat. Di-peringkat-peringkat lain yang lebih rendah tidak menjadi harapan para responden untuk anak-anak mereka menamatkan pelajaran.

Melihat kepada keputusan jangkaan ini, didapati keseluruhan responden sudah begitu sedar akan kepentingan pelajaran. Mereka mahukan anak-anak mereka diberi pelajaran secukup-cukupnya sehingga sampai ke peringkat tinggi. Ini mungkin mereka betul-betul menyedari bahawa pelajaran adalah faktor penting untuk kemajuan pencapaian di lain-lain bidang.

#### 4.1.2 Jangkaan Dalam Pendapatan

Jangkaan terhadap pendapatan sendiri dipilih sebagai mewakili jangkaan responden terhadap nilai-nilai ekonomi. Jangkaan pendapatan ini diambil jumlah yang difikirkan oleh responden berapa banyakkah yang ia harus dapat dimasa itu berdasarkan kepada pekerjaan dan perbelanjaan kehidupan mereka. Jadi berdasarkan kepada keperluan perbelanjaan harian keluarga mereka, responden diminta memberikan jumlah pendapatan yang sepatutnya diperolehi dalam jangka masa sebulan. Oleh itu jangkaan jumlah pendapatan yang dikehendaki oleh responden dapat dilihat pada Jadual 4:2 di bawah.

JADUAL 4:2

#### JANGKAAN TERHADAP PENDAPATAN

Jumlah pendapatan	Bil.	%
\$101 hingga \$200	3	7.5
\$201 hingga \$300	13	32.5
\$301 hingga \$400	16	40.0
\$401 hingga \$500	8	20.0
Jumlah	40	100

Berdasarkan kepada keterangan seperti jadual 4:2, terdapat kira-kira 7.5% responden merasakan sepatutnya pendapatan mereka ketika itu ialah antara \$101 hingga \$200 sebulan. Manakala 35.5% responden menganggap sepatutnya mereka berpendapan antara \$201 hingga \$300 sebulan, kira-kira 40% responden merasakan seharusnya mereka berpendapatan antara \$301 hingga \$400 sebulan dan 20% lagi responden berharap sepatutnya jumlah pendapatan bulanan mereka ialah antara \$401 hingga \$500.

Pada keseluruhannya didapati ramai daripada responden berpendapat bahawa sepatutnya pendapatan mereka adalah dalam lingkungan antara \$201 hingga \$400, iaitu kira-kira 72.5% daripada jumlah responden. Mean bagi jangkaan pendapatan sepatutnya bagi responden ialah \$300 sebulan.

#### 4.1.3 Jangkaan Penglibatan Dalam Politik

Penglibatan atau penyertaan dalam politik ini dimaksudkan kepada penglibatan seseorang dalam proses politik ataupun dalam pertubuhan-pertubuhan politik yang ada. Ini adalah sama dengan participation value iaitu keperluan seseorang untuk menyertai kumpulan dalam membuat keputusan seperti mengundi, mengambil bahagian dalam pertandingan politik atau menjadi political elite.

Penglibatan dalam politik ini dapat dilihat pada dua bahagian, iaitu pada peringkat tempatan (local) dan peringkat nasional. Peringkat tempatan ini dirujuk kepada penglibatan diri dalam pertubuhan-pertubuhan yang menguruskan hal-hal pentadbiran kampung. Di peringkat ini ruang lingkup politiknya adalah terhad pada kawasan perkampungan sahaja. Manakala pada peringkat nasional pula dilihat penglibatan seseorang dalam pertubuhan-pertubuhan politik yang bersifat nasional dimana ianya

merangkumi proses-proses dan aktiviti politik yang lebih luas, meliputi negara seluruhnya.

Di peringkat tempatan penglibatan politik mereka dilihat kepada penyertaan dalam pertubuhan Urusetia Kampung iaitu badan yang mengawasi dan menyelaraskan hal ehwal kampung. Di peringkat ini kira-kira 20% responden merasakan mereka patut menjadi Ahli Jawatankuasa pertubuhan. Sebaliknya sejumlah 60% responden menjangkakan mereka seharusnya dapat memilih wakil untuk menduduki kerusi Ahli Jawatankuasa pertubuhan. Dimana mereka ini berharap mereka diberi kuasa untuk menentukan sesiapa yang layak menjadi Ahli Jawatankuasa. Manakala yang lain bakinya tidak begitu berminat untuk melibatkan diri, umpamanya kira-kira 12.5% dari responden merasakan mereka hanya patut terlibat setakat membincangkan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh pertubuhan, 5% responden mengharapkan agar mereka diberitahu akan segala dasar-dasar yang telah diputuskan dan 2.5% lagi tidak ada jangkaan langsung untuk turut terlibat dalam organisasi ini .

JADUAL 4:3

JANGKAAN UNTUK TURUT TERLIBAT DALAM POLITIK TEMPATAN

Peringkat Penglibatan	Bil.	%
Tiada penglibatan langsung	1	2.5
Harus diberitahu dasar-dasar yang diambil	2	5.0
Harus bincangkan keputusan yang telah dibuat	5	12.5
Memilih wakil bertugas dalam jawatankuasa	24	60.0
Menjadi Ahli Jawatankuasa pertubuhan	8	20.0
Jumlah	40	100

Di peringkat nasional pula penglibatan politik mereka ditinjau pada penyertaan dalam parti dan proses-proses politik negara. Dalam kegiatan politik nasional ini, tidak ada seorang pun dari responden yang menaruh harapan untuk terlibat sampai ke peringkat tinggi iaitu mengambil peranan kepimpinan politik nasional ataupun negeri seperti menjadi Wakil Rakyat dan lain-lain jawatan. Mereka hanya membuat jangkaan sekadar melibatkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan politik sahaja, dimana kira-kira 37.5% responden merasakan mereka layak untuk menduduki kerusi Ahli Jawatankuasa pertubuhan dan 55% responden lagi menjangkakan yang mereka hanya patut terlibat dalam pertubuhan politik sebagai ahli biasa sahaja. Manakala 7.5% responden tidak terlibat langsung dalam mana-mana pertubuhan politik pun, mereka ini cuma merasakan hanya patut terlibat dalam proses politik negara iaitu keluar mengundi tiap-tiap empat tahun sekali.

JADUAL 4:4

JANGKAAN UNTUK TURUT TERLIBAT DALAM POLITIK NASIONAL

Peringkat Penglibatan	Bil.	%
Tiada penglibatan langsung	-	-
Mengundi 4 tahun sekali	3	7.5
Menjadi ahli biasa pertubuhan politik	22	55.5
Menjadi Ahli J/kuasa pertubuhan politik	15	37.5
Mengambil peranan kepimpinan nasional	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

#### 4.1.4 Jangkaan Dari Segi Aspirasi dan Cita-Cita

Secara umumnya aspirasi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sebagai satu harapan atau keinginan individu terhadap sesuatu benda atau keadaan yang dirasakan perlu dalam kehidupanya. Dalam menentukan aspirasi ini, responden telah dikemukakan soalan yang am yang memerlukan jawapan secara terbuka. Daripada jawapan yang diberikan oleh responden didapati aspirasi mereka lebuh tertumpu kepada aspek ekonomi seperti inginkan kekayaan, kesenangan hidup ataupun ingin memiliki tanah. Aspirasi atau keinginan mereka ini dapat dilihat pada Jadual 4:5 di bawah.

**JADUAL 4:5**  
**ASPIRASI DAN CITA-CITA RESPONDEN**

Aspirasi	Bil.	%
Mahu kan kekayaan	15	37.5
Mahu kan kesenangan	23	57.5
Mahu membeli tanah/kebun	2	5.0
Jumlah	40	100

Daripada jawapan yang diberikan oleh responden dapat dirumuskan bahawa 37.5% daripada responden mengharapkan untuk mencapai kekayaan; manakala 57.5% responden inginkan kesenangan dalam kehidupan di masa hadapan dan kira-kira 5% responden lagi mengharapkan agar mereka dapat memiliki tanah terutamanya kebun getah di kemudian hari nanti. Jadi daripada data ini jelaslah bahawa keseluruhan responden bercita-cita dan menaruh harapan yang tinggi dalam pencapaian nilai-nilai ekonomi. Mereka semuanya mahu dan inginkan kesenangan hidup di masa-masa akan datang.

#### 4.1.5 Jangkaan Untuk Menukar Pekerjaan

Dalam hal ini responden dicuba tijaukan samada mereka berkeinginan untuk menukar pekerjaan atau tidak. Iaitu menukar pekerjaan dari sektor menoreh getah yang dijalankan sekarang kepada lain-lain sektor sekiranya ada peluang. Lain-lain pekerjaan ini termasuklah kerani, pekerjaan yang memerlukan kemahiran (skill worker) seperti pertukangan kayu, pemandu dan lain-lain. Keinginan dan pemilihan untuk menukar pekerjaan oleh responden dapat dilihat pada jadual 4:6 di bawah.

JADUAL 4:6

#### PEMILIHAN PEKERJAAN BARU

Pekerjaan	Bil.	%
Tidak memilih	26	65.0
Skilled worker	2	5.0
Boroh	11	27.5
Tidak tentu	1	2.0
Jumlah	40	100

Dalam menentukan pemilihan pekerjaan baru ini, didapati kira-kira 65% responden tidak membuat pilihan apa-apa pekerjaan pun. Keputusan tidak memilih mana-mana pekerjaan ini sebenarnya bukanlah bermaana mereka lebih suka kepada pekerjaan menoreh sekarang dan tidak mahu tukar sektor pekerjaan. Sebaliknya mereka ini tidak ada harapan langsung untuk mendapatkan lain-lain pekerjaan kerana keadaan nilai-niali peribadi (personal values) mereka tidak begitu menggalakkan untuk mereka berbuat demikian seperti tidak berpelajaran, tidak ada kemahiran, umur sudah lanjut dan lain-lain. Terdapat 5% responden berharap untuk menceburkan

diri ke dalam bidang skilled worker iaitu sebagai tukang rumah dan pemandu teksi. Manakala sejumlah 27.5% responden berharap agar dapat bekerja sebagai boroh samada boroh kilang ataupun boroh kasar yang bekerja dengan kontrektor-kontrektor yang membina bangunan. Dan seorang atau 2.5% responden lagi tidak dapat menentukan secara khusus jenis pekerjaan yang diidamkan, baginya ia sanggup menceburkan diri dalam apa-apa saja jenis pekerjaan asalkan pendapatan dan keadaan kerjanya lebih baik dari menoreh getah.

#### 4.2 Nilai-Nilai Pencapaian

Nilai-nilai pencapaian yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah merujuk kepada keupayaan mereka (responden) mendapatkan atau memiliki barang ataupun keadaan kehidupan yang dikehendaki. Iaitu setakat manakah mereka berupaya memenuhi kehendak-kehendak serta keinginan mereka masing-masing. Pencapaian ini sebenarnya boleh dirujuk kepada dua jangka masa, iaitu masa sekarang (present) dan masa akan datang (future). Nilai pencapaian masa sekarang disebut juga sebagai value position manakala nilai pencapaian bagi masa akan datang sebagai value potential.

Oleh itu dalam bahagian ini dicuba tinjau akan pencapaian-pencapaian responden dalam beberapa aspek nilai, khususnya kepada nilai-nilai sosial, ekonomi dan politik.

##### 4.2.1 Pencapaian Pelajaran Anak-Anak

Konsep pencapaian pelajaran anak-anak ini dimaksudkan kepada keupayaan mereka (responden) memberi pelajaran kepada anak-anak masing-

masing. Iaitu setakat manakah pada fikiran dan keupayaan mereka, anak-anak yang berada di bawah tanggungan mereka itu patut mendapat pelajaran. Penilaian ini sebenarnya menjadi value potential yang mana mungkin ianya berdasarkan kepada keadaan ekonomi dan kebolehan pencapaian anak-anak mereka sendiri dalam bidang pelajaran. Penilaian keupayaan pencapaian pelajaran anak-anak oleh responden adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 4:7 di bawah.

JADUAL 4:7

KEUPAYAAN PENCAPAIAN PELAJARAN ANAK-ANAK

Tingkat Pencapaian	Bil.	%
Sekolah rendah sahaja	4	10.0
Lulus sekolah rendah	5	12.5
Sekolah menengah sahaja	17	42.5
Lulus sekolah menengah	14	35.0
Universiti / maktab	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

Berpandukan kepada jadual dapat dijelaskan bahawa 10% daripada responden berupaya menghantar anak-anak mereka belajar hanya di peringkat sekolah rendah sahaja yang belum tentu samada sehingga tamat atau tidak. Manakala yang sanggup menghantar dan membiayai pelajaran anak-anak mereka sehingga tamat di sekolah rendah ialah kira-kira 12.5% dari keseluruhan responden. Terdapat sejumlah 42.5% responden yang merasakan mereka berupaya membiayai pelajaran anak-anak mereka hingga ke peringkat pelajaran menengah, tetapi tidak ditentukan samada sehingga lulus atau tidak. Sebaliknya kira-kira 35% responden pasti bahawa mereka berupaya menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah menengah sehingga tamat.

Bagi peringkat pelajaran tinggi samada universiti atau maktab tidak ada seorang pun daripada responden menaruh harapan dapat menghantar anak-anak mereka belajar disana.

Daripada penjelasan ini pada keseluruhannya didapati ramai daripada responden merasakan mereka hanya sanggup menghantar dan membiayai pelajaran anak-anak mereka sehingga ke peringkat menengah sahaja, samada sehingga lulus atau tidak. Mereka ini berjumlah kira-kira 77.5% daripada jumlah responden. Ketidakadaan responden yang merasakan mereka sanggup untuk menghantar anak-anak mereka belajar di peringkat tinggi mungkin berkait dengan kedudukan ekonomi mereka sendiri yang tidak begitu menjanjikan, kerana perbelanjaan pengajian di peringkat tinggi adalah terlalu tinggi bagi mereka.

#### 4.2.2 Pencapaian Dari Segi Pendapatan

Jumlah pendapatan responden dapat dinilai sebagai keupayaan pencapaian responden dalam nilai-nilai ekonomi. Pencapaian pendapatan mereka ini diambilkira pendapatan semasa (present income), iaitu jumlah pendapatan bulanan yang dianggarkan semasa kajian ini dijalankan. Dengan ini jumlah pendapatan responden keseluruhan adalah seperti yang tergambar pada jadual 4:8 di bawah.

JADUAL 4:8

#### PENCAPAIAN PENDAPATAN RESPONDEN

Jumlah Pendapatan	Bil.	%
\$51 hingga \$100	27	67.5
\$101 hingga \$150	11	27.5
\$151 hingga \$200	2	5.0
Total	40	100

Berpandukan kepada data dalam jadual 4;8 itu, secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa kesemua responden berpendapatan tidak melebihi \$200 sebulan. Di mana secara lebih spesifik pembahagiannya, terdapat kira-kira 67.5% responden yang masing-masing berpendapatan diantara \$51 hingga \$200 sebulan. Ini merupakan jumlah yang terbesar sekali jika dibandingkan dengan lain-lain kumpulan. Iaitu kira-kira 27.5% responden sahaja yang berpendapatan dalam lingkungan \$101 hingga \$150 sebulan dan cuma 5% sahaja daripada jumlah responden yang memperolehi pendapatan kira-kira dalam lingkungan \$151 hingga \$200 sebulan.

Daripada keterangan ini jelaslah bahawa pendapatan bulanan bagi keseluruhan responden rata-ratanya adalah rendah. Lebih ramai responden yang berpendapatan kurang dari \$100 sebulan dan mean bagi pendapatan responden ialah \$93.75 sebulan.

#### 4.2.3 Pencapaian Penglibatan Dalam Politik

Pencapaian penglibatan dalam politik ini dilihat sama sapertimana meninjau jangkaan penglibatan mereka lalu. Iaitu melihat kepada pencapaian dalam participation values atau keupayaan mereka menyertai dan melibatkan diri masing-masing ke dalam perkumpulan dan proses-proses politik. Pencapaian penyertaan dalam politik ini juga dirujuk kepada dua bahagian iaitu di peringkat tempatan dan nasional.

Pada peringkat tempatan pencapaian penglibatan mereka dilihat kepada penyertaan sebenar mereka dalam pertubuhan Urusetia Kampung. Merujuk kepada pencapaian dalam nilai ini didapati kira-kira 72.5% responden tidak terdaya langsung untuk melibatkan diri dalam pertubuhan ini. Ini

menunjukkan bahawa golongan ini tidak terlibat langsung dalam aktiviti kesatuan cuma menjalankan apa-apa sahaja yang diarahkan. Sejumlah 17.5% responden berupaya melibatkan diri pada peringkat yang paling rendah sekali, iaitu mereka harus diberitahu segala dasar-dasar yang telah diputuskan oleh pihak kesatuan. Manakala 7.5% responden turut terlibat dalam perbincangan-perbincangan mengenai keputusan yang bakal dilaksanakan. Dimana segala keputusan yang dibuat sebelum dilaksanakan perlulah di-perbincangkan oleh golongan ini terlebih dahulu. Hanya 2.5% atau seorang responden sahaja berkeupayaan untuk memilih wakil-wakil yang akan bertugas dalam Jawatankuasa kesatuan. Sebaliknya tida ada seorang pun daripada responden yang berjaya menduduki kerusi Ahli Jawatankuasa kesatuan. Daripada penjelasan ini nyatahlah bahawa keupayaan responden untuk menyertai dan turut terlibat dalam proses-proses politik tempatan adalah rendah sekali.

JADUAL 4:9

PENCAPAIAN PENGLIBATAN DALAM POLITIK TEMPATAN

Peringkat Penglibatan	Bil.	%
Tiada penglibatan langsung	29	72.5
Harus diberitahu dasar yg. diambil	7	17.5
Harus membincangkan keputusan-keputusan	3	7.5
Memilih wakil bertugas dalam J/kuasa	1	2.5
Menjadi Ahli J/kuasa	-	-
Jumlah	40	100

Pada peringkat nasional penglibatan politik mereka dirujuk kepada penyertaan responden ke dalam pertubuhan politik dan proses-proses politik yang diamalkan di negara ini. Jadi keupayaan pencapaian politik nasional dilihat pada peringkat manakah mereka sanggup menceburkan diri masing-masing.

Di peringkat nasional ini didapati kesemua responden turut terlibat dalam proses-proses politik yang mana sekurang-kurangnya melibatkan diri sebagai pengundi dalam pilihanraya yang diadakan empat tahun sekali. Iaitu kira-kira 77.5% dari responden hanya berkeupayaan melibatkan diri sebagai pengundi sahaja. Manakala yang bakinya 22.5% responden lagi berupaya menceburkan diri dalam pertubuhan politik sebagai ahli biasa sahaja. Pada peringkat-peringkat yang lebih tinggi tidak ada dikalangan responden yang mampu untuk turut terlibat seperti menjadi Ahli Jawatan-kuasa pertubuhan politik ataupun mengambil bahagian dalam kepimpinan nasional. Nyatalah dengan penjelasan ini bahawa para responden tidaklah terlibat secara aktif dalam proses politik nasional.

JADUAL 4:10

PENCAPAIAN PENGLIBATAN DALAM POLITIK NASIONAL

Peringkat Penglibatan	Bil.	%
Tidak ada penglibatan langsung	-	-
Mengundi dalam 4 tahun sekali	31	77.5
Menjadi ahli biasa pertubuhan politik	9	22.5
Menjadi Ahli J/kuasa pertubuhan	-	-
Mengambil peranan kepimpinan nasional	-	-
 Jumlah	40	100

#### 4.2.4 Pencapaian Aspirasi Dan Cita-Cita

Setiap responden seperti dalam bahagian jangkaan mempunyai aspirasi masing-masing seperti bercita-cita untuk mencapai kekayaan, kesenangan ataupun memiliki tanah. Walaupun mereka mempunyai aspirasi tertentu tetapi semua yang dicita-citakan itu belum tentu dapat dicapai atau ada harapan untuk mencapainya. Oleh itu di sini cuba ditinjau samada aspirasi mereka itu akan tercapai dan bilakah pula masanya segala yang dicita-citakan itu akan tercapai. Ini dapat dilihat pada jadual 4:11 di bawah.

JADUAL 4:11

#### JANGKAMASA PENCAPAIAN ASPIRASI

Jangkamasa Pencapaian	Bil.	%
Tidak ada harapan	19	47.5
Kurang dari 5 tahun akan datang	2	5.0
Antara 6 hingga 10 tahun	-	-
Antara 11 hingga 15 tahun	-	-
Kurang dari 15 tahun	1	2.5
Tidak tentu	18	45.0
Jumlah		40 100

Daripada jadual ternyata bahawa kira-kira 47.5% daripada responden tidak ada harapan untuk mencapai segala apa yang dicita-citakan itu. Manakala yang bakinya mempunyai harapan untuk mencapainya, di mana 5% daripadanya merasakan keinginan itu akan dapat dicapai dalam jarak masa kurang dari 5 tahun akan datang. Seorang responden atau 2.5% mempunyai harapan yang aspirasinya itu akan dapat dicapai dalam jangkamasa 15 tahun akan datang. Sebaliknya sejumlah 45% responden lagi tidak dapat pastikan

secara khusus jangkamasa pencapaian aspirasi mereka, tetapi yang pastinya cita-cita mereka itu lambat-laung akan tercapai juga nanti.

Dalam menentukan pencapaian aspirasi mereka ini, didapati lebih ramai responden bergantung harap kepada kerajaan iaitu kira-kira 32.5% dari jumlah responden. Terdapat cuma 5% sahaja responden yang meletakkan kejayaan pencapaian aspirasi mereka kepada daya usaha sendiri. Sejumlah 12.5% responden bergantung kepada nasib atau kuasa Tuhan bagi mencapai cita-cita mereka. Dan seorang responden atau 2.5% mengharapkan orang lain untuk menjayakan pencapaian aspirasinya. Orang lain yang dimaksudkan ialah anak-anaknya sendiri. Manakala sejumlah 47.5% responden yang baki sememangnya tidak bergantung harap kepada sesiapa kerana mereka ini sudah pasti dan mempercayai bahawa segala cita-cita mereka itu akan tetap tinggal sebagai impian sahaja, tidak akan tercapai.

JADUAL 4:12

KUASA PENENTU PENCAPAIAN ASPIRASI

Kuasa Penentu	Bil.	%
Tidak ada harapan	19	47.5
Kerajaan	13	32.5
Diri sendiri	2	5.0
Nasib / Tuhan	5	12.5
Orang lain / anak	1	2.5
Jumlah	40	100

4.2.5 Pencapaian Pekerjaan Baru.

Dalam bahagian jangkaan lalu terdapat kira-kira 35% responden berkeinginan untuk menukar sektor pekerjaan. Oleh itu di sini cuba pula

ditinjau peluang-peluang yang ada dan harapan mereka terhadap pencapaian pekerjaan baru yang diingini itu.

Dalam melihat peluang-peluang yang ada ini seorang responden atau 2.5% menaruh harapan yang sangat besar yang ia akan mendapat pekerjaan baru yang diidami itu. Ini bermakna bahawa terdapat peluang yang sangat besar baginya mencapai pekerjaan itu. Manakala 5% responden merasakan bahawa mereka cuma ada peluang untuk mendapatkan pekerjaan baru yang dikehendaki itu. Jadi peluang yang ada tidaklah begitu besar serta tidak menjaminkan mereka untuk mendapatkannya. Dan kira-kira 27.5% responden merasakan peluang untuk mereka mendapatkan pekerjaan yang diingini itu adalah tipis sekali, tidak ada harapan sangat untuk mendapatkannya. Manakala sejumlah 65.0% responden yang bakinya sememangnya mereka telah mempercayai bahawa tidak ada peluang bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan baru, oleh itu sejak awal lagi mereka tidak begitu berminat untuk mencari pekerjaan baru.

JADUAL 4:13

HARAPAN UNTUK MENCAPAI PEKERJAAN BARU

Harapan	Bil.	%
Tidak ada peluang	26	65.0
Sangat besar	1	2.5
Ada peluang	2	5.0
Peluang yang tipis	11	27.5
Jumlah	40	100

#### 4.2.6 Kedudukan Personal Pada Masa Sekarang.

Bagi mengukur kedudukan personal sesaorang responden itu digunakan sekil Self-anchoring Striving yang dicipta oleh Hadley Cantril iaitu seorang ahli Psychologi Sosial Amerika. Sekil ini berbentuk tangga sebagai menunjukkan peringkat-peringkat tertentu dalam pencapaian sosio-ekonomi sesaorang di mana dimulakan dengan tangga '0' sebagai tingkat yang paling terendah sekali dan meningkat hingga ke tangga '10' iaitu peringkat yang tertinggi sekali.


Sebenarnya alat ini tidaklah dapat dipergunakan untuk membandingkan ukuran antara individu secara mutlak (*absolute*), kerana setiap individu itu mempunyai penilaian yang berbeza terhadap sesuatu peringkat itu. Misalnya tingkat '8' bagi individu 'A' mungkin berlainan bagi individu 'B' walaupun keadaan atau kedudukan sebenarnya adalah sama sahaja. Sesaorang individu itu memilih tangga mengikut pandangan tersendiri, oleh itu terdapat penilaian yang berbeza diantara satu sama lain. Sekil ini digunakan untuk melihat samada terdapat perubahan atau tidak dalam kedudukan (*value position*) sesaorang itu pada pandangan mereka sendiri.

Dalam menilai kedudukan personal semasa (*present*) ini didapati 25% responden mengagakan bahawa kedudukan sosio-ekonomi mereka berada pada tangga 2. Manakala 70% responden merasakan kedudukan mereka ialah di tangga 3 dan kira-kira 5% responden lagi menganggarkan tangga 4 sebagai menunjukkan kedudukan personal mereka di masa itu. Daripada penjelasan ini nyatalah bahawa kedudukan sosio-ekonomi responden dari kacamata mereka sendiri adalah rendah sekali dimana mean kedudukan mereka ialah di tangga 2.8 . Untuk penjelasan lanjut akan kedudukan

personal responden pada masa sekarang dapat dilihat pada jadual 4:14 di bawah.

BENTUK SEKIL

SELF-ANCHORING STRIVING



JADUAL 4:14

KEDUDUKAN PERSONAL RESPONDEN SEKARANG

Kedudukan Tangga	Bil.	%
Tangga 1	-	-
Tangga 2	10	25.0
Tangga 3	28	70.0
Tangga 4	2	5.0
Jumlah	40	100

mean = tangga 2.8

#### 4.3 Perbezaan Antara Jangkaan Dengan Pencapaian

Dalam bahagian ini akan dilihat sejauh manakah wujudnya perbezaan antara jangkaan (expectations) dengan keupayaan pencapaian (capabilities) nilai-nilai, terutamanya nilai sosial, ekonomi dan politik. Perbezaan antara kedua ini dapat menentukan setakat manakah keupayaan responden dapat memenuhi kehendak-kehendak yang dijangkakan. Sebaliknya perbezaan diantara kedua nilai ini juga dapat dijadikan sebagai pilihan dalam operational untuk menjelaskan darjah (degree) RD yang dialami oleh responden. Cara ini telah dipergunakan oleh Robert Ted Gurr (1970:66).

"An alternative operational definition of degree of deprivation is that it is the difference between expected and attainable value positions."

Terdapat satu cara lagi dalam menentukan degree RD iaitu dengan melihat ratio antara jangkaan dengan pencapaian. Pada asasnya ratio ini juga melihat perbezaan antara jangkaan dengan pencapaian, tetapi perbezaan ini dibahagikan pula dengan jangkaan atau dalam bentuk formulanya ialah:-

$$\frac{(VE) - (VC)}{(VE)}$$

di mana,      VE = value position yang dijangkakan  
                  VC = value position yang dicapai

Didapati terdapat perhubungan secara positif antara darjah RD dengan perbezaan atau ratio nilai jangkaan dengan pencapaian. Iaitu sekiranya perbezaan atau ratio antara keduanya besar maka darjah RD yang dialami juga tinggi, begitulah sebaliknya jika perbezaan atau rationya kecil maka darjah RD yang dialami adalah rendah.

#### 4.3.1 Ratio Bagi Pelajaran Anak-Anak

Dalam menentukan ratio pencapaian pelajaran anak-anak mereka ini, diambil tingkat pelajaran yang harus diberikan kepada anak-anak mereka sebagai VE dan VC pula merujuk kepada tingkat sebenar yang boleh dicapai. Dengan ini setelah pengiraan dibuat didapati 35% responden yang ratio pencapaian pelajaran anak-anak mereka berada pada 0.2, manakala tingkat ratio 0.3 diduduki oleh 2.5% atau seorang responden dan tingkat ratio 0.3 terdapat kira-kira 40% responden. Jadi, mereka ini iaitu sejumlah 77.5% responden didapati ratio bagi pencapaian pelajaran anak-anak mereka tidaklah tinggi di mana kurang dari 0.5. Manakala kira-kira 22.5% responden lagi mengalami ratio yang tinggi iaitu keatas dari 0.5, di mana 12.5% responden menduduki ratio 0.6 dan 10% responden lagi berada pada ratio 0.8.

JADUAL 4:15

#### RATIO PENCAPAIAN PELAJARAN ANAK-ANAK

Ratio	Bil.	%
0.2	14	35.0
0.3	1	2.5
0.4	16	40.0
0.5	-	-
0.6	5	12.5
0.7	-	-
0.8	4	10.0
Jumlah	40	100
mean = 0.39		

Secara keseluruhannya didapati ratio dalam pencapaian pelajaran anak-anak tidaklah tinggi. Segolongan besar responden iaitu kira-kira

77.5% didapati rationya berada terkebawah dari 0.5 . Ini bermakna tidak ada jurang perbezaan yang besar antara jangkaan dengan pencapaian sebenar terhadap pelajaran anak-anak. Terdapat cuma sejumlah 22.5% responden sahaja yang membuat jangkaan yang terlalu tinggi daripada apa yang sebenarnya dapat dicapai dimana ratio bagi golongan ini berada terkeatas dari 0.5 iaitu antara 0.6 hingga 0.8 . Dari pada keterangan ini dapat dijelaskan bahawa ratio bagi pencapaian pelajaran anak-anak tidak tinggi di mana mean rationya ialah cuma 0.39 sahaja. Dan dengan ini juga dapat disimpulkan yang responden ini tidaklah mengalami darjah RD yang tinggi dalam pencapaian pelajaran anak-anak.

#### 4.3.2 Ratio Pendapatan

Untuk menentukan ratio pendapatan responden diambil pendapatan semasa (present income) ataupun jumlah pendapatan yang diperolehi sebagai VC dan VE pula ialah pendapatan yang sepatutnya mereka perolehi mengikut penilaian responden sendiri. Oleh itu kedudukan ratio pendapatan bagi keseluruhan responden adalah seperti yang tercatit dalam jadual 4:16.

JADUAL 4:16

#### RATIO PENDAPATAN RESPONDEN

Ratio	Bil.	%
0.4	1	2.5
0.5	2	5.0
0.6	1	2.5
0.7	21	52.5
0.8	15	37.5
Jumlah	40	100

$$\text{mean} = 0.72$$

Kalau diperhatikan kepada jadual, didapati seorang atau 2.5% dari responden yang ratio pendapatannya berada pada paras 0.4, 5% menduduki ratio 0.5; seorang atau 2.5% responden ratio pendapatannya ialah 0.6; manakala sejumlah 52.5% responden ratio pendapatan mereka terletak pada paras 0.7 dan kira-kira 37.5% responden lagi yang tergolong ~~kedalam~~ dalam ratio 0.8 bagi pendapatan mereka.

Secara keseluruhannya daripada keputusan ini nyatakan bahawa ratio bagi pendapatan responden adalah tinggi, di mana segolongan besar responden iaitu kira-kira 92.5% yang ratio pendapatan mereka berada terkeatas dari paras 0.5. Ini bermakna jangkaan terhadap pendapatan yang dibuat adalah jauh lebih tinggi daripada pencapaian pendapatan sebenar. Keadaan ini sebaliknya akan mewujudkan jurang perbezaan yang besar antara pendapatan sebenar yang diperolehi dengan jumlah pendapatan yang diperlukan atau yang dijangkakan. Hanya sejumlah 7.5% sahaja responden yang ratio pendapatan mereka tidak begitu tinggi iaitu berada terkebawah dari paras 0.5. Bagi mereka ini, perbezaan antara jumlah pendapatan yang diingini dengan jumlah sebenar pendapatan yang diperolehi tidaklah begitu ketara sangat. Lagi sekali ditegaskan bahawa ratio pendapatan bagi keseluruhan responden adalah tinggi di mana mean rationya ialah 0.72

#### 4.3.3 Ratio Penglibatan Dalam Politik.

Dalam soal penglibatan dalam politik ini ditinjau kepada dua peringkat iaitu peringkat tempatan dan nasional. Di peringkat tempatan terdapat perbezaan yang agak nyata antara jangkaan responden untuk turut terlibat dengan keupayaan pencapaian penglibatan sebenar mereka. Sebaliknya pada peringkat nasional jurang perbezaan antara jangkaan dengan penglibatan yang dicapai tidaklah ketara. Kedudukan perbezaan antara jangkaan dengan

pencapaian penglibatan dalam politik tempatan dan nasional ini dapat dilihat pada ratio bagi kedua-dua peringkat ini dalam jadual 4:17.

JADUAL 4:17

RATIO PENGLIBATAN DALAM POLITIK TEMPATAN DAN NASIONAL

<u>Ratio</u>	<u>Peringkat Tempatan</u>		<u>Peringkat Nasional</u>	
	<u>Bil.</u>	<u>%</u>	<u>Bil.</u>	<u>%</u>
0	3	7.5	8	20.0
0.1	1	2.5	-	-
0.2	-	-	-	-
0.3	4	10.0	20	50.0
0.4	-	-	-	-
0.5	3	7.5	11	27.5
0.6	2	5.0	-	-
0.7	3	7.5	1	2.5
0.8	24	60.0	-	-
<hr/> Jumlah:		40	100	<hr/>
		mean = 0.63		mean = 0.31

Dalam penentuan ratio bagi penglibatan dalam kegiatan politik tempatan ini didapati lebih ramai responden berada dalam lingkungan ratio 0.6 hingga 0.8, iaitu kira-kira 72.5%. Kalau ditinjau secara lebih khusus lagi kedudukan ratio mereka ini didapati 5% responden berada pada ratio 0.6; kira-kira 7.5% berada pada ratio 0.7 dan sejumlah 60% responden yang ratio mereka menduduki tingkat 0.8. Oleh itu golongan ini dianggap mengalami ratio yang tinggi dalam penglibatan diri terhadap kegiatan politik tempatan. Sebaliknya cuma kira-kira 27.5% daripada responden sahaja yang mengalami ratio kebawah dari 0.5, di mana kalau ditinjau secara lebih terperinci lagi golongan ini didapati 7.5% responden yang menduduki ratio 0.5; kira-kira 10% responden berada pada tingkat ratio

0.3 dan 7.5% responden lagi berada pada ratio 0.

Daripada keputusan ratio ini ternyata bahawa majoriti responden mengalami darjah RD yanggi dalam aspek penglibatan diri dalam kegiatan politik tempatan. Di mana terdapat sejumlah 72.5% daripada keseluruhan responden berada pada tingkat ratio yang tinggi iaitu terkeatas dari 0.5, dan mean ratio keseluruhannya ialah 0.63.

Sebaliknya di peringkat nasional keadaannya agak berbeza. Di mana terdapat lebih ramai responden berada pada tingkat ratio yang rendah. Daripada keseluruhan responden, kira-kira 20% berada pada ratio 0. Ini bermazhabut tidak ada perbezaan antara jangkaan dengan pencapaian penglibatan mereka dalam kegiatan politik nasional. Sejumlah 50% responden berada pada ratio 0.3 dan 27.5% menduduki ratio 0.5. Hanya kira-kira 2.5% atau seorang responden sahaja yang menduduki ratio pada peringkat yang lebih tinggi iaitu 0.7.

Kalau ditinjau kepada kedudukan ratio didapati keseluruhan responden tidaklah mengalami darjah kekeciwaan atau RD yang tinggi dalam usaha-usaha untuk melibatkan diri ke dalam kegiatan politik nasional. Terdapat segolongan besar responden yang berjumlah 97.5% yang mengalami darjah kekeciwaan yang rendah yang mana ratio mereka berada pada peringkat 0.5 dan terkebawah dari itu. Jadi bagi golongan ini, antara jangkaan untuk turut terlibat dengan pencapaiannya tidaklah begitu besar perbezaannya. Malah terdapat kira-kira 20% responden yang tidak mengalami kekeciwaan langsung, pencapaiannya dapat memenuhi jangkaan di mana rationya 0. Hanya seorang responden sahaja yang mengalami darjah kekeciwaan yang agak tinggi kerana ratio bagi pencapaiannya berada pada tingkat 0.7. Ini adalah

menunjukkan bahawa jangkaan untuk turut terlibat lebih tinggi daripada pencapaian penglibatan sebenar. Walaupun begitu secara keseluruhan didapati darjah kekeciwaan atau RD yang dialami oleh responden dalam mencapai cita-cita politik nasional adalah tidak tinggi, di mana mean rationya cuma 0.31 sahaja.

#### 4.3.4 Perbezaan Kedudukan Personal

Bagi menentukan kedudukan sosio-ekonomi personal responden ini, digunakan sekil Self-anchoring Striving seperti yang ditunjukkan di muka surat 80. Dengan menggunakan sekil ini untuk melihat perbezaan ataupun perubahan value position, responden dikehendaki memilih tangga-tangga sekil ini sebagai menggambarkan kedudukan sosio-ekonomi masing-masing bagi masa-masa sekarang, 5 tahun dahulu dan 5 tahun akan datang. Dengan ini kedudukan sosio-ekonomi personal responden bagi jangkamasa tersebut dapat dilihat dalam jadual 4:18a di bawah.

JADUAL 4:18a

#### KEDUDUKAN PERSONAL DALAM JANGKAMASA

#### 5 TAHUN DAHULU, SEKARANG DAN 5 TAHUN DEPAN

Kedudukan Tangga	5 Tahun Dulu		Sekarang		5 Tahun Depan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1	1	2.5	-	-	-	-
2	31	77.5	10	25.0	3	7.5
3	8	20.0	28	70.0	28	70.0
4	-	-	2	5.0	6	15.0
5	-	-	-	-	3	7.5
Jumlah:	40	100	40	100	40	100
	mean = 2.2		mean = 2.8		mean = 3.2	

Dalam menentukan kedudukan di masa 5 tahun dahulu, seorang atau 2.5% responden merasakan taraf keadaan sosio-ekonominya dewasa itu hanya berada di tangga 1 sahaja. Manakala kira-kira 77.5% responden merakan keadaan kehidupan di masa itu berada di tangga 2. dan sejumlah 20% responden lagi mengagakkan kedudukan sosio-ekonomi mereka pada masa 5 tahun dahulu ialah di tangga 3. Oleh itu pada keseluruhannya didapati value position responden di masa 5 tahun dahulu adalah berada di peringkat rendah, di mana mean kedudukan keseluruhan ialah pada tangga 2.2.

Dalam menilai kedudukan di masa sekarang pula terdapat 25% responden berpendapat keadaan kehidupan mereka berada pada tangga 2; kira-kira 70% responden merakan kedudukan kehidupan mereka di masa ini ialah di-tangga 3 dan sejumlah 5% responden lagi menilai kehidupan mereka sekarang berada pada tangga 4. Jadi kalau ditinjau secara keseluruhan kedudukan responden di masa sekarang ini pun tidak mencapai taraf yang lebih tinggi masih berada di peringkat bawah, cuma agak baik sedikit sahaja dari keadaan 5 tahun dahulu yang mana mean kedudukan mereka ialah di tangga 2.8.

Sebaliknya dalam menjangkakan kedudukan personal di masa 5 tahun akan datang, didapati 7.5% responden merasakan kedudukan sosio-ekonomi mereka akan berada pada tangga 2; sejumlah 70% responden menjangkakan kedudukan mereka nanti akan berada pada tangga 3; seterusnya kira-kira 15% responden merasakan yang mereka akan mencapai tangga 4 dan 7,5% lagi responden menjangkakan taraf kehidupdn mereka nanti akan meningkat ketangga 5. Dalam jangkaan kehidupan dimasa hadapan ini nampaknya ada kemajuan pada taraf kehidupan mereka. Mean bagi keduduka masa hadapan untuk keseluruhan responden ialah tangga 3.2.

Untuk menentukan perbezaan ataupun perubahan dalam value position responden ianya dapat dilihat dengan membandingkan kedudukan personal mereka seperti berikut:-

- i) Kedudukan 5 tahun dahulu dengan keadaan sekarang.
- ii) Kedudukan sekarang dengan 5 tahun hadapan.
- iii) Kedudukan 5 tahun dahulu dengan 5 tahun hadapan.

Perubahan yang berlaku dalam value position responden bagi jarak masa tersebut dapat dilihat pada jadual 4:18b di bawah.

JADUAL 4:18b

PERUBAHAN KEDUDUKAN PERSONAL ANTARA 5 TAHUN DAHULU DENGAN SEKARANG,  
SEKARANG DENGAN 5 TAHUN HADAPAN DAN 5 TAHUN DAHULU DENGAN 5 TAHUN

HADAPAN

Perubahan kedudukan Tangga	5 Tahun Dulu Dgn. Sekarang		Sekarang Dgn. 5 Tahun Depan		5 Tahun Dulu Dgn. 5 Tahun Depan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
0	15	37.5	26	65.0	6	15.0
+ 1	25	62.5	11	27.5	28	70.0
+ 2	-	-	3	7.5	4	10.0
+ 3	-	-	-	-	2	5.0
Jumlah:	40	100	40	100	40	100
	mean = 0.63		mean = 0.43		mean = 1.05	

Dalam melihat perubahan kedudukan personal responden dari 5 tahun dahulu dengan kedudukan sekarang, didapati 37.5% responden merasakan tidak ada apa-apa perubahan pada diri mereka. Maksudnya mereka ini berpendapat bahawa sejak 5 tahun dahulu sehingga sekarang keadaan kehidupan tetap seperti dahulu juga, tidak ada sebarang perubahan. Sebaliknya sejumlah 62.5% responden yang bakinya merasakan keadaan

kehidupan mereka secara relatifnya bertambah baik daripada 5 tahun dahulu. Keadaan sosio-ekonomi mereka ini didapati bertambah satu tangga keatas sejak 5 tahun dahulu hingga sekarang. Pada keseluruhannya perubahan yang berlaku dalam kehidupan responden tidaklah begitu menggalakkan sejak 5 tahun dahulu. Perubahan yang dirasai adalah terlalu rendah, ini dapat dilihat pada mean perubahan yang hanya dalam kadar 0.63 sahaja.

Dalam menjangkakan kedudukan sosio-ekonomi masing-masing bagi jangka masa 5 tahun akan datang, didapati sejumlah besar responden iaitu kira-kira 65% merakan tidak ada perubahan dalam value position mereka kalau dibandingkan dengan keadaan yang dialami sekarang. Mereka ini mengagakan dalam jarak masa 5 tahun akan datang itu tidak akan memberi kesan kepada kehidupan mereka, kalaupun ada perubahan terutamanya perubahan kearah kemajuan ianya berlaku dalam kadar yang kecil sahaja. Namunpun begitu terdapat sebahagian daripada responden yang menjangkakan keadaan ~~kedudukan~~ kehidupan mereka dimasa akan datang agak lebih baik dari sekarang. Kira-kira 27.5% responden merasakan kedudukan mereka di masa 5 tahun akan bertambah baik iaitu naik satu tangga keatas dari kedudukan sekarang. Manakala 7.5% lagi menjangkakan value position mereka akan bertambah dua tangga keatas. Sebaliknya tidak ada responden yang menjangkakan kedudukan sosio-ekonomi mereka akan merosot di masa 5 tahun akan datang. Umumnya jangkaan perubahan tidaklah begitu besar dalam kehidupan responden bagi jarak masa 5 tahun lagi yang mana kadar perubahan atau meannya cuma 0.43 sahaja.

Sebaliknya kalau dibandingkan antara kedudukan 5 tahun dahulu dengan jangkaan kedudukan di masa 5 tahun akan datang didapati sejumlah besar responden merasakan corak kehidupan berubah meningkat keatas, bertambah

baik. Terdapat kira-kira 70% responden merasakan kedudukan mereka bertambah baik iaitu berubah satu tangga keatas, 10% responden menjangka keadaan kehidupan mereka berubah dalam jarak dua tangga keatas dan 5% lagi dari jumlah responden merasakan perubahan akan berlaku dalam jarak tiga tangga keatas. Walaupun begitu terdapat juga responden yang berpendapat dalam jarak masa 5 tahun dahulu sehingga 5 tahun akan datang itu tidak membawa sebarang perubahan dalam kehidupan mereka. Maksudnya keadaan kehidupan mereka di masa 5 tahun dahulu tetap sama sahaja dengan keadaan di masa 5 tahun hadapan. Jumlah responden yang berpendapat sedemikian ialah kira-kira 15%. Sungguhpun begitu tidak ada responden yang menjangkakan kemerosotan akan berlaku dalam kehidupan mereka di-masa akan datang kalau dibandingkan dengan kehidupan di masa 5 tahun lampau. Secara keseluruhan perubahan value position pada peringkat ini juga rendah di mana meannya cuma 1.05 sahaja.

#### 4.3.5 Perbezaan Kedudukan Negara

Untuk menentukan kedudukan negara juga digunakan sekil Self-anchoring Striving, di mana responden dikehendaki menilai kedudukan dari sudut pandangan mereka sendiri. Penentuan kedudukan negara juga di nilai dalam tiga jangkamasa iaitu 5 tahun dahulu, sekarang dan 5 tahun akan datang. Daripada penilaian responden dengan menggunakan sekil Self-anchoring Striving ini kedudukan negara dalam jangkamasa-jangkamasa tersebut dapat dilihat dalam jadual 4:19.

Dalam menilaikan kedudukan sosio-ekonomi negara dalam masa 5 tahun lalu seorang responden atau 2.5% mengagakannya berada pada tangga dua. Kira-kira 17.5% responden pula menilaikan kedudukan negara pada tangga tiga, sejumlah 57.5% responden lain pula mengatakan kedudukan negara

JADUAL 4:19

KEDUDUKAN NEGARA DALAM JANGKAMASA

5 TAHUN DAHULU, SEKARANG DAN 5 TAHUN HADAPAN

Kedudukan Tangga	5 Tahun Dulu		Sekarang		5 Tahun Depan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
2	1	2.5	-	-	-	-
3	7	17.5	-	-	-	-
4	23	57.5	2	5.0	-	-
5	7	17.5	8	20.0	-	-
6	2	5.0	26	65.0	7	17.5
7	-	-	3	7.5	20	50.0
8	-	-	-	-	12	30.0
9	-	-	1	2.5	-	-
10	-	-	-	-	1	2.5
<u>666</u>						
Jumlah:	40	100	40	100	40	100
	mean = 4.1		mean = 5.9		mean = 7.5	

5 tahun dahulu berada di tangga empat. Manakala 17.5% responden mendapati kedudukan negara 5 tahun dahulu berada di tangga lima dan 5% responden lagi mengagakkan yang keadaan negara terletak di tangga enam. Pada keseluruhan pendapat responden kedudukan negara adalah di tangga 4.1 yang mana menjadi mean kedudukannya di masa 5 tahun dahulu.

Dalam menentukan kedudukan sosio-ekonomi negara buat masa sekarang pula didapati 5% responden menilaikannya di tangga empat, 20% responden mengagakkan kedudukan negara di tangga lima. Manakala 65% responden mengatakan keadaan negara sekarang berada di tangga enam, sebaliknya 7.5% responden memberi tangga tujuh sebagai menggambarkan kedudukan negara di masa kini. Dan seorang ataupun 2.5% responden lagi memberikan tangga sembilan untuk menunjukkan keadaan negara buat masa sekarang.

Daripada penilaian yang telah dibuat oleh responden didapati kedudukan sosio-ekonomi negara secara keseluruhannya berada pada peringkat yang sederhana di mana mean kedudukan negara buat masa kini ialah pada tangga 5.9.

Sebaliknya dalam menjangkakan kedudukan sosio-ekonomi negara di masa 5 tahun hadapan kira-kira 17.5% responden memberikan tangga enam, 50% responden yang lain pula menilai kedudukan negara di masa hadapan pada tangga tujuh. Manakala sejumlah 30% responden lagi memberikan tangga lapandan seorang atau 2.5% responden mengagakkan keadaan negara akan meningkat ke tangga sepuluh dalam jangkamasa 5 tahun lagi. Oleh itu dalam menjangkakan kedudukan negara di masa 5 tahun akan datang, secara keseluruhannya responden menilai keadaan negara akan berada pada peri peringkat yang agak tinggi juga di mana mean kedudukannya ialah di tangga 7.5.

Bagi menentukan perbezaan ataupun perubahan kedudukan sosio-ekonomi negara haruslah dibuat perbandingan kedudukan negara seperti berikut:-

- i) Perbezaan antara 5 tahun dahulu dengan sekarang
- ii) Perbezaan antara sekarang dengan 5 tahun hadapan
- iii) Perbezaan antara 5 tahun dahulu dengan 5 tahun hadapan.

Perubahan yang berlaku pada kedudukan negara dari kacamata responden bagi jarak masa tersebut dapat digambarkan seperti jadual 4:20.

Dalam menentukan perubahan kedudukan sosio-ekonomi negara dari 5 tahun dahulu dengan kedudukan sekarang kira-kira 27.5% responden merasakan keadaan negara sudah meningkat satu tangga keatas, manakala 60% responden mengatakan perubahan telah berlaku kepada negara, iaitu

JADUAL 4:20

PERUBAHAN KEDUDUKAN NEGARA ANTARA 5 TAHUN DAHULU  
DENGAN SEKARANG, SEKARANG DENGAN 5 TAHUN HADAPAN  
DAN 5 TAHUN DAHULU DENGAN 5 TAHUN HADAPAN

Perubahan kedudukan <u>Tangga</u>	5 Tahun Dulu		Sekarang Dgn.		5 Tahun Dulu Dgn.		
	<u>Dgn. Sekarang</u>	<u>Bil.</u>	<u>5 Tahun Depan</u>	<u>Bil.</u>	<u>5 Tahun Depan</u>	<u>Bil.</u>	<u>%</u>
0	-	-	3	7.5	-	-	-
+ 1	11	27.5	21	52.5	-	-	-
+ 2	24	60.0	14	35.0	7	17.5	
+ 3	5	12.5	2	5.0	20	50.0	
+ 4	-	-	-	-	13	32.5	
<u>Jumlah:</u>	<u>40</u>	<u>100</u>	<u>40</u>	<u>100</u>	<u>40</u>	<u>100</u>	
	mean = 1.85		mean = 1.37		mean = 3.15		

meningkat dua tangga keatas. Dan 12.5% responden menganggarkan keadaan negara bertambah baik dan meningkat tiga tangga keatas sejak 5 tahun dahulu. Nampaknya perubahan kedudukan negara sejak 5 tahun dahulu hingga sekarang dari sudut pandangan responden secara keseluruhan tidaklah begitu pesat dan menggalakkan yang mana purata (mean) perubahannya cuma 1.85 tangga sahaja.

Dalam menjangkakan kedudukan negara di masa 5 tahun akan datang pula, kira-kira 7.5% responden mengagakannya berada seperti keadaan sekarang juga, iaitu tidak ada perubahan. Walaupun begitu jumlah baki responden yang lain menjangkakan keadaan negara tetap akan bertambah baik dalam jangkamasa 5 tahun lagi. Di mana 52.5% darinya menjangkakan kedudukan negara akan bertambah maju naik satu tangga lagi; 35% responden yakin keadaan negara akan bertambah baik dua tangga lagi dan 5% responden lagi

percaya keadaan negara akan bertambah maju tiga tangga lagi. Umumnya perubahan purata yang dijangkakan bagi 5 tahun akan datang yang akan dialami oleh negara mengikut pendapat responden akan bertambah maju kira-kira 1.37 tangga keatas.

Sebaliknya kalau dibandingkan keadaan negara 5 tahun dahulu dengan keadaan yang dijangkakan bagi 5 tahun akan datang terdapat 17.5% dari jumlah responden mengagakkan kedudukan negara telah meningkat sejarak dua tangga keatas. Manakala 50% responden mempercayai kedudukan negara kian maju, bertambah tiga tangga keatas dan kira-kira 32.5% responden yakin kedudukan negara maju empat tangga lagi sejak 5 tahun dahulu hingga ke 5 tahun akan datang. Keseluruhan responden mengatakan kedudukan sememangnya bertambah baik dalam jarak masa ini. Purata perubahan ialah 3.15 tangga keatas.

#### 4.4 Perbandingan

Hasil dari pemerhatian terhadap perbezaan antara jangkaan dengan pencapaian dikalangan responden dalam nilai-nilai sosial, ekonomi dan politik dapat menentukan darjah kekeciwaan atau RD yang dialami oleh responden dalam mencapai nilai-nilai tersebut. Dajah kekeciwaan ini dapat dilihat pada rationya. Secara keseluruhannya dengan berpandukan kepada mean ratio didapati responden ini mengalami darjah kekeciwaan yang tinggi dalam economic value dan political value bagi peringkat tempatan. Di mana mean ratio bagi economic value iaitu yang dinilai pada pendapatan ialah 0.72 dan bagi political value peringkat tempatan pula ialah kira-kira 0.63. Ini merupakan satu tingkat ratio yang tinggi. Sebaliknya mean ratio bagi lain-lain nilai tidaklah begitu tinggi yang

mana bagi pencapaian pelajaran anak-anak cuma 0.39 dan bagi penglibatan dalam politik nasional ialah 0.31 sahaja. Jadi darjah kekeciwaan atau RD yang dialami oleh responden dalam kedua-dua aspek ini juga rendah.

JADUAL 4:21

MEAN RATIO BAGI PENDAPATAN, PENCAPAIAN

PELAJARAN ANAK, PENGLIBATAN DALAM POLITIK TEMPATAN DAN NASIONAL

Bidang	Mean Ratio
Pendapatan	0.72
Pencapaian pelajaran anak-anak	0.39
Penglibatan dalam politik tempatan	0.63
Penglibatan dalam politik nasional	0.31

Daripada jadual ternyata bahawa mean ratio bagi pendapatan adalah yang tertinggi sekali. Ini bermazaya bahawa ramai responden yang jangkaan mereka lebih tinggi daripada pencapaian sebenar pendapatan mereka. Terdapat jurang besar antara jumlah pendapatan yang diperolehi dengan jumlah yang dikehendaki. Terdapat beberapa sebab yang mengujudkan keadaan sedemikian rupa, terutamanya kedudukan dan perubahan harga getah dan keadaan sekitar.

Kedudukan dan perubahan harga getah (sumber kewangan mereka) boleh mempengaruhi jangkaan dan pencapaian pendapatan mereka. Berpandukan kepada graf di muka surat 24, didapati harga getah melambung naik diakhir tahun 1973 dan awal 1974 iaitu kira-kira 70sen sekati. Keadaan ini menyebabkan pendapatan mereka bertambah dan jangkaan juga turut naik. Tetapi buat masa-masa berikutnya iaitu penghujung tahun 1974 dan 1975 sehingga kajian ini dijalankan didapati harga getah kian merosot sehingga

antara 40sen dan 50sen sekati. Ini menyebabkan pendapatan mereka turut jatuh dan berkurangan tetapi jangkaan mereka tidak segera merosot malah masih berada saperti masa sebelumnya. Keadaan ini menyebabkan wujudnya perbezaan yang besar antara jangkaan dengan pendapatan sebenar yang diperolehi.

Jurang perbezaan antara jangkaan dengan pencapaian sebenar mereka menjadi besar juga kerana mereka seringkali malah saban hari tersedah dengan berita-berita pembangunan dan kemajuan negara melalui mass-media seperti surat kabar dan radio. Mass-media sering melapurkan berbagai kegiatan telah dijalankan oleh kerajaan untuk meninggikan ekonomi dan pendapatan kaum petani. Ini menyebabkan mereka (responden) menaruh harapan yang tinggi yang mana mereka juga pastinya akan mendapat faedah dari rancangan pembangunan kerajaan itu. Keadaan ini menyebabkan mereka membuat jangkaan yang tinggi terhadap pencapaian pendapatan. Tetapi dalam realitinya pendapatan mereka tidak bertambah, tetap saperti biasa kerana tidak ada sebarang projek kerajaan yang telah dijalankan di-kawasan ini yang betul-betul dapat meninggikan pendapatan dan taraf hidup mereka.

Satu perkara lagi yang menyebabkan jangkaan atau pendapatan yang diingini itu tinggi ialah kerana mereka cuba membandingkan keadaan kehidupan mereka dengan kehidupan orang-orang lain yang berpendapatan tinggi saperti tuan-tuan tanah, ahli-ahli perniagaan terutamanya taukeh-taukeh balak yang ada dalam kawasan ini. Golongan ini menjadi sebagai reference group yang mana keadaan kehidupan mereka menjadi impian para responden dan juga golongan lain yang berpendapatan kecil. Keinginan ini di tunjukkan dengan membuat jangkaan yang tinggi terhadap pendapatan.

Dalam bidang pencapaian pelajaran anak-anak nampaknya darjah RD yang dialami tidaklah tinggi, mean rationya cuma 0.39. Ini menunjukkan ramai responden berjaya dalam mencapai apa yang dijangkakan, perbezaan antara jangkaan dengan pencapaian tidaklah tinggi. Keadaan ini wujud sebenarnya kerana terdapatnya kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang untuk menjayakan pencapaian pelajaran anak-anak. Misalnya terdapat kemudahan persekolahan samada di peringkat rendah ataupun menengah dikawasan ini yang telah disediakan oleh kerajaan. Kemudahan-kemudahan lain juga telah diberikan oleh kerajaan seperti bantuan-bantuan yang berupa kewangan (biasiswa) dan juga buku-buku teks. Bantuan-bantuan yang diberikan ini dapat meringankan beban yang dipikul oleh ibu bapa terutamanya dalam perbelanjaan sekolah anak-anak. Dengan ini menyebabkan ibu bapa sanggup menyekolahkan anak-anak tanggungan mereka keperingkat yang diingini. Oleh itu tidaklah menjadi masalah besar untuk memberikan pelajaran kepada anak-anak.

Dalam usaha-usaha untuk menceburkan diri ~~ke~~ dalam arena politik, terdapat perbezaan darjah kekeciwaan diantara peringkat tempatan dengan peringkat nasional dengan berpandukan mean rationya. Di mana mean ratio bagi penglibatan dalam politik tempatan ialah 0.63 dan bagi peringkat nasional ialah 0.31. Ini menunjukkan ramai di kalangan responden membuat jangkaan yang lebih tinggi dari pencapaian di peringkat tempatan manaka di peringkat nasional jangkaannya tidak begitu tinggi. Kewujudan keadaan ini sebenarnya ada perkaitannya dengan nilai-nilai peribadi (personal values) responden itu sendiri, seperti taraf pelajaran dan kedudukan ekonomi yang rendah. Keadaan ini sebenarnya tidak menggalakkan ataupun membenarkan mereka turut terlibat dalam aktiviti politik nasional begit. Juga keadaan ini tidak menggalakkan mereka membuat jangkaan penglibatai

yang tinggi. Mereka sememangnya sudah menyedari bahawa untuk turut terlibat dalam aktiviti politik nasional itu mereka pastinya akan bersaingan dengan mereka yang mempunyai kedudukan yang lebih kukuh samad dari segi ekonomi ataupun pencapaian pelajaran. Oleh itu golongan yang berkeupayaan ini senang sahaja untuk mengalahkan mereka dan atas alasan ini mereka(responden) tidak membuat jangkaan penglibatan yang tinggi.

Sebaliknya di peringkat tempatan mereka tidak mempunyaissaingan sehebat yang dihadapi di peringkat nasional. Semua mereka, anggota komuniti mempunyai nilai-nilai peribadi yang lebih kurang sama sahaja. Dengan ini menyebabkan mereka berani membuat jangkaan yang agak lebih tinggi untuk turut terlibat dalam kegiatan politik tempatan ini. Walau pun begitu mereka tidak dapat mencapai segala yang dijangkakan kerana peluang-peluang pencapaiannya terhad, badan yang menguruskan hal-ehwal kampung adalah dilantik oleh ketua kampung sendiri. Ini lah menyebabkan wujudnya perbezaan yang nyata antara jangkaan untuk turut terlibat dengan keupayaan penglibatan sebenarnya.

Darjah kekeciwaan yang dialami oleh responden juga dapat dinilai dengan membandingkan kedudukan dan perubahan value position responden dengan value position negara yang telah diberikan oleh responden sendiri. Perbandingan kedudukan dan perubahan value position bagi keda-dua ini, personal dan negara dilihat dalam tiga jarak masa iaitu sekarang, 5 tahun dahulu dan 5 tahun hadapan.

Dalam menentukan perbezaan kedudukan personal dengan kedudukan negara bagi jarak masa tersebut dapat dilihat pada mean kedudukannya. Bagi jangkamasa 5 tahun dahulu mean kedudukan negara ialah di tangga 4.1 dan mean kedudukan personal ialah di tangga 2.2. Keadaan sekarang


bagi negara ialah di tangga 5.9 dan mean kedudukan personal di tangga 2.8. Dalam jangkaan di masa 5 tahun akan datang mean kedudukan negara ialah pada tangga 7.5 dan mean bagi kedudukan negara ialah tangga 3.2. Jadi perbezaan kedudukan negara dan personal bagi 5 tahun dahulu ialah 1.9; sekarang 3.1 dan bagi 5 tahun hadapan ialah 4.3. Pada keselua

Pada keseluruhannya kedudukan negara dalam tempuh masa tersebut adalah lebih tinggi dari kedudukan personal responden. Dari jarak masa tersebut nampaknya kedudukan negara semakin bertambah tinggi dari masa kesemasa, jurang perbezaannya semakin meluas. Kadar perkembangan negara tidak selari dengan perkembangan kedudukan personal mereka. Ini boleh menimbulkan kekeciwaan di kalangan responden kerana perkembangan dan pertambahan kemajuan negara tidak begitu memberi faedah kepada mereka. Penjelasan lanjut mengenai kedudukan negara dan personal ini dapat dilihat pada jadual 4:22 dan untuk mendapat gambaran yang lebih nyata perbezaan kedudukan negara dan personal bagi masa-masa tersebut dapat dilihat pada geraf di muka surat 101.

JADUAL 4:22

PERBEZAAN MEAN KEDUDUKAN ANTARA NEGARA DENGAN PERSONAL  
BAGI MASA 5 TAHUN DAHULU, SEKARANG DAN 5 TAHUN HADAPAN

	Mean Kedudukan		
	5 Tahun Dahulu	Sekarang	5 Tahun Hadapan
Negara	4.1	5.9	7.5
Personal	2.2	2.8	3.2
Perbezaan	1.9	3.1	4.3



GERAF 2 : MEAN KEDUDUKAN NEGARA DAN PERSONAL  
BAGI MASA 5 TAHUN DAHULU, SEKARANG  
DAN 5 TAHUN HADAPAN

Untuk melihat perubahan yang berlaku kepada negara dan personal serta melihat perbezaan perubahannya dapat ditinjau pada mean perubahan antara keduanya. Kalau dilihat pada mean perubahan didapati perubahan yang berlaku keatas negara adalah lebih dinamik daripada perubahan yang berlaku keatas kedudukan individu responden. Kadar perubahan antara keduanya adalah tidak seimbang, keadaan negara dari masa ke semasa bertambah maju dan kian baik sedangkan keadaan personal responden tidak begitu berubah sangat malah ada yang bersifat statik. Ini dapat dilihat pada jadual 4:23 di bawah.

JADUAL 4:23

MEAN PERUBAHAN KEDUDUKAN BAGI NEGARA DAN PERSONAL

Jarak	Mean Perubahan	
	Negara	Personal
5 tahun dahulu hingga sekarang	1.85	0.63
Sekarang hingga 5 tahun hadapan	1.37	0.43
5 tahun dahulu hingga 5 tahun hadapan	3.15	1.05

Daripada jadual di atas, mean perubahan negara dari 5 tahun dahulu ialah 1.85 manakala bagi personal hanya 0.63 sahaja. Mean perubahan bagi jangkaan 5 tahun hadapan dengan keadaan sekarang bagi negara ialah 1.37 dan bagi personal hanya 0.43 dan mean perubahan negara dari 5 tahun dahulu sehingga 5 tahun akan datang ialah 3.15 dan bagi personal pula hanya 1.05. Semua perubahan yang berlaku samada pada negara ataupun personal adalah perubahan ke arah kemajuan iaitu semakin meningkat bukan nya merosot. Dengan melihat kepada mean perubahan ini ternyata bahawa keadaan negara lebih baik daripada apa yang berlaku keatas diri responden.

Perubahan yang tidak seimbang begini bolah menimbulkan perasaan tidak puashati dan kekeciwaan dikalangan responden. Walaupun begitu darjah kekeciwaan ataupun RD yang dialami berdasarkan kepada kedudukan negara yang dibandingkan dengan kedudukan personal responden ini tidaklah begitu tinggi kerana kadar perbezaan perubahannya tidaklah begitu besar sangat.

#### 4.5 Beberapa Aspek Umum Menentukan RD Responden

Dalam menjalankan kajian responden juga telah dikemukakan dengan beberapa persoalan yang umum bertujuan untuk menilai sikap dan pandangan responden terhadap sesuatu perkara atau keadaan. Daripada jawaban serta pandangan yang diberikan itu dapatlah menjelaskan sikap dan pendirian mereka mengenai sesuatu yang dipersoalkan, misalnya samada mereka suka, setuju, tidak berpuashati dan lain-lain. Diantara persoalan yang telah dikemukakan bagi menilai sikap dan pandangan responden ialah seperti yang tercatit dalam jadual 4:24.

Apabila responden dikemukakan dengan soalan 'adakah mereka akan mengalami kesukaran untuk meninggikan taraf hidup mereka jika orang-orang Melayu yang kaya menjadi semakin kaya', didapati 97.5% responden mangakui kenyataan ini dengan jawaban 'ya' dan cuma 2.5% atau seorang sahaja responden yang memberi jawaban 'tidak'. Ini bermazna ramai dikalangan responden tidak menyukai orang kaya menjadi bertambah kaya walaupun mereka itu terdiri dari orang Melayu. Golongan ini menganggap orang-orang Melayu yang kaya ini merampas peluang-peluang pencapaian mereka sekiranya mereka ini berusaha menambahkan kekayaan mereka. Malah ada pula responden yang menganggap golongan Melayu yang kaya ini menggunakan

JADUAL 4:24

PERSOALAN-PERSOALAN YANG DIKEMUKAN BAGI MENENTUKAN  
SIKAP DAN PANDANGAN RESPONDEN

Persoalan Yang Dikemukakan	Jawaban			
	Ya Bil.	%	Tidak Bil.	%
Adakah anda akan mengalami kesukaran untuk meninggikan taraf hidup anda jika orang-orang Melayu yang kaya menjadi semakin kaya	39	97.5	1	2.5
Adakah anda akan mengalami kesukaran untuk meninggikan taraf hidup anda jika orang-orang bukan Melayu yang kaya menjadi semakin kaya	40	100	-	-
Adakah anda gembira mendapat tahu 30% ekonomi negara ini dikhaskan kepada bumiputera	29	72.5	11	27.5
Adakah anda berpuashati jika sebahagian kecil sahaja orang Melayu mewah menikmati faedah ini (30% ekonomi negara) sedangkan segolongan besar miskin	-	-	40	100

sepenuhnya peluang yang ada, membolot kekayaan tanpa memikirkan orang-orang miskin yang hidup dalam keadaan serba kesusahan.

Begitu juga keadaannya jika orang-orang bukan Melayu yang kaya itu menjadi semakin kaya adalah dianggap sukar bagi mereka untuk meninggikan taraf hidup masing-masing. Mereka menganggap orang-orang kaya merampas peluang-peluang dan hak-hak mereka untuk menambahkan kekayaan, ini sebenarnya merupakan zero-sum attitude dimana sekiranya orang kaya

berusaha menambahkan kekayaannya maka simiskin akan tetap hidup dalam kemiskinan kerana peluang untuk menambahkan kekayaan dibolot oleh golongan kaya yang mempunyai keupayaan.

Sebaliknya apabila ditanya 'adakah mereka berasa gembira mendapat tahu yang 30% daripada ekonomi negara diperuntukkan kepada Bumiputera', terdapat kira-kira 72.5% responden memberi jawaban 'ya' dan 27.5% lagi memberi jawaban 'tidak'. Golongan yang berasa tidak gembira ini memberi alasan bahawa peruntukan itu hanya akan dinikmati dan menguntungkan golongan Bumiputera yang sememangnya sudah kaya sahaja sedangkan kaum Bumiputera yang miskin seperti mereka tidak berkeupayaan untuk menyertai rancangan itu. Mereka tidak mempunyai lebih pendapatan untuk menyertai atau merebut peluang yang disediakan itu. Malah golongan responden yang menyetujui rancangan ini pun berharap agar kerajaan berhati-hati dalam melaksanakan peruntukan itu supaya ianya tidak dinikmati oleh golongan Bumiputera tertentu sahaja. Dimana 100% responden merasa tidak puashati dan keciwa jika sekiranya sebahagian kecil Bumiputera yang kaya sahaja menikmati faedah peruntukan itu. Apa yang mereka mahu ialah biarlah peluang-peluang penyertaan bagi memenuhi peruntukan itu tersibar kepada Bumiputera seluruhnya secara adil.

Seterusnya responden ditanya pada pendapat mereka siapa atau kumpulan manakah yang berpendapatan serta mendapat keuntungan paling besar sejak 5 tahun dahulu di Malaysia ini. Sejumlah 82.5% responden berpendapat golongan pemilik kilang dan ahli-ahli perniaganlah yang mendapat keuntungan dan berpendapatan paling besar di Malaysia ini. Manakala 17.5% responden lagi memilih golongan professional dan pegawai-pegawai kerajaan sebagai golongan yang berkeuntungan besar. Jadi mereka

inilah dianggap oleh responden sebagai orang-orang yang berpendapatan paling tinggi sekali dikalangan penduduk Malaysia sekarang.

JADUAL 4:25

GOLONGAN YANG BERPENDAPATAN PALING TINGGI

SEKALI DARI KACAMATA RESPONDEN

Golongan Yang Dipilih	Bil.	%
Pemilik kilang & ahli perniagan	33	82.5
Ahli professional & pegawai k'jaan	7	17.5
Jumlah	40	100

Golongan-golongan ini dianggap paling kaya dan berpendapatan paling tinggi. Dalam jangkaan mereka, terdapat kira-kira 15% responden menganggarkan kumpulan ini berpendapatan \$5000 atau kurang sebulan, 40% responden yakin mereka ini berpendapatan antara \$5001 hingga \$10000 sebulan. Manakala sejumlah 32.5% responden menjangkakan pendapatan mereka antara \$10001 sehingga \$15000 sebulan dan 2.5% responden lagi menganggarkan pendapatan golongan ini tidak kurang dari \$15000 sehingga \$20000 sebulan. Sebaliknya terdapat kira-kira 10% responden tidak dapat menganggarkan jumlah pendapatan golongan yang dipilih. Walaupun begitu yang nyatanya golongan inilah yang berpendapatan paling besar sekali. Anggaran pendapatan golongan yang dipilih oleh responden ini dapat dilihat dalam jadual 4:26.

Berbagai pendapat dan pandangan telah diberikan oleh responden berkait dengan tingginya jumlah pendapatan yang diperolehi oleh golongan mereka pilih itu. Antaranya seorang responden atau 2.5% berpendapatan

JADUAL 4:26

ANGGARAN PENDAPATAN GOLONGAN YANG DIPILIH

Anggaran Pendapatan	Bil.	%
Kurang dari \$5000	6	15.0
\$5001 hingga \$10000	16	40.0
\$10001 hingga \$15000	13	32.5
\$15001 hingga \$20000	1	2.5
Tidak tahu	4	10.0
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

secara positif dengan anggapan bahawa golongan ini patut mendapat keuntungan yang begitu besar kerana mereka berkemampuan, mempunyai modal dan berani membuat pelaburan. Oleh itu keuntungan atau perolehan pendapatan yang besar harus diterima oleh golongan ini sebagai pulangan kepada jumlah pelaburan yang besar tadi.

Namunpun begitu sejumlah besar responden lain memberikan pendapat yang berbentuk nagatif dimana mereka agak kurang senang dan tidak berpuas hati dengan keadaan ini. Iaitu kira-kira 27.5% mengatakan tidak adil golongan ini memperolehi keuntungan begitu banyak sekali; 12% responden berpendapat golongan ini tidak bekerja kuat tetapi mendapat keuntungan yang besar; 7.5% responden tidak berpuashati kerana kumpulan ini adalah kebanyakannya orang-orang asing yang mengangkut keluar kekayaan negara ini. Dan sejumlah 50% responden lagi mengatakan golongan terlalu sangat mementingkan keuntungan dalam kegiatan ekonomi mereka tanpa mengira atau mengambil berat tentang kebijakan orang-orang bawahan, terutamanya mereka yang bekerja di bawah kuasa mereka.

JADUAL 4:27

PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP GOLONGAN  
YANG BERPENDAPATAN TINGGI

Pandangan Responden	Bil.	%
Bermodal besar	1	2.5
Tak adil dapat untung besar	11	27.5
Kerja sikit tapi untung besar	5	12.5
Orang asing / luar	3	7.5
Semata-mata mencipta keuntungan	20	50.5
 Jumlah	40	100

Secara keseluruhannya apabila dibandingkan antara anggaran pendapatan yang diperolehi oleh golongan yang telah dipilih dengan pendapatan yang dicapai oleh mereka sendiri, kira-kira 92.5% responden berpendapat jumlah pendapatan golongan itu terlalu tinggi; 5% responden menganggap pendapatan yang dicapai oleh kumpulan itu sederhana tinggi dan cuma 2.5% ataupun seorang responden berpendapat jumlah pendapatan yang diperolehi mereka adalah secukup, berpadanan dan bersesuaian dengan usaha-usaha mereka. Ternyata disini bahawa ramai responden merasakan pendapatan mereka sendiri terlalu kecil kalau dibandingkan dengan pendapatan golongan yang telah dipilih.

JADUAL 4:28

PENDAPAT RESPONDEN TERHADAP PENDAPATAN GOLONGAN YANG  
DIPILIH JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PENDAPATAN MEREKA.

Pendapat Responden	Bil.	%
Pendapatan mereka terlalu tinggi	37	92,5
Pendapatan mereka sederhana tinggi	2	5,0
Pendapatan mereka cukup/berpadanan	1	2,5
 Jumlah	40	100

Dari sini dapat disimpulkan bahawa majoriti responden berasa kurang senang dan tidak berpuashati terhadap perbezaan pendapatan mereka dengan pendapatan yang dicapai oleh golongan yang dipilih sebagai kumpulan yang berpendapatan paling tinggi di Malaysia ini. Jurang perbezaan pendapatan yang diperolehi oleh golongan ini dengan pendapatan mereka amat besar sekali. Dalam persoalan ini didapati kira-kira 82.5% dari responden merasakan perbezaan pendapatan ini terlalu tidak adil dan 17.5% lagi merasakan keadaan yang wujud ini sebagai tidak adil. Sebaliknya tidak ada seorang pun dari responden yang mengakui keadaan perbezaan ini sebagai satu keadaan yang patut atau adil.

JADUAL 4:29

PENDAPAT RESPONDEN TERHADAP PERBEZAAN PENDAPATAN  
MEREKA DENGAN PENDAPATAN GOLONGAN YANG DIPILIH.

Pendapat responden	Bil.	%
Terlalu tidak adil	33	82.5
Tidak adil	7	17.5
Jumlah	40	100

Rata-rata responden merasa keciwa dan tidak begitu senang dengan kewujudan perbezaan pendapatan yang besar ini. Mereka berpendapat keadaan ini menunjukkan kekayaan negara ini tidak tersebar secara adil atau sama rata, terdapat setengah-setengah golongan yang berpendapatan terlalu lumayan sedangkan golongan lain hidup dalam kemiskinan. Apa yang lebih memburukan keadaan ialah golongan yang kaya itu adalah merupakan golongan minoriti, bilangan mereka terlalu kecil kalau dibandingkan dengan golongan miskin yang merupakan golongan majoriti dinegara ini.

#### 4.6 Kemungkinan-Kemungkinan Berlakunya Keganasan Politik

Bagi menentukan kemungkinan berlakunya keganasan politik perlu dilihat darjah ketidak puasan dalam hal-hal yang berkait dengan politik. Iaitu melihat setakat mana kumpulan atau komuniti ini menganggap kerajaan atau regim politik yang bertanggung jawab melahirkan ketidak puasan yang dialami oleh mereka itu. Sekiranya kerajaan dianggap gagal menghapuskan atau mengurangkan RD yang dialami, maka potensi untuk melakukan keganasan politik adalah tinggi. Ini adalah kerana mereka berasa tidak puashati dan memarahi kerajaan kerana ianya dianggap sebagai gagal mengujudkan kesempurnaan dalam kehidupan mereka.

Sungguhpun begitu terdapat angkubah-angkubah sosial yang lain yang memungkinkan berlakunya keganasan politik itu. Angkubah-angkubah ini sebenarnya merupakan unsor-unsor normative dan utilitarian justifications di kalangan komuniti ini. Sekiranya terdapat unsor-unsor yang membenarkan anggota komuniti ini melakukan tindakan keganasan, maka potensi untuk melakukan keganasan politik itu lebih tinggi di kalangan komuniti ini.

Oleh itu disini cuba ditinjau setakat manakah level of politicized discontent yang dialami oleh komuniti ini dan unsor-unsor normative dan utilitarian justifications yang dianuti berdasarkan kepada penerangan responden.

##### 4.6.1 Ketidak-puasan Politik

Bagi menentukan ketidak-puasan politik ini ditinjau pendapat dan penilaian responden terhadap projek-projek kerajaan yang telah dijalankan khas bertujuan untuk meninggikan taraf hidup komuniti ini.

Apa yang pentingnya disini ialah melihat setakat manakah kejayaan projek-projek pembangunan itu memberi faedah kepada mereka.

Dalam menjangkakan kejayaan projek-projek itu terdapat 52.5% responden menaruh harapan yang projek itu pastinya mencapai kejayaan yang besar; 35% responden menjangkakan kejayaan yang sederhana sahaja dan 12.5% lagi tidak dapat menentukan kejayaan projek itu dalam usaha-usaha mencapai matlamatnya. Daripada keputusan jangkaan ini didapati ramai responden menaruh penuh harapan dan meyakini projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan itu akan berjaya mencapai matlamat untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

JADUAL 4:30

JANGKAAN KEJAYAAN PROJEK-PROJEK YANG DIJALANKAN

Jangkaan Kejayaannya	Bil.	%
Kejayaannya sangat besar	21	52.5
Sederhana sahaja	14	35.0
Tidak tahu	5	12.5
Jumlah	40	100

Sebaliknya dalam menentukan kejayaan yang telah dicapai sejak perlaksanaan projek itu sehingga kini (semasa kajian dijalankan) kira-kira 52.5% responden menganggap projek itu telah berjaya; 40% tidak dapat menentukan samada ianya sudah berjaya atau tidak dan 7.5% lagi responden berpendapat projek itu tidak begitu berjaya dalam mencapai matlamat untuk meninggikan taraf hidup mereka. Ternyata disini ramai responden mengakui setakat ini projek itu telah berjaya dalam mencapai matlamatnya, tidak ada responden yang menganggap projek itu gagal.

JADUAL 4:31

PENENTUAN KEJAYAAN PROJEK DALAM MENCAPAI MATLAMATNYA

Penentuan Kejayaan	Bil.	%
Telah berjaya	21	52.5
Tidak tentu	16	40.0
Tidak begitu berjaya	3	7.5
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

Dalam menentukan siapa yang harus dipersalahkan sekiranya projek itu gagal atau tidak berapa berjaya mencapai matlamatnya, cuma 12.5% responden yang menganggap kerajaanlah yang bertanggung jawab atas kegagalan projek itu. Manakala seorang atau 2.5% responden tidak menyalahkan mana-mana pihak pun; 35% responden tidak tahu kepada siapa yang harus dipersalahkan dan sejumlah 50% responden lagi tidak memberi sebarang pendapat langsung.

JADUAL 4:32

PIHAK YANG DIPERTANGGUNG JAWABKAN

DIATAS KEGAGALAN PROJEK

Pihak Yang Bertanggung Jawab	Bil.	%
Kerajaan	5	12.5
Tiada siapa pun yg. disalahkan	1	2.5
Tidak tentu	14	35.0
Tidak memberi jawaban	20	50.0
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

Daripada jawaban dan pendapat yang telah diberikan oleh responden ini, didapati sebilangan besar dari mereka tidak menyalahkan pihak

kerajaan sekiranya projek itu mengalami kegagalan dalam mencapai matlamat yang dicita-citakan, meninggikan taraf hidup mereka. Ini sebenarnya adalah kerana ramai dikalangan responden menganggap projek itu setakat ini telah berjaya. Oleh itu dalam persoalan ini mereka tidak begitu marah terhadap kerajaan.

#### 4.6.2 Pengesahan Terhadap Kerajaan

Pengesahan (legitimacy) terhadap kerajaan atau pemerintah adalah penting untuk melihat kemungkinan berlakunya keganasan politik. Iaitu sikap mereka terhadap pemerintah dan institusi politik yang wujud, samada mereka menyokong atau tidak. Sekiranya ramai diantara mereka menganggap kerajaan atau pemerintah itu tidak sah wujudnya maka potensi untuk melakukan keganasan politik adalah tinggi. Dalam kajian ini terdapat beberapa kaedah untuk menentukan pengesahan komuniti ini terhadap kewujudan kerajaan sekarang.

Satu daripadanya ialah meninjau pendapat responden samada kerajaan yang wujud dan memerintah sekarang ini mendapat sokongan majoriti dari rakyat atau tidak. Didapati kira-kira 85% responden menganggap kerajaan yang memerintah sekarang tidak mendapat sokongan majoriti rakyat dan sebaliknya sejumlah 15% responden lagi berpendapat kerajaan sekarang ini sememangnya mendapat mandat dari rakyat ramai untuk memerintah.

JADUAL 4:33

#### PENDAPAT RESPONDEN TERHADAP KEWUJUDAN KERAJAAN

Pendapat Responden	Bil.	%
Tidak mendapat sokongan rakyat	34	85.0
Mendapat sokongan rakyat	6	15.0
Jumlah	40	100

Oleh yang demikian ternyata bahawa sejumlah besar responden menganggap kerajaan yang memerintah sekarang ini tidak mendapat sokongan dari rakyat ramai walaupun kerajaan mendapat undi majoriti dan memenangi Pilihanraya Umum 1974. Ini adalah kerana pada pendapat responden, kemenangan dan kejayaan parti pemerintah dalam pilihanraya itu diperolehi secara tidak adil kerana terdapat beberapa penyelewengan telah dilakukan oleh parti pemerintah. Penyelewangan-penzelewangan yang dimaksudkan itu ialah seperti pembelian undi, ugutan-ugutan tertentu dan lain-lain bentuk penipuan. Jumlah responden yang berpendapat begini dapat dilihat pada jadual 4:34 di bawah.

JADUAL 4:34

PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP PERKARA-  
PERKARA YANG BERLAKU DALAM PILIHANRAYA

Perkara-Perkara Yang Berlaku	Ya		Tidak	
	Bil.	%	Bil.	%
Pembelian undi	26	65.0	14	35.0
Ugutan tertentu	31	77.5	9	22.5
Janji palsu	39	97.5	1	2.5
Penipuan	22	55.0	18	45.0

Dalam pilihanraya yang lalu (1974) terdapat kira-kira 65% menganggap pihak kerajaan telah melakukan pembelian undi dan yang bakinya 35% responden lagi tidak mengakui yang perkara seperti ini terjadi. Ugutan-ugutan tertentu juga dipercayai telah dilakukan oleh parti pemerintah dimana 77.5% mengakuinya dan cuma 22.5% responden yang menyangkalnya. Pihak kerajaan juga dikatakan telah membuat janji-janji palsu dalam kempen pilihanraya. Sejumlah besar responden iaitu 97.5% menjelaskan perkara ini dilakukan oleh kerajaan manakala seorang atau 2.5% responden

lagi tidak mengakuinya. Selain daripada itu kira-kira 55% responden mempercayai pihak kerajaan juga telah melakukan berbagai bentuk penipuan untuk memenangi pilihanraya lalu, sebaliknya 45% responden menyakini perkara-perkara penipuan tidak dilakukan malah pihak kerajaan dianggap telah mengikut peraturan pilihanraya sepenuhnya.

Atas alasan-alasan inilah, beberapa penyelewengan telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam pilihanraya dahulu maka ramai responden telah menganggap kewujudan kerajaan sekarang adalah tidak sepenuhnya sah dan mendapat sokongan rakyat seluruhnya walaupun parti pemerintah mendapat undi majoriti dalam pilihanraya.

Pengesahan atau sokongan komuniti ini terhadap kerajaan juga dapat dinilai dari segi jumlah undi yang didapati oleh parti kerajaan dalam pilihanraya. Oleh itu disini cuba dilihat perbezaan jumlah undi yang diperolehi oleh parti kerajaan bagi pilihanraya tahun 1969 dan 1974 bagi kawasan yang dikaji. Keputusan pengundian bagi tahun-tahun tersebut dapat dilihat pada jadual 4:35 di bawah.

JADUAL 4:35

KEPUTUSAN PILIHANRAYA BAGI TAHUN 1969 DAN 1974

Tahun	Parlimen		Dewan Undangan Negeri	
	K'jaan	P'kang	K'jaan	P'kang
1969	57.2%	38.5%	60.7%	25.1%
1974	100%	-	41.8%	56.9%

sumber: Suruhanjaya Pilihanraya

Dalam Pilihanraya Umum tahun 1969 kedua-dua kerusi dipertandingkan, bagi kerusi Parlimen yang melibatkan kawasan yang dikaji ialah Kawasan

Baling dan bagi Dewan Undangan Negeri ialah Kawasan Baling Timur. Dalam pilihanraya ini kedua-dua kerusi telah dimenangi oleh calun parti kerajaan iaitu PERIKATAN atau lebih khususnya UMNO. Calun Parlimen kerajaan dari parti UMNO mendapat 57.2% undi manakala calun pembangkang dari parti PAS mendapat 38.5% undi dan kira-kira 14.3% undi rosak. Dalam merebut kerusi Dewan Undangan Negeri pula calun kerajaan, parti UMNO memparolehi 60.7% undi dan calun PAS sebagai pembangkang mendapat 25.1% undi sahaja dan 14.2% undi lagi rosak.

Dalam Pilihanraya Umum 1974 hanya kerusi Dewan Undangan Negeri sahaja dipertandingkan, iaitu kawasan Bayu (Baling Timur dahulunya). Kerusi Parlimen tidak dipertandingkan kerana tidak ada calun untuk bertanding dengan calun kerajaan, calun BARISAN NASIONAL (UMNO) menang tanpa bertanding. Dalam merebut kerusi Dewan Undangan Negeri Bayu calun dari parti kerajaan (UMNO) mendapat 41.8% undi dan calun lawan dari parti BEBAS memperolehi undi sebanyak 56.9% dan sejumlah 1.3% undi rosak. Ini bermaana calun BEBAS telah berjaya menduduki kerusi itu.

Kalau dibandingkan pencapaian undi bagi kedua-dua pilihanraya ini, diperingkat Parlimen kedudukan parti kerajaan tidak terjejas malah semakin kuat, tahun 1974 menang tanpa bertanding. Sebaliknya diperingkat Dewan Undangan Negeri didapati undi yang diperolehi oleh calun kerajaan merosot sebanyak 18.9% manakala undi yang dicapai oleh parti pembangkang bertambah sebanyak 41.9% dan memenangi pilihanraya itu. Kalau dipandang dari sudut ini dapatlah dikatakan bahawa sokongan terhadap kerajaan oleh penduduk kawasan ini telah merosot. Walaupun begitu kalau ditinjau pada peringkat parlimen tidak wujud pembangkangan atau penentangan terhadap calun dari parti kerajaan. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa kemenangan

calun BEBAS dalam Pilihanraya Umum 1974 itu lebih merupakan penentangan peribadi calun BARISAN NASIONAL dan bukannya penentangan atau protes rakyat dari kawasan ini terhadap kerajaan seluruhnya.

Pengesahan dan penyokongan terhadap pemerintah juga bergantung kepada kejayaan dan keupayaan kerajaan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Sekiranya kerajaan dianggap berjaya dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat maka pengesahan dan penyokongan yang diberi kepada kerajaan juga kuat. Sebaliknya kalau kerajaan gagal atau dianggap gagal dalam usaha-usaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi maka sokongan terhadap kerajaan juga turut lemah. Oleh itu disini akan ditinjau sikap responden terhadap langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah negara semasa.

Dalam menentukan masalah semasa yang dihadapi oleh negara terdapat 37.5% responden menganggap inflasi sebagai masalah utama; 5% responden memilih masalah hubungan perkauman; kira-kira 15% mengatakan keadaan keselamatan dalam negeri sebagai masalah besar negara dan 42.5% lagi menganggap masalah ketidak-samaan antara miskin dan kaya yang menjadi masalah utama negara sekarang.

JADUAL 4:36

MASALAH UTAMA NEGARA MENGIKUT PANDANGAN RESPONDEN

Masalah yang dipilih	Bil.	%
Inflasi	15	37.5
Hubungan perkauman	2	5.0
Keselamatan dalam negeri	6	15.0
Ketidak-samaan	17	42.5
Jumlah	40	100

Dalam menghadapi masalah-masalah negara ini kerajaan juga dianggap telah berusaha untuk mengatasinya. Diantara langkah-langkah yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah yang difikirkan oleh 15% responden ialah memperbesarkan angkatan tentera dan melengkapinya dengan peralatan senjata moden. Usaha-usaha ini adalah untuk membentera masalah dalam negeri. Manakala 5% responden mengatakan kerajaan telah mengadakan pertubuhan RELA dan Sekim Rukun Tetangga sebagai langkah untuk mengatasi masalah keselamatan dalam negeri dan juga mengujudkan perpaduan kaum dinegara ini. Kira-kira 20% responden berpendapat usaha kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi dengan mengadakan kawalan keatas harga barang-barang keperluan. Bagi mengatasi masalah ketidak-samaan 35% responden menganggak kerajaan telah mengadakan rancangan-rancangan berbentuk bantuan khas kepada Bumiputera seperti bantuan kewangan untuk menjalankan perniagaan. Dan 25% responden lagi mengatakan kerajaan telah mengadakan projek-projek pembukaan tanah baru untuk dibahagi-bahagikan kepada golongan petani yang tidak mempunyai tanah.

JADUAL 4:37

CARA-CARA YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KERAJAAN  
UNTUK MENGATASI MASALAH UTAMA NEGARA

Cara-cara Yang Dijalankan	Bil.	%
Perbesarkan angkatan tentera	6	15.0
Mengadakan RELA/Rukun Tetangga	2	5.0
Kawalan harga barang	8	20.0
Bantuan Khas kepada Bumiputera	14	35.0
Membuka tanah baru	10	25.0
Jumlah	40	100

Segala usaha dan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah negara ini disokong penuh oleh responden. Dimana kesemua responden (100%) menyetujui usaha-usaha dan cara-cara yang telah dijalankan itu. Jadi kesemua cara-cara dan usaha kerajaan itu telah diterima oleh responden dan mereka telah berpuashati dengan tindakan-tindakan itu. Walaupun begitu mereka agak kurang senang dan tidak begitu berpuashati dengan tindakan kerajaan dalam masa-masa sepuluh tahun lepas dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara. Ini jelas kerana kira-kira 97.5% daripada responden menganggap kerajaan tidak begitu berjaya untuk mengatasi dan membentras masalah yang dihadapi oleh negara dalam masa-masa sepuluh tahun kebelakangan ini. dan cuma seorang atau 2.5% responden sahaja yang menganggap kerajaan telah berjaya.

JADUAL 4:38

PENILAIAN RESPONDEN ATAS KEJAYAAN KERAJAAN  
MENGATASI MASALAH DALAM MASA 10 TAHUN LALU

Peringkat Kejayaan	Bil.	%
Telah berjaya	1	2.5
Tidak begitu berjaya	39	97.5
Jumlah	40	100

Sungguhpun sebilangan besar responden menganggap kerajaan kurang berjaya dalam mengatasi masalah bagi masa-masa sepuluh tahun lepas tetapi ramai pula dikalangan responden yang berkepercayaan kerajaan berupaya dan dapat mengatasi masalah-masalah itu buat masa-masa akan datang. Mereka yang menaruh kepercayaan kepada kebolehan kerajaan ini berjumlah kira-kira 95%, sebaliknya cuma 5% sahaja responden yang

tidak begitu percaya terhadap kebolehan kerajaan untuk mengatasi masalah yang berbangkit dimasa hadapan. Ini menunjukkan bahawa ramai responden menaruh kepercayaan dan menyokong kuat kerajaan sekarang. Mereka bersetuju dan menaruh harapan akan kejayaan dan langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan oleh pihak kerajaan.

JADUAL 4:39

HARAPAN RESPONDEN TERHADAP KEUPAYAAN KERAJAAN  
UNTUK MENGATASI MASALAH DIMASA HADAPAN

Harapan Responden	Bil.	%
Menaruh harapan penuh	38	95.0
Tidak menaruh harapan	2	5.0
Jumlah	40	100

4.6.3 Unsoor-Unsoor Normative Dan Utilitarian Justifications

Dalam soal ini ditinjau pendapat dan sikap responden mengenai tindakan-tindakan keganasan. Iaitu samada mereka suka menggunakan kekerasan ataupun mengancam untuk menggunakannya bagi mencapai matlamat tertentu. Ini termasuklah kepercayaan mereka terhadap penggunaan kekerasan itu akan membawa kebaikan kepada kedudukan mereka ataupun masyarakat seluruhnya.

Bagi menentukan sikap terhadap penggunaan kekerasan ini, responden ditinjau setakat manakah mereka sanggup melakukannya berkait dengan keadaan kehidupan mereka sendiri. Sekiranya kehidupan mereka susah, seolah-olah kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang, terdapat 5% responden yang sanggup bertindak setakat berbincang dikalangan kawan-kawan yang menghadapi masalah yang sama. Kira-kira 12.5% sanggup

berjumpa dengan pegawai awam yang bertanggung jawab dengan masalah yang dihadapi itu. Manakala 15% responden sanggup mengadakan satu perjumpaan awam bagi membincangkan masalah yang dihadapi. Sebaliknya kira-kira 42.5% responden sanggup mengadakan demonstrasi atau protes terhadap pihak yang dianggap bertanggung jawab menimbulkan masalah yang dihadapi. Dan sejumlah 25% lagi sanggup mengambil atau melakukan tindakan kekerasan sebagai alternatif untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.

JADUAL 4:40

TINDAKAN-TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL  
SEKIRANYA KEHIDUPAN SUSAH

Tindakan Yang Diambil	Bil.	%
Berbincang dengan kawan-kawan	2	5.0
Berjumpa dengan pegawai awam	5	12.5
Menganjurkan perjumpaan awam	6	15.0
Mengadakan demonstrasi / protes	17	42.5
Menggunakan kekerasan atasi masalah	10	25.0
Jumlah		40
		100

Daripada jadual ini (4:40) didapati kira-kira 67.5% responden yang berkesanggupan untuk mengambil tindak yang lebih ektrim iaitu samada mengadakan demonstrasi ataupun menggunakan kekerasan untuk mengatasi masalah atau mencapai matlamat. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai sikap atau berkepercayaan kekerasan patut digunakan dalam menyelesaikan masalah tertentu sekira lain-lain cara tidak mendatangkan hasil. Sikap atau kepercayaan saperti ini memudahkan berlakunya tindakan keganasan dikalangan mereka. Jadi mereka ini sebenarnya berpotensi untuk melakukan tindakan-tindakan keganasan.

Tindakan-tindakan kekerasan ini tidaklah dilakukan sewenang-wenangnya, tetapi ianya akan dipergunakan dalam keadaan tertentu dan memerlukan sahaja. Mengikut pendapat dari 55% responden tindakan kekerasan akan dilakukan sekiranya kehidupan terlalu susah dan mendesak. Sekiranya korupsi bermaharajalela atau melampau berlaku dinegara ini kira-kira 22.5% responden sanggup melakukan tindakan kekerasan untuk mendapat perhatian pihak-pihak tertentu bagi mengatasi masalah ini. Manakala 20% responden akan melakukan keganasan sekiranya terdapat jurang perbezaan yang ketara sekali antara golongan yang berada dengan golongan yang miskin. Iaitu golongan yang kaya ini terlalu kaya sedangkan yang miskin hidup dalam kesempitan dan tertindas. Dan 2.5% responden lagi akan bertindak secara kekerasan sekiranya pihak kerajaan tidak mengatasi masalah yang dihadapi.

JADUAL 4:41

KEADAAN-KEADAAN YANG MENYEBABKAN RESPONDEN  
SANGGUP MENGGUNAKAN KEKERASAN

Keadaan-keadaan	Bil.	%
Kehidupan susah dan ter sempit	22	55.0
Korupsi yang melampau	9	22.5
Jurang perbezaan yang nyata	8	20.0
Kerajaan tidak atasi masalah	1	2.5
Jumlah	40	100

Oleh itu sekiranya keadaan-keadaan ini wujud dikalangan komuniti ini terutamanya kesempitan atau kesusahan dalam kehidupan kemungkinan untuk berlakunya tindakan kekerasan atau keganasan adalah besar sekali. Ini ternyata sekali apabila berlakunya 'Demonstrasi Baling' pada penghujung

tahun 1974 lalu. Pada 21 November, 1974 berlaku satu demonstrasi di-pekan Baling yang mana kira-kira 13,000 penduduk daerah ini mengambil bahagian dan sebagai ekorannya pada 3 Disember, 1974 berlaku lagi satu demonstrasi di tempat yang sama melibatkan kira-kira 20,000 orang. Demonstrasi ini dilakukan pada asasnya bertujuan agar mendapat perhatian pihak kerajaan bagi mengatasi segera masalah kehidupan yang tersempit akibat dari kejatuhan harga getah dan inflasi.

Kejatuhan harga getah menyebabkan pendapatan penduduk kawasan ini berkurangan dan membawa kepada kemerosotan keupayaan pencapaian mereka. Dalam masa yang sama juga harga barang-barang keperluan melambung tinggi akibat dari inflasi, dan ini menyebabkan 'kuasa beli' mereka berkurangan. Harga getah sebelum ini melambung tinggi sehingga sampai keparas 70sen sekati. Keadaan ini menyebabkan value expectations mereka turut meningkat tetapi harga getah tidak terus menerus naik ataupun kekal pada paras itu, sebaliknya dalam masa yang singkat berikutnya harga getah telah jatuh..Kejatuhan harga getah ini membawa kepada kemerosotan dalam value capabilities mereka iaitu pendapatan sedangkan jangkaan mereka terus menerus bertambah dan tidak segera menurun. Kenaikan harga barang-barang keperluan menambahkan lagi kemerosotan value capabilities mereka kerana kuasa beli berkurangan.(kedudukan harga getah dan barang-barang keperluan ini dapat dilihat pada geraf di muka surat 24)

Keadaan ini menyebabkan wujudnya jurang perbezaan yang nyata antara value expectations dengan value capabilities mereka, dan ini menimbul perasaan tidak puashati dan marah dikalangan mereka. Sebagai akibatnya kemarahan itu dilahirkan dengan mengadakan demonstrasi secara beramai-

ramai. Mereka menuntut supaya kerajaan segera bertindak bagi naikan semula harga getah dan sebaliknya menurunkan harga barang-barang keperluan,

Demonstrasi yang dilakukan itu telah berjaya mencapai beberapa matlamatnya. Dimana selepas peristiwa itu pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang positif bagi menghapuskan atau mengurangkan perasaan ketidak-puasan dan kemarahan dikalangan penduduk kawasan ini. Langkah jangka pendek telah dilakukan oleh kerajaan yang mana pihak RISDA telah membeli getah secara langsung dari pekebun-pekebun. Manakala langkah jangka panjang ialah dengan mengadakan 'Sekim Stok Penimbang Getah' yang bertujuan untuk menstabilkan harga getah. Selain daripada itu pihak kerajaan juga telah berjanji akan melaksanakan segera projek pembangunan di kawasan ini. Satu daripadanya yang sedang dijalankan sekarang ialah pembukaan tanah baru di kawasan pendalamian iaitu di-Seniyik.

Sebaliknya kejayaan pencapaian matlamat melalui tindakan demonstrasi ini akan mendorongkan masyarakat disini melakukan tindakan keganasan lain selanjutnya bagi mencapai matlamat tertentu. Pengalaman dan kejayaan tindakan kekerasan yang lalu akan lebih memungkinkan mereka bertindak sedemikian di masa-masa kemudiannya. Ini telah dijelaskan oleh Robert Ted Gurr (1970:171)

" Varied evidence and arguments indirectly support the contention that a society's historical experience with political violence affect its prospects for future violence."

Dalam melihat sikap responden terhadap penggunaan kekerasan ini, didapati kesemua (100%) responden bersetuju dan menyokong tindakan yang

telah dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W dalam menentang dan menghapuskan kezaliman dan ketidak-adilan. Mereka berpendapat demi kepentingan keadilan dan membentras perbuatan kezaliman tindakan-tindakan kekerasan dengan menggunakan pedang yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W itu adalah patut dan baik sekalai

Sebaliknya kalau dilihat pada diri mereka sendiri samada mahu ikut atau tidak tindakan yang telah dijalankan oleh Nabi S.A.W itu. Terdapat kira-kira 65% responden mahu mengikut jejak langkah itu sekiranya ada orang yang melakukan sesuatu yang tidak adil keatas diri mereka. Sungguhpun begitu 32.5% responden lagi tidak sanggup untuk bertindak sedemikian rupa walaupun ada orang yang menindas mereka. Sebaliknya mereka lebih suka menggunakan lain-lain cara bagi mengatasi penindasan itu. Dan seorang atau 2.5% responden lagi menganggap tindakan seperti yang dilakukan oleh Nabi S.A.W itu tidak harus dipraktikan dimasa sekarang kerana keadaan sekarang sudah berlainan dengan keadaan dahulu.

JADUAL 4:42

SIKAP RESPONDEN TERHADAP TINDAKAN NABI S.A.W

Sikap Responden	Bil.	%
Mahu mengikut	26	65.0
Tidak mahu ikut	13	32.5
Zaman sudah berbeza	1	2.5
Jumlah	40	100

Dari pada keputusan-keputusan tinjauan terhadap sikap responden ini didapati ramai dikalangan responden yang berkepercayaan bahawa penggunaan kekerasan itu adalah perlu dalam keadaan tertentu, terutamanya untuk

mencapai matlamat dan keperluan yang mendesak setelah jalan-jalan lain yang dipergunakan tidak mendatangkan hasil. Mereka juga berkepercayaan dengan melakukan tindakan keganasan itu akan mendatangkan hasil yang baik kemudiannya, ini ternyata setelah mereka melakukan demonstrasi dipenghujung tahun 1974 lalu. Responden juga telah berpengalaman dalam melakukan tindakan yang agak ektrim terhadap kerajaan atau pemerintah iaitu dengan berdemonstrasi.

## BAB 5

### PENUTUP

#### 5.1 Kesimpulan

Berdasarkan kepada data-data dan penerangan yang diberikan oleh responden dapat dirumuskan bahawa komuniti ini sememangnya mengalami RD. Penyebaran RD di kalangan komuniti ini meliputi aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik tetapi dalam darjah kekuatan yang berbeza. Ternyata darjah RD yang dialami dalam aspek ekonomi adalah paling tinggi sekali dimana purata rationya 0.72, keduanya aspek politik iaitu di peringkat tempatan yang mana purata rationya 0.63. Manakala aspek **sosial** yang berdasarkan kepada pencapaian pelajaran anak-anak dan aspek politik nasional darjah RD yang dialami adalah rendah dimana purata ratio kedua-duanya ialah 0.39 dan 0.31 sahaja (rujuk jadual 4:21).

Kehebatan darjah RD dalam aspek ekonomi yang dialami oleh komuniti ini juga terbukti dengan aspirasi dan cita-cita mereka yang berkisar disekeliling aspek-aspek ekonomi sahaja. Misalnya aspirasi responden tertumpu kepada untuk mencapai kekayaan, mahukan kesenangan hidup dan berkehendakan atau memiliki tanah sahaja (rujuk jadual 4:5), tidak ada responden yang menumpukan cita-cita dan aspirasi mereka kepada aspek-aspek lain. Dari sini ternyata bahawa komuniti ini mempunyai harapan dan jangkaan yang tinggi dalam mencapai nilai-nilai ekonomi dan ini sekaligus menunjukkan mereka mengalami darjah RD yang tinggi dalam aspek ekonomi.

Tingginya darjah RD yang dialami dalam aspek ekonomi yang berasaskan kepada pendapatan personal responden adalah kerana terdapat jurang yang

besar diantara jumlah jangkaan dengan pencapaian sebenarnya. Tingginya jangkaan mereka terhadap pendapatan bersebab dari beberapa keadaan. Satu daripadanya ialah kerana anggota komuniti ini terdedah dengan keadaan penghidupan dan pendapatan yang diperolehi oleh beberapa anggota komuniti ini yang lebih baik daripada mereka. Kumpulan ini yang terdiri dari tuan-tuan tanah, pegawai kerajaan dan pengusaha balak menjadi sebagai reference group kepada komuniti ini yang mana mereka cuba membandingkan kehidupan mereka dengan kumpulan ini. Dan sebagai akibat langsung mereka membuat jangkaan pendapatan yang tinggi dan mengidami corak hidup seperti yang dinikmati oleh golongan yang berpendapatan tinggi itu. Golongan yang berpendapatan tinggi ini dapat dikatakan juga sebagai telah memberikan demonstration effect kepada komuniti ini berdasarkan pengertian yang diberikan oleh Blanksten (Bert Hoselitz & Wilbert Moore:1963:184)

" People on a lower standard of living become acquainted with the benefits of a higher standard and in consequence of this 'demonstration effect' come to desire or demand the goods of the higher level."

Jangkaan dalam aspek ekonomi tinggi di kalangan komuniti ini juga kerana saban hari mereka didedahkan dengan berita-berita mengenai pembangunan yang pesat telah dicapai dan sedang dilancarkan oleh pihak kerajaan terutamanya untuk meninggikan taraf hidup kaum Bumiputera. Berita-berita seperti ini didedahkan oleh surat-surat kabar, radio dan telivision. Pendedahan ini menyebabkan mereka membuat jangkaan bahawa mereka juga pasti akan mendapat faedah dari rancangan pembangunan dan kemajuan negara itu. Mereka mempercayai projek dan rancangan pembangunan bagi meninggikan taraf hidup mereka juga akan dilaksanakan di kawasan ini pada suatu masa nanti. Atasan kepercayaan dan anggapan inilah menyebabkan mereka membuat jangkaan yang tinggi terhadap pendapatan.

Sebaliknya nilai-nilai pencapaian mereka adalah jauh lebih rendah daripada apa yang dijangkakan. Ini adalah berkaitan dengan sektor pekerjaan dan pemilikan tanah/kebun getah. Bagi mereka yang bekerja menoreh getah ini biasanya jumlah pendapatan yang diperolehi tidaklah tetap, bergantung kepada harga bahan ini dan juga musim. Harga getah pula boleh berubah-ubah, turun-naiknya boleh berlaku dalam masa yang singkat sekali. Dan ini menyebabkan pendapatan mereka juga tidak tetap, bertambah dan berkurangan mengikut harga getah. Kebanyakan anggota komuniti ini berpendapatan rendah juga bersebab dari jumlah pemilikan tanah/kebun getah yang kecil. Rata-rata mereka memiliki tanah/kebun getah kurang dari 10 ekar setiap keluarga dan terdapat ramai pula dari mereka yang tidak mempunyai tanah langsung (rujuk jadual 2:2). Mereka terpaksa bergantung hidup dengan dengan mengerjakan tanah/kebun getah orang lain secara sewa. Penyewaan ini menyebabkan hasil keluaran yang diusahakan oleh mereka itu terpaksa dibahagi dua dengan tuan tanah. Keadaan-keadaan inilah menyebabkan perolehan pendapatan mereka rendah, rata-rata mereka berpendapatan kurang dari \$100 sebulan (rujuk jadual 2:3).

Jadi keadaan pekerjaan dan jumlah pemilikan tanah/kebun getah telah menyekat pencapaian pendapatan yang lebih tinggi untuk mengimbangi jangkaan yang dibuat. Tingkat pencapaian yang rendah dalam pelajaran personal mereka juga tidak banyak membuka peluang kepada mereka untuk menukar sektor pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi. Dengan keadaan ini menyebabkan mereka mengalami darjah RD yang tinggi dalam bidang ekonomi.

Dalam bidang politik darjah RD yang dialami antara peringkat nasional dengan peringkat tempatan adalah berbeza. Di peringkat tempatan darjah

RD yang dialami lebih tinggi kerana jangkaan untuk terlibat lebih tinggi dari pencapaian penglibatan sebenar. Mereka membuat jangkaan yang tinggi kerana nilai-nilai peribadi seperti taraf pelajaran dan kedudukan ekonomi dikalangan mereka yang turut terlibat dalam politik tempatan ini tidaklah berbeza sangat diantara satu sama lain. Keadaan ini membenarkan mereka membuat jangkaan yang tinggi. Walaupun begitu pencapaian mereka tersekat disebabkan oleh adanya orang-orang yang lebih berpengaruh yang menguasai hal-hal politik tempatan ini. Sebaliknya di peringkat nasional mereka tidak begitu berani untuk membuat jangkaan yang tinggi kerana mereka sememangnya menyedari bahawa dengan pencapaian pelajaran yang rendah dan kedudukan ekonomi yang tidak kukuh itu tidak membenarkan mereka turut terlibat pada peringkat yang tinggi. Ini adalah semata-mata kerana di peringkat ini mereka pastinya menghadapi saingan secara terbuka dan lebih hebat kalau mahu menceburkan diri secara aktif dalam organisasi politik nasional. Oleh itu hanya mereka yang betul-betul berkeupayaan sahaja akan berjaya. Oleh sebab jangkaan yang tidak tinggi ini menyebabkan mereka tidak mengalami darjah RD yang tinggi di peringkat politik nasional ini.

Dalam aspek pencapaian pelajaran anak-anak, mereka juga tidak mengalami darjah RD yang tinggi, walaupun jangkaan yang dibuat itu tinggi. Ini adalah kerana peluang-peluang pencapaian juga tinggi dan terbuka luas kepada mereka, ini sekaligus menyebabkan kekeciwaan yang yang dialami tidaklah terasa sangat. Peluang-peluang pencapaian pelajaran untuk anak-anak mereka terbuka luas, misalnya terdapat kemudahan persekolahan dan berbagai bantuan telah diberikan oleh pihak kerajaan seperti bantuan buku teks dan biasiswa untuk anak-anak miskin.

Oleh itu tidak ada halangan bagi mereka untuk menyekolahkan dan memberi pelajaran kepada anak-anak mereka.

Walaupun ternyata komuniti ini ada mengalami RD tetapi kemungkinan untuk mereka melakukan keganasan politik adalah rendah. Ini adalah kerana buat masa ini tidak ada bibit-bibit atau bukti-bukti yang menunjukkan mereka ini tidak berpuashati terhadap kerajaan ataupun dasar-dasar pemerintahannya. Sungguhpun dalam pilihanraya responden menganggap kemenangan parti kerajaan adalah melalui cara-cara yang tidak adil, berlakunya berbagai tipu muslihat dan penyelewengan (rujuk jadual 4:34). Tetapi kemudiannya setelah kerajaan memerintah dan menjalankan pentadbiran, mereka memberi sokongan kepada dasar-dasar yang dijalankan itu. Kerajaan juga dianggap berjaya dalam menghadapi masalah negara yang timbul dan cara-cara yang dipergunakan oleh kerajaan itu dipersetujui (rujuk jadual 4:37). Mereka juga menaruh harapan dan percaya kepada kerajaan sekarang akan dapat mengatasi masalah-masalah itu di masa akan datang (rujuk jadual 4:39). Ini menyebabkan penyokongan dan pengesahan terhadap pengujudan kerajaan sekarang oleh komuniti ini kembali kuat dan kukuh.

Dalam Pilihanraya Umum 1974, didapati rakyat dikawasan ini telah menolak calun kerajaan (UMNO) sebaliknya memilih calun pembangkang dari parti BEBAS bagi memenuhi Kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan ini. Walaupun begitu, ini sebenarnya tidak bermaana penduduk kawasan ini menolak dan tidak sukaan kerajaan (BARISAN NASIONAL) yang memerintah sekarang ini. Penolakan calun kerajaan itu lebih merupakan penentangan peribadi calun itu sendiri dan bukannya menentang dasar-dasar atau ideologi kerajaan. Ini jelas kerana calun kerajaan bagi

merebut Kerusi Parlimen tidak dicabar atau ditentang langsung. Malah beliau telah menang tanpa bertanding. Sekiranya mereka menentang dasar-dasar dan polisi kerajaan tentulah calun kerajaan bagi Kerusi Parlimen juga dicabar dan ditandingi seperti mana yang terjadi keatas calun kerajaan bagi Kerusi Dewan Undangan Negeri. Oleh itu ternyata bahawa kemenangan dan pemilihan calun BEBAS itu tidak bermula penduduk kawasan ini tidak suka atau menolak Kerajaan BARISAN NASIONAL.

Sungguhpun tidak ada bibit-bibit kemarahan terhadap kerajaan dan dasar-dasar pemerintahannya sekarang, tetapi sekiranya kerajaan gagal atau tidak dapat mengatasi masalah yang mungkin timbul dikalangan komuniti ini di masa-masa akan datang kemungkinan untuk berlakunya keganasan politik di kalangan mereka adalah besar sekali. Ini adalah kerana di kalangan komuniti ini memang terdapat unsor-unsor normative dan utilitarian justifications yang membenarkan mereka bertindak secara kekerasan. Di kalangan mereka seolah-olah wujudnya 'jiwa revolusi' dimana mereka sanggup untuk melakukan kekerasan bagi mencapai matlamat atau mengatasi masalah. Ramai responden sanggup melakukan tindakan yang ektrim seperti berdemonstrasi dan gunakan kekerasan sekiranya kehidupan susah (rujuk jadual 4:40)

Lagipun komuniti telah berpengalaman dalam menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat dan mengatasi masalah. Di mana mereka telah terlibat secara langsung dalam 'Demonstrasi Baling' yang berlaku pada penghujung tahun 1974 dahulu. Pengalaman dan kejayaan dalam tindakan demonstrasi itu akan memberansangkan dan mendorongkan mereka melakukan lagi tindakan sedemikian di masa akan datang untuk mencapai matlamat sekiranya lain-lain jalan atau cara gagal dipergunakan. Oleh itu jika

kerajaan gagal mengatasi sebarang masalah yang timbul di masa-masa akan datang di kalangan komuniti ini dan kerajaan dianggap bertanggung jawab menimbulkan masalah itu maka kemungkinan untuk melakukan keganasan terhadap pemerintah atau kerajaan adalah besar sekali.

### 5.2 Masalah Kajian

Dalam menjalankan kajian ini sememangnya terdapat beberapa masalah. Masalah-masalah timbul dan dialami oleh pengkaji terutamanya semasa proses mengumpulkan data-data yang diperlukan, jelasnya semasa menjalankan proses temu-bual secara langsung dengan responden.

Terdapat responden yang tidak dapat memahami setengah-setengah soalan yang dikemukakan dengan senangnya. Maksudnya mereka tidak dapat menangkap dengan cepat akan kehendak soalan yang dikemukakan itu. Oleh itu terpaksa diterang dan dijelaskan beberapa kali baru responden dapat memahaminya dengan betul, terutamanya soalan yang berkaitan dengan jangkaan dengan pencapaian sebenar. Dengan sebab ini banyak masa yang dipergunakan bagi menjalankan temu-bual itu lebih daripada sepertutnya.

Responden juga kadangkala dan pada setengah-setebgah soalan itu tidak dapat memberi jawaban atau maklumat secara jelas dan tepat. Misalnya dalam menentukan jumlah pendapatan keluarga mereka terdapat jawaban saperti 'cukup makan sekeluarga', 'tidak tentu' dan lain-lain lagi. Mereka memberikan jawaban begini mungkin kerana sememangnya jumlah pendapatan mereka tidak dapat ditentukan secara tepat malah pendapatan mereka tidak tetap, berubah-ubah mengikut harga getah dan jumlah hari yang dapat menjalankan kerja menoreh. Oleh itu dalam hal

saperti ini mereka terpaksa diminta membuat anggaran sendiri sahaja yang sudah semestinya tidak tepat dengan jumlah pendapatan sebenar yang diperolehi oleh mereka.

Dalam proses temu-bual secara langsung dengan mengemukakan soal-selidik ini juga menyebabkan setengah-setengah responden merasa takut dan ragu-ragu untuk memberi jawaban. Contohnya dalam menentukan sokongan mereka terhadap kerajaan dan kesanggupan untuk menggunakan kekerasan. Ini sebenarnya mereka takut perkara saperti ini diketahui oleh pihak kerajaan yang kemudiannya bertindak keatas mereka. Tetapi perkara ini dapat diatasi dengan penjelasan bahawa hasil-hasil temu-bual ini hanyalah semata-mata untuk tujuan pengkajian sahaja. Walaupun begitu tidak dapat dinafikan yang kesangsian dan keraguan itu masih wujud di kalangan mereka, tidak semudah itu terhapus.

Oleh sebab terdapatnya beberapa masalah ini, maka ianya sudah pasti menyebabkan timbulnya beberapa kekurangan pula dalam hasil kajian ini. Walaupun begitu kekurangan ini diagakan tidaklah serious dan boleh menjaskankan authenticity dan validity generalisasi induktif mengenai RD yang dialami dan kewujudan potensi-potensi berlakunya keganasan politik di kalangan komuniti yang dikaji.

BIBLIOGRAFI

1. Aron, Raymond  
(1965) Main Currents in Sociological Thought 1;  
Penguin Books.
2. Bandura and Walters  
(1963) Social Learning and Personality Development;  
Holt, Rinehart and Winston, Inc.
3. Feierabend,  
Feierabend and Gurr  
(1972) Anger, Violence, and Politics; Prentice Hall  
Inc. Englewood Cliffs, N.J.
4. Gurr, Robert T.  
(1970) Why Men Rebel; Princeton University Press,  
Princeton, New Jersey.
5. Herberble, Rudolf  
(1951) Social Movement: An Introduction to Political  
Sociology; New York Appleton-Century Crofts.
6. Hillery, G.A  
(1955) "Definatons of Community; Areas of Agreement"  
Dalam Rural Sociology Vol. 20.
7. Hoselitz, B. and  
Moore, W.  
(1963) Industrialization and Urbanization; Paris:  
UNESCO.
8. Lorenz, Konrad  
(1966) On Aggression; New York: Harcourt, Brace,  
and World.
9. MacIver and Page  
(1949) Society: An Introductory Analysis; MacMillan  
and Co. London.
10. Mosca, Geotano  
(1939) The Ruling Class; Mc. Graw Hill, New York.
11. Nieburg, H.L  
(1962) The Threat of Violence and Social Change;  
Dalam Amarican Political Science Review, LVI,  
December.
12. Paynton, C.T and  
Blackey, R.  
(1971) Why Revolution? Theories and Analyses;  
Schenkman Publishing Co. Inc.
13. Pettee, Geoge S.  
(1938) The Process of Revolution; New York, Harper  
and Row.

14. Schwatz, David C.  
(1967) Political Alienation: A Preliminary Experiment  
on the Psychology of Revolution's First Stage.
15. Selsam, H.  
(1973) Dynamic Social Change; International  
Publishing Co. Inc.
16. Sherif, M. and  
Sherif, C.W  
(1969) Sosial Psychology; New York.
17. Toch, Hans  
(1966) The Social Psychology of Social Movement;  
Methuen and Co. Ltd. London.
18. Trotsky, Leon  
(1957) The History of the Russian Revolution;  
Ann Arbor, University of Michigan Press.
19. Tudker, Robert C.  
(1969) The Marxian Revolutionary Idea; New York,  
W.W Norton and Co. Inc.
20. Wilson, L. and  
Kolb, W.  
(1949) Sociological Analysis; New York, Harcourt  
Brace and Co.